

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat belas pada 12 November 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera. Selamat pagi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Teratai. Tidak hadir.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Boleh bagi pihak Teratai? Saya mohon soalan.

**TUAN SPEAKER :** Saya tak benarkan. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Melawati. Tidak hadir. Seterusnya Yang Berhormat Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOAHAN DAGANG**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kapasiti penuh dan kapasiti semasa Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan apakah kawasan perkhidmatan yang mana air daripada LRA ini akan dibekalkan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Bateri baru charge. Tuan Speaker, Yang Berhormat Banting ingin mengetahui mengenai kapasiti penuh dan kapasiti semasa loji rawatan air Labohan Dagang dan apakah kawasan perkhidmatan yang mana air daripada LRA ini atau Loji Rawatan Air ini akan dibekalkan. Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa Pertama dibina dengan kapasiti pengeluaran air terawat sebanyak 200 juta liter sehari.

Daripada jumlah 200 juta liter sehari ini, pengagihan air sebanyak 56 juta liter sehari dari LRA Labohan Dagang ini akan dilaksanakan terlebih dahulu menggunakan sistem agihan sedia ada ke kawasan Banting, Jugra, Sungai Buaya, Kelanang, Kanchong Darat, Kampung Sungai Lang dan Kampung Sungai Kelambu. Pengagihan ini akan dilaksanakan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

dalam masa terdekat apabila pihak UPEN menyerahkan LRA Labohan Dagang kepada Pengurusan Air Selangor.

Baki sebanyak 144 juta liter sehari tersebut pula akan diagihkan selepas pihak UPEN menyiapkan jajaran paip baru dari Kolam Jugra Baru ke paip utama sedia ada di Pekan Banting dan Sijangkang (Jalan Klang Banting). Status semasa bagi kerja-kerja ini ialah dalam pelaksanaan kerja oleh UPEN. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Soalan saya 117.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN (N02 SABAK)**

#### **TAJUK : KEMAJUAN PERLAKSANAAN ANJUNG UTARA**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemajuan perlaksanaan gugusan bagi anjung utara?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Bismillahirrahmannirrahim. Terima kasih Sabak dan juga Tuan Speaker. Gugusan bagi anjung utara merangkumi 2 kluster iaitu Kluster Pertanian dan Kluster Eko-Pelancongan yang melibatkan Daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Bagi Kluster Pertanian yang diselaraskan oleh Seksyen Sektoral UPEN satu (1) Jawatankuasa Teknikal telah diwujudkan bagi membincangkan dengan lebih lanjut pelan tindakan yang akan dilaksanakan di daerah terlibat. Antara perancangan di gugusan tersebut adalah meningkatkan pengeluaran tanaman bagi makanan ternakan seperti bijian jagung serta meneroka tanaman baharu bagi makanan ternakan seperti Sorghum HBG seluas 6 hektar di Sungai Panjang, Sabak Bernam bagi mengurangkan bilangan import makanan ternakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga merancang untuk memperkenalkan projek tanaman roselle dan projek ladang kontrak di atas tanah seluas 100 ekar di Sungai Air Tawar Sabak Bernam bagi tujuan pasaran tempatan dan eksport. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memperkenalkan penanaman Lemon Myrtle di Sungai Tengi, Kuala Selangor oleh pihak swasta di atas tanah berkeluasan 120 ekar yang merupakan projek pertama seumpamanya di Malaysia dan terbesar yang pernah diberi kebenaran.

Bagi Kluster Eko-pelancongan di Hulu Selangor pula, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN selaku penyelaras kluster telah mewujudkan satu (1) lagi jawatankuasa teknikal bertujuan untuk merangka dasar dan perancangan berkaitan eko-pelancongan di negeri ini. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah melancarkan Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan perkhidmatan industri pelancongan negeri terutamanya produk-produk di dalam kluster eko

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

pelancongan. Program yang telah dirasmikan pada 8 Julai 2019 bertempat di Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu ini mengandungi empat (4) Projek Perintis (Pilot Project) iaitu:

- i) Projek Perintis P3S Inap Dusun;
- ii) Projek Perintis P3S Sukan Lasak;
- iii) Projek Perintis P3S Jeti & Bot; dan
- iv) Projek Perintis P3S Aktiviti Penginapan Komersial di Bangunan Kediaman.

Manakala jawapan b berkenaan dengan reformasi di Majlis Daerah Sabak Bernam dalam usaha memacu pembangunan di kawasan luar bandar khasnya di daerah Sabak Bernam, Kerajaan Negeri telah mengujudkan Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam yang kini sedang merangka hala tuju dan mengkaji beberapa cadangan pembangunan fizikal dan bukan fizikal oleh Majlis Daerah Sabak Bernam melalui pembangunan fizikal dan bukan fizikal tersebut Jawatankuasa berharap ia dapat merancakkan ekonomi masyarakat tempatan secara amnya terdapat beberapa perancangan pembangunan yang telah dirangka.

Pertama mewujudkan pusat industri, pusat pengajian tinggi dan pertanian Sabak Bernam. Yang kedua, mempromosi aktiviti pelancongan daerah. Yang ketiga, menggalakkan aktiviti sukan dengan menggunakan fasiliti Majlis Daerah Sabak Bernam. Keempat, melaksanakan pusat pengumpulan ikan dan lain-lain termasuk mentarang. Kelima, pemberian lesen permit yang lebih mudah dan kurang birokrasi. Keenam, publisiti dan hebahan awam tapak yang berpotensi untuk menjana ekonomi. Ketujuh, sekatan urusan ke atas penama-penama yang mempunyai tunggakan kompaun dengan semua kaunter di majlis Daerah. Kempen bayar kompaun dengan diskaun. Kesepuluh, tuntutan kompaun lapuk melalui tindakan guaman bagi mengurangkan tunggakan hasil dari kompaun. Ke sebelas, melaksanakan penyertaan semasa penguatkuasaan dijalankan dan kedua belas pemantapan penguatkuasaan bagi mengurangkan ketirisan *charge* berkenaan lesen dan sebagainya.

Bagi Yang Berhormat Sabak Bernam, Majlis Daerah Sabak Bernam perlu melaksanakan beberapa fokus-fokus ini sebagai persediaan kepada kita apabila siapnya WCE nanti sebagai jajaran baru lebuh raya yang merentangi Negeri Selangor daripada Banting dan melintasi Sabak Bernam sampailah ke Bagan Datok. Dan kita percaya dengan persediaan yang dikemukakan ini kita dapat mengambil terus dan mengambil kesempatan di atas limpahan kenderaan dan limpahan pergerakan yang berlaku khususnya di kawasan juga apabila lebuh raya itu telah selesai nanti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :**

Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya dipersilakan Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :**

Hanya anak tiri yang merasakan dia anak tiri. Di Sabak Bernam merasakan bahawa sekian lama dianaktirikan saya nak tanya daripada RM19 bilion pelaburan yang masuk ke Selangor saya nak tanya berapa ringgit yang singgah di Sabak Bernam. Bukan berapa juta. Berapa ringgit yang singgah di Sabak Bernam. Terima kasih.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sabak Bernam. Sebab itu bila kita katakan tidak ada kawasan industri atau tapak-tapak industri dan sebagainya sebenarnya ada usaha sebagai contoh ada beberapa anak-anak syarikat kita pernah membina perkilangan atau kawasan perindustrian di sabak Bernam malangnya apabila pembinaan itu dibuat tidak ada *takers* atau tidak ada mereka yang mengambil untuk melabur di kawasan tersebut.

Justeru apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ialah sediakan space, sediakan ruangan dan sediakan kemudahan-kemudahan tersebut untuk saya bagi angkanya saya rasa sudah terpesong kepada soalan ini tapi saya cuba dapatkan berapa banyak daripada RM19 bilion yang dikatakan turun itu kebanyakannya turun di tapak industri dan kawasan perkilangan yang sedia ada di Negeri Selangor tapi kalau saya nak tahu berapa di Sabak Bernam itu berapa saya tak pasti. Tapi kalau kita cakap tak ada langsung pun tak boleh sebab akhirnya kitaran ekonomi bergerak dengan agak lebar. Tidak hanya berhenti di tapak kilang itu. Sudah pasti ada industri hiliran. Sudah pasti ada industri sokongan perkhidmatan dan sebagainya. Kerajaan Negeri cuba untuk menyambung atau hubungkan antaranya kita lahirkan SELDEC, SELDEC adalah untuk mendapatkan atau menghubungkan industri-industri kecil yang ada di sana seperti perindustrian makanan ringan, kerepek dan sebagainya untuk dipasarkan terus di kawasan bandar khususnya di kawasan Shah Alam, Petaling Jaya, Subang mahupun sampai di Kuala Lumpur. Itu sedikit yang boleh saya jawab. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya ialah berkenaan anjung ini adakah usaha-usaha daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membawa pelabur ataupun rancangan jangka masa panjang iaitu untuk membina kilang di DUN Sungai Air Tawar memandangkan di DUN Sungai Air Tawar ini sudah ada tapak-tapak kilang industri yang telah dibina dulu tetapi sehingga kini belum ada sebarang perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk membina kilang atau industri di DUN Sungai Air Tawar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Perancangan kita melihat daripada sudut daerah dan lokaliti-lokaliti yang dibangunkan jadi kita tidak tengok secara spesifik. Sebab itu saya ada sebutkan tadi kita ada cubaan untuk bina kawasan perindustrian kilangnya adalah kilang kos rendah. Malangnya saya lihat angkanya tidak ada yang ambil atau tidak ada yang ingin membangun di sana sebab itu saya minta Yang Berhormat Pandan Indah, Yang Berhormat Batu Tiga dan Yang Berhormat Kota Kemuning untuk sama-sama duduk dan melihat dan mengembangkan potensi-potensi ni. Kerajaan Negeri melihat WCE salah satu katalis yang penting nanti untuk pembangunan di Sabak Bernam tapi kalau kita tak bersedia, kita takkan dapat apa-apa malahan akan melimpah di luar Negeri Selangor seperti di Bagan Datok dan sebagainya.

Justeru kita akan lihat tapak-tapak ini termasuk tapak-tapak perindustrian yang telah di gazetkan atau telah dizonkan dan kita bersedia untuk menerima limpahan-limpahan apabila semuanya selesai dan baik. Sebab itu kluster ini diwujudkan untuk melihat potensi yang ada jadi kita telah mulakan beberapa projek kebanyakannya adalah projek pertanian cuma pada ketika ini kita ingin memastikan projek itu menggunakan teknologi terkini dan penggunaan teknologi terkini lebih bersih, lebih tepat, lebih *pre-size* maknanya dia lebih

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

menarik golongan muda untuk bertapak di kampung atau kawasan lokaliti yang Yang Berhormat bangkitkan dan kita mengelakkan migrasi besar-besaran ke kawasan bandar yang menyebabkan kekurangan sumber manusia di kawasan terbabit. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, disebutkan juga tadi anjung utara melibatkan Hulu Selangor. Seperti yang disebutkan juga oleh Yang Amat Berhormat pada 8 Julai tahun ini suatu pelancaran telah dibuat di Kuala Kubu Baru. Saya merasakan sukan lasak di Kuala Kubu Baru seperti mana yang kita lihat kelmarin merupakan suatu potensi yang sangat tinggi di kawasan Kuala Kubu. Adakah Yang Amat Berhormat memperuntukkan bajet tertentu untuk merancakkan sukan lasak yang kita sama-sama saksikan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Batang Kali. Ini yang saya maksudkan pendaftaran P3S tadi adalah untuk *regulate* atau menyusun pendaftaran-pendaftaran mereka. Amat malang sebenarnya kalau diukur pendapatan kita daripada sektor pelancongan yang lepas hanya diukur RM20 juta tetapi angkanya mungkin dua kali ganda ataupun paling tidak lebih tiga per empat daripada angka yang sepatutnya sebab beberapa aktiviti seperti Inap Desa, Inap Dusun. Di kawasan Hulu Selangor ada Inap Dusun, di kawasan jalan ke Batang Kali ke Genting saya kira ada beberapa kawasan yang telah dibangunkan tetapi tidak di *register* tidak didaftarkan sebagai institusi yang sah ataupun sebagai institusi yang boleh mendatangkan hasil pada negeri dan mendapatkan angka-angka yang didaftarkan di dalam senarai pelancong yang tinggal dan sebagainya. Sebab itu pemurnian data P3S yang dibuat sebenarnya oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan di bawah Selat Klang dapat membantu sedikit sebanyak usaha-usaha untuk mendatangkan hasil kepada negeri termasuk pendaftaran aktiviti-aktiviti sukan lasak ini. Dia bukan soal peruntukan lagi Yang Berhormat, bagi saya pada ketika ini program sudah ada, aktiviti sudah berjalan cuma bagaimana kerajaan dapat memfokuskan melihat apa yang boleh dibantu terutamanya infrastruktur, kemudahan, *networking* dan *database* ataupun senarai data terhadap program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang berjalan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya 118.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR (N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SKIM PERTUKARAN PEGAWAI ANTARA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim ini untuk pegawai peringkat atasan kerana ini dapat meningkatkan produktiviti dan juga menambah pengalaman mereka?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker, pada masa ini urusan pelantikan pengurusan atasan PBT iaitu Datuk Bandar, Yang Dipertua, Timbalan Datuk Bandar Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha adalah berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 melalui kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.12 Tahun 2008 Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap. Peminjaman ataupun pertukaran sementara adalah merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan agensi berkenaan bagi mengisi jawatan terbuka atau tertutup.

Secara dasarnya Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang mekanisme ataupun jadual bagi melaksanakan pertukaran pengurusan atasan dari satu PBT ke PBT yang lain dan ia adalah tertakluk kepada keperluan semasa selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Bagi pegawai PBT selain pengurusan atasan pula, pergerakan atau pun pertukaran pegawai hanya dilaksanakan di dalam PBT masing-masing mengikut keperluan PBT tersebut.

Untuk makluman juga, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti dan mengkaji kebolehlaksanaan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). Sekiranya penubuhan SPPBT ini dilaksanakan pertukaran pegawai termasuk pengurusan atasan antara PBT dijangka boleh dilaksanakan sekaligus dapat memberi peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dan kakitangan PBT. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya ialah berkenaan dengan pertukaran pegawai di pihak berkuasa tempatan tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO mengikut keperluan masing-masing di PBT masing-masing maknanya pegawai tidak ditukarkan di antara PBT sebab surat tawaran kerjanya adalah di PBT tersebut. Soalan saya ialah apakah pihak Kerajaan Negeri memantau pertukaran pegawai-pegawai di dalam PBT memandangkan ada PBT yang menukar pegawainya tidak mengikut keperluan yang sepatutnya contoh kalau pegawai itu kepakarannya di dalam bidang undang-undang sepatutnya diletakkan di Jabatan Undang-Undang bukannya di jabatan yang berlainan yang menyebabkan jabatan tersebut tidak efisien dan contohnya kalau pegawai tersebut dia mahir di ataupun kepakaran keperluannya adalah sepatutnya di Jabatan Landskap tetapi dia diletakkan di jabatan yang lain daripada kemahiran pegawai tersebut. Apa pandangan Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Pelabuhan Klang, pertukaran pegawai dalam di setiap PBT adalah kuasa Yang Dipertua atau pun kuasa Datuk Bandar,

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

sekiranya ada berlaku penukaran yang sesuai atau pun tidak mengikut *qualification* dengan izin yang pegawai itu mempunyai maka saya rasa aduan boleh dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk siasatan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi berkenaan dengan pegawai tidak boleh ditukarkan kepada majlis yang berlainan adakah kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang itu? Itu yang pertama, yang keduanya sekiranya cadangan ataupun permintaan daripada ADUN untuk pertukaran pegawai itu bolehkah dipertimbangkan. Ini kerana kita mendapati ada setengah-setengah pegawai bukan semualah ya, tidak memberikan kerjasama. Apabila kita memanggil untuk menyelesaikan masalah pegawai itu bukannya YDP ataupun Datuk Bandar, pegawai itu pun hantar wakil yang tidak boleh membuat keputusan jadi ini akan merumitkan untuk menyelesaikan masalah rakyat jadi...

**TUAN SPEAKER :** Soalan-soalan terus.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Itulah, soalan 1 sudah, soalan 2

**TUAN SPEAKER :** Jangan dualah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sudah dua soalan itu, jadi adakah ADUN boleh meminta kepada Kerajaan Negeri untuk menukar pegawai itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Jeram. Untuk soalan yang pertama seperti apa yang telah saya jawab KPKT sedang dalam usaha untuk mewujudkan satu suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkua Tempatan serta selepas suruhanjaya ini ditubuhkan kita boleh melaksanakan penukaran pegawai dari satu PBT dengan PBT yang lain secara sah dan untuk soalan yang kedua saya rasa tiada masalah sesiapa nak mencadangkan penukaran pegawai ataupun naik pangkat bagi seseorang pegawai tetapi untuk PBT, kuasa itu adalah masih di bawah Yang Dipertua atau pun Datuk Bandar sendiri. Cadangan itu boleh dibuat tetapi keputusan itu akan dibuat oleh YDP dan Datuk Bandar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan ini soalan asal saya tapi saya bagi peluang Meru dengan Jeram. Soalannya ialah adakah kerajaan bercadang sementara menunggu Suruhanjaya KPKT menggubal entah bila kita pun tidak tahu so adakah kerajaan bercadang untuk adakan suatu swap antara PBT, mungkin contoh, ini contoh. Contoh antara PBT Sabak dengan Hulu Selangor..

**DEWAN :** Setuju.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Kuat sikit, boleh kuat sikit, setuju?

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**DEWAN :** Ya.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Mungkin boleh swap antara pengarah sana dengan pengarah PBT Hulu Selangor. Mungkin boleh swap juga dengan PBT yang lain so ini akan memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan mempertingkatkan dia punya kemahiran ataupun mungkin boleh naik pangkat dan sebagainya daripada mereka asyik tengok muka itu tiap-tiap hari so mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih kerana melibatkan perkhidmatan. Biar saya jelaskan supaya nampak boleh terang. Pertama kita kena nampak pihak PBT ini adalah sebagai satu kerajaan. Mereka lantik, mereka pilih dan sebabnya sistem itu memang *circle* di situ, percubaan untuk swap, kita pernah lakukan sebelum ini tapi ada 3 syarat. Syarat pertama orang yang hendak dipindahkan setuju untuk pindah, yang kedua yang ingin menerima pengganti itu setuju iaitu majlis terbabit dan yang nak lepaskan kena setuju. Tiga-tiga syarat ini berlaku, maka berlakulah pertukaran itu. Kalau ketiga-tiga syarat itu tidak berlaku maknanya dia tidak boleh berlaku pertukaran ataupun swap yang dicadangkan oleh Batang Kali malahan kita pernah buat pada 2009, 2010 dan sebagainya dan ada kesan juga, kesannya kekosongan yang ditinggalkan oleh jawatan-jawatan tersebut tidak dapat diisi selagi mana kerana tugas hakiki di sana misalkan levelnya 44, 52 selagi dia dipinjamkan, kekosongan 52 itu tidak dapat diisi oleh penjawat-penjawat baru dan sebagainya. Jadi kena faham struktur asas kerajaan ini dan saya berharap sebenarnya kita tidak boleh buat, kita akan tunggu sama ada KPKT buat atau tidak. Kalau tidak kita akan buat di peringkat negeri sendiri supaya paling tidak majlis-majlis tempatan dapat bertukar. Tapi kalau KPKT buat, dia sebenarnya lagi baik sebab bukan dari Sabak ke PJ, bukan dari Petaling Jaya ke Subang Jaya dia malahan dari Petaling Jaya tiba-tiba sampai ke Raub, daripada Raub boleh sampai ke Tuaran dari Tuaran boleh sampai *landing* di Sabak Bernam nanti. Itu dia punya kesannya dan saya rasa ada baiknya dan kita kena sokong dan kena percepatkan usaha ini, terima kasih.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Taman Templer, sikit-sikit.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Tuan Speaker, saya hendak bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk melantik Yang Dipertua dan Datuk Bandar ini di kalangan orang politik sebab sekarang ini PTD. Itu soalan saya, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih, sebenarnya pelantikan ahli politik sebagai YDP ataupun Datuk Bandar boleh dilaksanakan sekiranya kita ingin melantik tetapi banyak perkara yang kami perlu pertimbangkan seperti pengalaman pengurusan kerana untuk menguruskan sesebuah PBT dia bukan senang, dia melibatkan banyak pengalaman yang diperlukan dan secara kesimpulan jawapannya adalah boleh sekiranya kita hendak laksanakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan seterusnya, Hulu Bernam. Ya Sungai Panjang.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Dengan izin Tuan Speaker, saya ingin menggunakan Peraturan Tetap 24 (2) untuk mengambil soalan Hulu Bernam sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya benarkan, sila.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR (N05 HULU BERNAM)**

#### **TAJUK : PELABURAN ASING**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan program, usaha yang telah dilakukan bertujuan mempromosikan Negeri Selangor di luar negara dalam usaha menarik pelabur?
- b) Nyatakan jumlah kos yang digunakan oleh INVEST Selangor sepanjang usaha mencari pelabur sehingga September 2019?
- c) Nyatakan jumlah pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk tahun 2019?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan 285 yang dikemukakan oleh Sungai Air Tawar. Tuan Speaker, terdapat 16 program yang telah dilakukan untuk mempromosikan Negeri Selangor di luar negara untuk menarik pelaburan bagi tahun 2019, antaranya :-

1. Misi Promosi Penggalakan ke Hong Kong
2. Misi Promosi Pelaburan dan Lawatan Kerja ke Gulfood Dubai
3. Misi Promosi Penggalakan ke Taipei, Taiwan
4. Annual Investment Meeting (AIM) di Dubai
5. Lawatan Kerja Teknikal ke Korea Selatan
6. Pameran Antarabangsa ICT HKTDC (HKTDC International ICT Expo) Hong Kong
7. Korea Cosmetic Ingredient & Technology Exhibition, Kintex, Goyang-Si, Korea (The CI Korea 2019)
8. Misi Penggalakan Pelaburan ke Jepun (The World Food & Beverages Great Expo / Premium Food Show 2019) Tokyo, Jepun
9. Misi Penggalakan Pelaburan dan Penglibatan Booth Selangor pada Program Hofex, Hong Kong
10. Misi Promosi Selangor ASEAN Business Conference (SABC) di Jakarta, Indonesia
11. Misi Promosi Selangor International Business Summit ke Vietnam and Filipina
12. Lawatan ke Airbus dan Perasmian Smart Radome Workshop di Sepang
13. Misi Promosi Selangor International Business Summit ke Jakarta
  
14. Misi Penggalakan Pelaburan ke Perancis dan United Kingdom dan Penyertaan di International Paris Airshow
15. Misi Penggalakan Pelaburan ke Korea sempena Halal Trade Expo Korea

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

### **16. Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke China (Chongqing, Shenzhen & Qingdao)**

Tuan Speaker, secara dasarnya Kerajaan Negeri Selangor tiada halangan ke mana-mana delegasi mewakili Kerajaan Negeri melawat ke luar negara atas urusan rasmi. Jumlah kos yang dibelanjakan bagi tahun 2018 hingga setakat ini pada tahun 2019 untuk urusan menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah sebanyak RM33.09 juta yang mana kos ini merangkumi pelbagai program seperti misi penggalakan pelaburan ke luar negara, sesi dialog, libat urus ataupun *engagement* dengan izin, penganjuran dan penyertaan pameran dalam dan luar negara serta penerbitan bahan promosi. Berdasarkan program-program promosi penggalakan yang dilaksanakan pihak Invest Selangor telah menerima sebanyak 36 cadangan projek pelaburan dengan nilai potensi pelaburan berjumlah RM12 bilion bagi tahun 2018 dan sebanyak 29 cadangan projek dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM14.8 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2019. Namun begitu pada tahun 2018 sebanyak 241 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM18.95 bilion telah diluluskan untuk ditempatkan di Negeri Selangor manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 sebanyak 132 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM5.97 bilion telah diluluskan. Secara kesimpulannya Kerajaan Negeri Selangor menerusi Invest Selangor telah membelanjakan sebanyak hanya 0.13% dari hasil pelaburan yang telah diluluskan bagi tahun 2018 hingga Jun 2019 yang berjumlah RM24.92 bilion.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Tuan Yang Berhormat Speaker. Saya nak bertanya pada Yang Berhormat EXCO, banyak tadi kita lihat pelaburan, Eksopo-eksopo yang Kerajaan Negeri pergi. Ada peluang tak ADUN-ADUN ikut? (Ahli Dewan ketawa) Untuk kami pun dapat maklumat sebab setakat ini kami dapat maklumat dalam Dewan sahaja.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kita akan melihat bila perlu ya, sebab walaupun saya ada enam belas (16) program di luar negara, saya sendiri tidak mengikuti semuanya. Adanya hanya diketuai oleh CEO Invest Selangor, adanya hanya oleh Pengarah di Invest Selangor, jadi bukan saya menyertai semua. Kita lihat saya pun tak pergi semua. Dan yang kita pergi pun dalam aspek pelaburan ini, bila kita mempelawa pelaburan, bukan sekali boleh berjaya, dia kena berulang kali. Bererti kita berjumpa dengan pelabur kemudian kena ada buat *follow up*, *follow up* dan sebagainya. Kadang-kadang kita perlukan dua hingga tiga tahun untuk meyakinkan pelabur itu datang. Jadi, mungkin untuk eksopo-eksopo yang mungkin boleh memberikan pendedahan yang berhasil kepada ADUN, Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan, ya, pertimbangkan sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Pertamanya saya nak ucapkan tahniah lah atas pelaburan yang banyak, yang bakal masuk. Boleh tak saya tahu juga kerana selain daripada pelaburan yang bakal masuk ini, adakah ada pelaburan-pelaburan yang dah masuk tetapi pada hari ini tidak lagi? Maksudnya telah keluar. Berapa banyak pelaburan dalam Negeri Selangor yang dahulunya ada tetapi telah berhijrah ke negeri-negeri lain dan mungkin juga kepada negara-negara lain?

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, Tuan Speaker. Kita tidak ada rekod tentang pelabur yang datang dan kemudiannya meninggalkan Selangor atau Malaysia. Tetapi, secara umumnya perkara ini tidak serius. Yang biasanya dalam sektor perkilangan, khususnya, yang keluar, khususnya dalam bidang elektronik dan sebagainya, mereka keluar ada sebab yang tertentu. Yang pertamanya, produk yang mereka hasilkan itu tidak ada pasaran lagi. Maka kilang itu terpaksa ditutup. Umpamanya *video cam*. Sekarang tidak ada orang pakai *video cam*. Kita semua pakai *handphone*. Jadi, sudah tidak ada pasaran, ditutup. *And* keduanya, apabila ada saingan, persaingan daripada negara yang baru, negara yang baru masuk ke dalam industri seperti Vietnam dan sebagainya di mana mereka menawarkan tanah yang lebih murah, menawarkan pekerja yang lebih murah gajinya maka itu kita tidak dapat menghalang mereka daripada meninggalkan negeri kita. Dan juga, mungkin itu adalah satu perkara yang baik kerana kita tidak lagi mempelawa pelaburan yang *labour intensive*, yang memerlukan ramai pekerja bawahan, jadi kita lebih memberikan penumpuan kepada industri yang membawa teknologi tinggi khususnya dalam zaman sekarang ini era *industrial 4.0*, kita lebih menumpukan industri-industri perkilangan yang memerlukan pekerja yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 120.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)**

#### **TAJUK : IBU TUNGGAL**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah ibu tunggal yang berjaya dibantu dengan memberi peluang pekerjaan atau perniagaan?
- b) Apakah kaedah yang digunakan untuk memastikan setiap bantuan yang disalurkan sampai kepada ibu tunggal?
- c) Bagaimana cara Kerajaan Negeri mengenal pasti status ibu tunggal yang tidak mendaftar?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Baik, Yang Berhormat Permatang bertanya tentang jumlah ibu tunggal dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kebijakan kepada golongan sasar yang berkeperluan dan berkelayakan. Salah satu kumpulan sasar Jabatan adalah keluarga miskin termasuk golongan ibu tunggal yang

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

berkeperluan. Terdapat golongan ibu tunggal yang dikenal pasti bersifat produktif dan berpotensi meningkatkan sosioekonomi keluarga yang perlu dibantu oleh Jabatan dengan melaksanakan konsep *2 Years Exit Programme* ataupun 2YEP melalui Skim Bantuan Persekutuan. Program tersebut mula dilaksanakan sejak tahun 2016 melibatkan penerima bantuan kebajikan JKM termasuk golongan orang kurang upaya, warga emas dan keluarga miskin.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan ini telah menyuntik dana untuk modal permulaan iaitu Bantuan Geran Pelancaran bagi klien menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Berdasarkan rekod seramai 750 orang ibu tunggal yang menerima bantuan di JKM Negeri Selangor dengan melibatkan peruntukan bantuan bulanan Skim Bantuan Persekutuan sebanyak RM218,600.00. Pihak Jabatan telah mengenal pasti ibu tunggal yang berpotensi dan produktif dalam memajukan diri seramai 75 orang namun 24 orang sahaja yang berjaya meningkatkan sosioekonomi keluarga melalui Program 2YEP tersebut. Pencapaian bagi kategori ibu tunggal yang berjaya adalah sebanyak 32% dalam tempoh 2016 sehingga 2018. Hijrah juga telah memberi pinjaman kepada 2800 ibu tunggal ya, di Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kebajikan secara bulanan kepada golongan sasar melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah. Pihak Jabatan menggunakan sistem e-Bantuan JKM dan integrasi bersama sistem IGFMAS untuk proses permohonan, laporan, siasatan, kelulusan, janaan *voucher*, perakuan dan bayaran bantuan secara bulanan. Penerima bantuan menerima wang bantuan yang akan dikreditkan ke akaun melalui *Electronic Fund Transfer* ataupun EFT.

Yang Berhormat Permatang, buat masa ini, Kerajaan Negeri mempunyai tiga (3) unit pangkalan data ibu tunggal di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Pembangunan Wanita ataupun JPW dan Yayasan Anak Warisan Selangor yang dikumpulkan melalui pendaftaran ibu tunggal secara sukarela di Pejabat Pusat Khidmat DUN. Kerajaan Negeri sekarang sedang dalam proses mengkaji mekanisme terbaik untuk menggabungkan ketiga-tiga pangkalan data ini di bawah satu sistem supaya proses semak silang dan kemas kini dapat dilakukan dengan berkesan agar tiada kes nama yang berulang atau tertinggal. Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam mengumpul data ibu tunggal ini adalah untuk mengemaskinkan rekod disebabkan status perkahwinan terkini mereka yang boleh berubah bila-bila masa. Jumlah yang ada yang kita tahu sekarang, ibu tunggal yang diterima bantuan JKM, 750 orang, YAWAS, yang dicatat, yang direkodkan sehingga Ogos 2019, 18,974 orang, JPW, ini sudah 10 tahun tidak di *update*, 14,000 orang dan yang meminjam daripada Hijrah 2800 orang. Namun kita, ini bukanlah angka yang mutlak kerana ada pertindihan dan perubahan maklumat dari masa ke semasa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Untuk ibu tunggal yang tidak bercerai ataupun tak mampu bercerai ataupun suami meninggalkannya tanpa bercerai, adakah mereka mendapat bantuan yang sama seperti ibu tunggal yang lain?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok, terima kasih. Soalan ini sangat penting. Memang menjadi dilema kepada kita. Bagi mereka kita panggil sama ada ibu tinggal, ada suami tetapi suami hilang. Ada yang kita, ibu tinggal, lagi satu ibu tunggal.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

(Ahli Dewan ketawa). Ok, ibu tunggal ini suami dia sekejap ada sekejap tak ada. Macam *chocolate chips*, ya. Dan kadang-kadang dia balik, minta maaf saya sebut..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Suami tunggal.

**TUAN SPEAKER :** Kasihan kasihan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Kadang-kadang dia balik hanya menambahkan populasi ya, jadi, masalah kita untuk membantu mereka Yang Berhormat sekalian adalah untuk bantuan-bantuan JKM, dokumentasi itu perlu ada. JKM perlu memastikan dia betul-betul ibu tunggal ya. Dan sekiranya tidak ada macam ibu tinggal, suami dia tidak ada tapi tidak ada rekod. Dia terpaksa buat laporan polis, misalnya yang suami nya sudah hilang beberapa tahun misalnya, dan mendapat sokongan daripada sama ada Ketua Kampung dan sebagainya. Dan kes-kes begini kita mempertimbangkan, tetapi Yang Berhormat sekalian, ada dana di dalam tangan ya, mungkin boleh bantu mereka bila mereka berkeperluan dan memang menjadi dilema lah kepada kita ya, ibu-ibu. Kadang-kadang ibu tunggal yang kematian suami lebih mudah anak-anaknya menerima bantuan kerana mereka anak yatim tetapi ibu tinggal yang ada anak tidak mendapat saraan yang secukupnya daripada suami, anak-anak mereka tidak dapat dikategorikan sebagai anak yatim. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y. B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ucap tahniah kepada EXCO yang berkenaan kerana ramai ibu tunggal di kawasan saya ada banyak kategori. Ada yang 30 tahun ke bawah masih ok lagi. (Ahli Dewan ketawa). Saya tengok Tuan Speaker pun senyum. Ada yang 40 tahun ke bawah dan sebagainya. Apa yang saya nak sebutkan di sini ialah bagaimana Y.B. Speaker mengusahakan satu program KISS umpamanya, Yang Berhormat Speaker telah menghantar ..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Telah pun menghantar ibu-ibu tunggal ini untuk latihan insentif yang saya terlibat secara langsung. Persoalannya sekarang ialah sama ada Yang Berhormat Speaker ada bercadang untuk mewujudkan dataran ibu tunggal misalnya, di tempat yang strategik supaya mereka boleh, kebolehan mereka ini boleh dilahirkan dengan memasarkan pasaran mereka.

**DEWAN :** Dataran ibu tunggal ya?

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Ya dataran ibu tunggal, so terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok, Batang Kali. Satu cadangan yang perlu kita betul-betul diperhalusi kerana ada golongan ibu tunggal tidak suka dilabel sebagai ibu tunggal ya, kerana masalah stigma di dalam masyarakat. Semua program-

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

program Kerajaan Negeri sebenarnya tidak meminggirkan mereka. Semua program, kalau mereka berkelayakan mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh IPR, ciri-ciri IPR program tersebut, mereka boleh dapat bantuan. Ya mereka boleh, apa kata, memohon. Ya, mewujudkan pangkalan data itu bagus tetapi untuk kita mendapatkan pangkalan data ini untuk mereka mendaftarkan diri, antaranya adalah dengan PKM semua tetapi ibu tunggal sering akan bertanya daftar diri ini untuk apa, nak bagi apa untuk kami? Mereka nak apa yang nak kita beri kepada mereka dalam bentuk program. Jadi, saya cadangkan apa yang dilakukan, yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Speaker tadi patut juga dilakukan oleh semua ADUN-ADUN yang telah mengenal pasti mereka. Berikan cadangan kepada mereka program-program yang ada. Di bawah program saya juga, di bawah STANCO Pemberdayaan Wanita sekarang ini, di antara program yang kita akan buat projek rintis tahun ini ialah *work from home* untuk peserta-peserta KISS. Ini adalah golongan miskin yang menerima KISS tetapi tidak semua mereka ibu tunggal ya. Jadi, saya amat-amat menggalakkan dan sekiranya, kita akan, sebenarnya perancangan kita daripada tahun lepas tetapi tidak sempat buat adalah satu *Town Hall* dengan ibu tunggal untuk mendengar sendiri daripada mereka bagaimana kita boleh membantu mereka dengan secara spesifik. Tetapi saya minta kepada Yang Berhormat semua jangan minta saya wujudkan data untuk mencari jodoh untuk mereka. (Ahli Dewan ketawa).

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 121. Terima kasih.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (N47 PANDAMARAN)**

#### **TAJUK : PENGGUNAAN BEG PLASTIK**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan kempen Selangor Bebas Beg Plastik.
- b) Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil tindakan terhadap pengusaha yang memberi beg plastik percuma?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri melalui dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan pelbagai program berkaitan Kempen Bebas Plastik di seluruh Negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan secara tahunan di setiap PBT termasuklah Karnival Jelajah Kepenggunaan dan Program Bazar Ramadhan Mampan yang fokus utamanya adalah bagi mempromosi dan mempergiat Kempen Bebas Plastik serta kempen-kempen kepenggunaan dan kempen

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

berkaitan alam sekitar yang lain. Pihak PBT juga giat menjalankan promosi secara berterusan melalui hebahan kempen melalui siaran digital, papan iklan ataupun *billboard*, kain rentang dan digantung di sekitar kawasan pentadbiran PBT.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk mengadakan larangan terhadap beg plastik secara percuma dan juga larangan polistirena pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Kutipan dua puluh (20) sen bagi setiap penggunaan beg plastik adalah dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya. Melalui kempen ini, kutipan terhadap penggunaan beg plastik tersebut adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan termasuklah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu KPDNHEP Negeri Selangor, institusi pendidikan (pihak sekolah dan universiti) serta pihak persatuan or NGO bagi menjayakan penganjuran program-program berkaitan Kempen Bebas Plastik. Sebagai contoh, penganjuran program Karnival Kepenggunaan Siswa Selangor bersama KPDNHEP Selangor dan Program “*No Plastic Awareness Campaign*” bersama Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Selangor dan Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri juga turut merangka polisi dan juga dasar Kerajaan Negeri yang terpakai kepada orang awam dan agensi kerajaan yang terlibat melalui pengedaran pekeliling pekeliling Kerajaan Negeri yang telah disahkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut: -

- i. Surat Pekeliling Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Dan Polistirena Di Negeri Selangor bertarikh 2 Ogos 2016; dan
- ii. Surat Pekeliling Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna Di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan Dan Negeri bertarikh 28 Jun 2019.

Dasar-dasar dan kempen yang diadakan ini adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil tindakan terhadap pengusaha yang memberi beg plastik percuma?

Kerajaan Negeri melalui PBT telah meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma kepada pelanggan dalam Syarat-syarat Perlesenan dan Permit para peniaga. Sehubungan dengan itu, pihak PBT telah melaksanakan pengeluaran notis amaran atau pun arahan kepada peniaga yang didapati memberikan beg plastik percuma kepada pembeli. So, kita tidak mengenakan penguatkuasaan beri saman tidak, kita hanya memberi soft Pendidikan kepada mereka dan tapi kita tidak letakkan syarat lesen supaya

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

mereka boleh mematuhi arahan kita. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan pemantauan yang berterusan melalui pihak PBT bagi memastikan kempen ini dilaksanakan dengan baik dan selaras dengan dasar yang telah ditetapkan. Sekian

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya bagi yang bekerja lewat di pejabat pada waktu malam *Grab Food* dan *Food Panda* menjadi penyelamat, tetapi saya nampak ramai restoran yang di bawah *Grab Food* atau *Food Panda* banyak yang menghantar makanan mereka di dalam plastik dan juga menggunakan garfu dan sudu plastik, jadi adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk engaged dengan izin, pembekal seperti *Grab Food* dan *Food Panda* dalam isu penggunaan beg plastik ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Kampung Tunku, pada masa ini kita bercadang untuk mengadakan dialog dengan bukan setakat peniaga-peniaga *bubble tea* tetapi juga melibatkan pengusaha-pengusaha *Grab Food* yang disebut oleh Kampung Tunku, kita sedang merangka tarikh supaya kita akan jumpa perjumpaan untuk *player-player* ini yang menjalan aktiviti-aktiviti *fastfood* atau pun *Grab Food* yang disebutkan tadi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ijok ada 2 soalan, No. 1.

**TUAN SPEAKER :** 1 sahaja.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Ok, dulu-dulu kita biasanya pakai beg kertas, sekarang kalau kita pergi ke Supermarket beg kertas tak ada tetapi mereka galakkan kita gunakan plastik, apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mewajibkan barang-barang yang kering memakai beg kertas, melainkan kalau barang-barang yang basah boleh digunakan plastik, ini permulaan untuk mengurangkan pengguna plastik.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ijok, untuk Yang Berhormat Ijok bukan itu gantung kepada peniaga-peniaga, ada peniaga yang ada gunakan beg kertas ada tapi beg kertas ni ada dua masalah yang pertama dia punya kos agak tinggi yang kedua kalau Yang Berhormat dari Bukit Lancang tidak suka gunakan beg kertas kerana kalau guna beg kertas kena tumbang pokok untuk jadikan kertas itu masalah.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Saya tak setuju, dulu-dulu kita pakai beg kertas, sebab kita boleh *recycle* yang pada pendapat saya usaha selalu nak pakaikan disiapkan beg plastik sebab nak *charge* 20 sen dan sekali Ijok nak tanya 20 sen itu pergi ke mana?

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Untuk menjawab soalan yang timbulkan Yang Berhormat Ijok selain dari beg kertas kita memang menggalakkan mereka bawa *recycle beg* dan kita juga menggalakkan pengusaha untuk memberikan beg kertas, dua kita menggalakkan dalam masalah yang ini pendidikan itu penting kita sedang menjalankan kempen mendidik rakyat Negeri Selangor untuk kita hindari, penggunaan beg plastik atau pun beg plastik sekali guna.

Untuk menjawab soalan tentang ke mana pegi 20 sen buat masa ini masih di bawah peniaga-peniaga kutip tapi malangnya kita dapati usaha ini tidak Berjaya kerana walau pun kita menggalakkan mereka selepas kutip 20 sen menggunakan wang ini untuk buat CSR menanam pokok, mengadakan *free recycle beg* kepada pengguna tetapi tidak ada yang buat tapi ada yang tidak, sebab itu lah di mana kita telah pun menetapkan mulai 1 Januari 2020 ini tertakluk kepada kelulusan kertas EXCO pada esok kita akan kita bentangkan dan samada menerima supaya kutipan 20 sen akan dikutip oleh PBT, kita telah pun merangka rancangan ini di mana PBT akan mengutip 20 sen daripada kita bagi peluang ini kepada peniaga, sekian.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima Kasih Tuan Speaker, soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO bilakah Kerajaan Negeri akan menguatkuasakan terhadap pengusaha atau pun peniaga yang degil, ingkar dan seterusnya terus membagi beg plastik secara percuma sebab kita nampak banyak ada pengusaha atau peniaga kecil dia masih bagi beg plastik secara percuma. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Sabar. Yang Berhormat Pandamaran buat masa ini kita melakukan cara yang *soft* memberikan pendidikan mendidik daripada dimana kita tumpuan tumpukan program-program kita di sekolah sekarang kita nak mendidik anak-anak kita murid-murid supaya menghindari beg plastik jadi ini satu usaha yang lama so kita harap sabar dan kalau ikut target kita, kita akan lebih awal daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat penetapan 2030, 10 tahun dari sekarang dan Selangor kita menetapkan 5 tahun dari sekarang iaitu 2025, kalau ada penggantian di mana ada *alternative* untuk beg plastik ini iaitu harga kuantiti kita akan melaksanakan lebih awal 5 tahun daripada Kerajaan Pusat.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terutamanya saya sangat bersetuju dengan soalan yang diajukan Yang Berhormat Ijok tadi. Cuma tambahan soalan saya ialah berkenaan dengan mana-mana pengusaha, atau pun kedai yang telah menukar daripada penggunaan plastik kepada mungkin penggunaan beg kertas adakah pengguna juga akan ditetap masih dikenakan cas kepada beg kertas yang menggantikan plastik tadi.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Sungai Air Tawar, sejak bila pembangkang ini begitu bersetuju dengan kempen kita, saya masih ingat semasa kita adakan kempen ini Pengerusi UMNO Negeri kata kita akan beri beg plastik secara percuma kalau kita menang Kerajaan Negeri Selangor saya masih ingat sorry saya katakana ini perjuangan pengguna..

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Pengguna saya setuju ganti beg plastik tapi membimbangkan saya penggunaan, pengguna ini tadi ibarat dipaksa membayar beg plastik sepatutnya kalau kita kempen anti beg plastik kita harus menggantikan beg plastik kepada alternative lain tetapi pengguna seolah-olah terikat tak ada *alternative* lain maksudnya beli barang mesti kena bayar beg plastik sedangkan kedai tak memberi pilihan sepatut ada pilihan selain beg plastik supaya mereka tidak membayar. Kebanyakan termasuk pasar-pasar malam, pasar-pasar pagi.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Kepada Ketua Pembangkang kerana sokong kempen kita jadi saya harap jangan timbulkan isu bagi beg plastik kepada kempen apa Menfesto Pilihan Raya yang dikatakan oleh tahun lepas dan kita ada *alternative* kita menggalakkan pengguna untuk bawa *recycle* beg kalau tak mahu beg plastik, kalau nak juga sebelum itu ambil 5, ambil 1 cukup bayar 20 sen ini akan dikurangkan pada masa akan datang. So saya menggalakkan supaya bawa bukan setakat *recycle* beg tapi juga bekas-bekas kalau nak *tapau* atau pun beli barang juadah dan juga barang basah itu lah yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, sekian.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Kelang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Pelabuhan Kelang No. 122

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rekod tindakan kerajaan setakat ini kepada pemilik yang menyewakan Rumah Selangorku kepada pihak ketiga daripada tahun 2017 sehingga kini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah menemui solusi terbaik bagi mencegah perkara ini berulang?
- c) Apakah tindakan seterusnya kepada mereka?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kelang bertanya tentang tindakan terhadap pemilik yang menyewakan Rumah Selangorku kepada pihak ketiga. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan mengambil tindakan dengan membuat siasatan di lokasi bagi setiap aduan yang dikemukakan berhubung dengan isu penyewaan Rumah Selangorku (RSKU) untuk mendapatkan pengesahan terhadap aduan tersebut selaras dengan fungsi dan kuasa yang

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

diperuntukkan di bawah Seksyen 6 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dalam melaksanakan arahan pihak Berkuasa Negeri.

Jadi berdasar rekod setakat ini sebanyak 6 lawatan tapak yang merangkumi 19 unit Rumah Selangorku bagi tujuan siasatan di lokasi terlibat telah dijalankan seperti berikut:

- Pangsapuri Putra, Taman Putra Prima Puchong (2 unit)
- Pangsapuri Azaria, Bandar Parkland di Klang paling banyak (10 unit)
- Pangsapuri Gapura Bayu, Jade Hill Kajang (1 unit)
- Pangsapuri De Palma, Setia Alam (2) unit
- Pangsapuri De Kiara, Setia Alam (2) unit ; dan
- Pangsapuri Trifolis, Bandar Bukit Tinggi, Klang (2) yang dibangkitkan oleh Banting sebelum ini Bandar Bukit Tinggi Klang (2 unit)

Jadi pihak Lembaga telah pergi membuat siasatan dan sebanyak 6 unit RSKU di Pangsapuri Azaria Bandar Parkland telah dikeluarkan secara pentadbiran oleh Lembaga kepada unit-unit yang disewakan kepada warga asing dan selanjutnya sekiranya di dapati implikasi yang timbul ekoran daripada penyewaan oleh pemilik Rumah Selangorku tersebut yang menyebabkan kesalahan-kesalahan sampingan yang lain seperti pengubahsuaian tanpa kelulusan kemudian pendawaian haram, kepenghunian yang sesak melebihi kepada had dan juga kacau ganggu samada bising atau pun ketidakselesaan, rasa tidak selamat dan sebagainya berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1971 iaitu akta dan juga Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 iaitu Akta (133) maka perkara tersebut dipanjangkan kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan untuk tindakan. Selain daripada itu pihak pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan badan Pengurusan (JMC) dinasihatkan untuk membuat langkah kawalan melalui langkah *House Rules* yang dibenarkan dibawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013, di bawah penyelenggaraan dan pengurusan dan Akta Pengurusan Strata Akta (757) khusus bagi menjaga kepentingan serta menjamin tahap keselamatan keselesaan serta kesejahteraan pemilik dan penghuni di situ.

Bagi mengekang masalah ini kita juga menerima keresahan dan juga kebimbangan unit-unit RSKU ini disewakan. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengambil beberapa tindakan. Yang pertama ialah mengadakan siasatan dan meneliti semula proses penawaran kepada pembeli-pembeli RSKU itu. Kedua, mengeluarkan notis bagi mendapatkan keterangan daripada pembeli-pembeli yang menyewakan unit mereka. Ketiga, membuat tindakan penyelaras bersama pihak yang lain seperti COB dan PBT. Dan keempat, terlibat dalam operasi bersepdu bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan. Jadi kita bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan pergi bersama-sama untuk meneliti unit-unit yang telah disewakan. Kelima mengarahkan pemaju yang membina Rumah Selangorku ini untuk mengadakan undang-undang kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan Strata 2013 supaya dapat mengawal penggunaan akses kad untuk masuk ke dalam kawasan kediaman dan juga yang mendiami unit RSKU. Seterusnya merangka undang-undang kecil tambahan untuk diguna pakai oleh semua Rumah Selangorku merangkumi peruntukan mengenakan tindakan punitif termasuk mengenakan denda terhadap pelaku yang melakukan kesalahan bawah undang-undang kecil tersebut bagi memastikan mereka patuh kepada syarat Rumah Selangorku yang tidak membenarkan disewakan kepada pihak ketiga. Dan yang terakhir, adalah membuat koordinasi

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

pengurusan aduan penyewaan dan penguatkuasaan bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan kini kita dalam proses mengeluarkan manual pengurusan RSKU dan di dalam tersebut kita telah senaraikan perkara-perkara atau langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengawal daripada unit-unit ini disewakan. Itu sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Lembah Jaya berkenaan Rumah Selangorku. Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mengadakan kursus sehari kepada mereka yang telah berjaya mendapatkan Rumah Selangorku dan sebelum kunci diserahkan. Maknanya selagi mereka tidak menyertai kursus sehari sebab bila nak tinggal apartmen ini dia ada banyak, tidak boleh bela binatang, tidak boleh bela ayam, kena tubuh JMB, parking ada satu lot dan dua lot satu rumah. Jadi perlu ada kursus. Dah layak kursus, tak boleh cakap itu tak tahu, ini tak tahu. Sehari kursus lepas kursus baru kunci diserahkan. Ini yang terbaik baru dia faham nak tinggal dekat apartmen tak sama dengan rumah teres.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Pemikiran Pelabuhan Klang sama dengan pemikiran Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Sebab kita juga telah meletakkan perkara-perkara yang Pelabuhan Klang sebut tadi di dalam Manual Pengurusan RSKU dan tanggungjawab tersebut kita telah letakkan kepada pemaju yang akan menyerahkan kunci tersebut sebelum penyerahan kunci mereka akan adakan sesi taklimat. Bagaimana pengurusan unit-unit tersebut selepas diduduki seperti mana yang disebutkan oleh Pelabuhan Klang tadi tidak boleh memelihara binatang, pet dan sebagainya. Juga tidak dibenarkan menyewakan unit tersebut dan juga mereka perlu menjaga kawasan bersama. Harta bersama. Jadi ini semua di dalam manual tersebut. Insyaallah tidak ada aral hujung tahun ini manual itu akan dikeluarkan dan boleh digunakan. Bukan saja untuk RSKU tetapi juga bagi pangsapuri yang lain yang diurus oleh JMB. Ini juga saya nampak pendekatan yang lebih sistematik berbanding sebelum ini.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG :** Terima kasih pada Tuan Speaker. Apakah cara untuk orang ramai kalau ingin mengadu isu penyewaan Rumah Selangorku selain daripada membuat aduan kepada Pusat Khidmat ADUN dan Parlimen.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Sebenarnya mereka boleh terus membuat aduan kepada LPHS. Tidak perlu secara bertulis atau melalui online juga boleh guna email LPHS kerana kita sentiasa mengikuti apa-apa juga cadangan, aduan dan sebagainya. Dan sekiranya pusat Khidmat DUN ataupun Parlimen menerima apa-apa aduan boleh terus panjangkan kepada LPHS supaya tindakan siasatan boleh dijalankan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan Rumah Selangorku ini kita dah dengar tadi berbagai-bagai masalah dan selain daripada kerajaan dengan izin *right on* dengan akta sedia ada, Akta PBT, Akta Parit, Bangunan dan juga house rule dalam strata punya akta ini, adakah perancangan kerajaan untuk mengujudkan satu undang-undang khusus berkenaan dengan mengawal selia rumah Selangorku kerana banyak lagi rumah-rumah Selangorku yang ditawarkan dan dibina oleh kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Sungai Panjang. Memang perkara itu dalam perbincangan kami. Kami sebenarnya ingin mendapat pandangan dari berbagai-bagai pihak yang sebelum ini juga mengenakan syarat tersebut. Maknanya tidak dibenarkan penyewaan unit itu untuk tempoh masa tertentu dan sebagainya dan apakah perkara dan halangan bagi mereka untuk melaksanakan perkara itu dan bagaimana mereka mengatasinya. Di samping juga cadangan untuk mewujudkan atau menggubal enakmen yang boleh digunakan untuk Negeri Selangor khusus untuk RSKU. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHI EW :** Terima kasih. Soalan saya 123.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHI EW (N56 SUNGAI PELEK)**

#### **TAJUK : MASALAH MISKIN BANDAR**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program bantuan yang kerajaan dirancang bagi rakyat kategori M40 khususnya dia bandar-bandar memandangkan ramai mereka seolah terabai dari segi bantuan-bantuan sama ada negeri mahupun persekutuan?
- b) Apakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menurunkan syarat umur permohonan rumah prihatin ?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Tajuk miskin bandar tapi soalan kepada M40. Namun saya akan cuba jelaskan sedikit bercampur aduk. Kalau kita sebut miskin bandar mereka masih lagi kelompok B40. Kalau B40 semalam saya dah jelaskan saya rasa soalan Yang Berhormat Sijangkang, semalam soalan Yang Berhormat Rawang saya jawab iaitu apakah program yang tertakluk di bawah M40 yang diberikan sokongan oleh pihak Kerajaan Negeri. Antaranya adalah perumahan Selangor, antaranya program pendidikan dan kita turut memasukkan hadiah IPT yang sudah kita naikkan daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 dan ada program yang lain antaranya program Rumah Selangorku ataupun yang mencecah sehingga RM150,000.00 dan RM200,000.00 penerima yang layak adalah di kalangan mereka yang berpendapatan RM10,000.00 dan ke bawah dan mereka ini adalah termasuk dalam kelompok M40. Namun begitu kita juga dapat melihat program Hijrah sebagai contoh

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

bentuk bantuan yang diberikan adalah di kalangan kerangka bukan pendapatan mereka. Pendapatan adalah pada angka awal. Tapi untuk menerima pinjaman bernilai RM50,000.00 kita melihat kepada pulangan perniagaan mereka. Kalau kita lihat program dana usahawan mikro yang memberi bantuan sampai RM30,000.00 juga melihat kepada kadar pendapatan mereka. Iaitu kadar industri mikro iaitu di antara RM300,000.00 atau pun RM250,000.00 sehingga RM500,000.00 satu tahun kitaran perniagaan mereka. Jadi ini menunjukkan bahawa kelompok M40 sentiasa dan masih ada dalam nilai sokongan yang dibantu tetapi berdasarkan *sustainable development goals* yang mereka perlu dibantu adalah mereka yang berada di bottom atau di bawah terutamanya warga emas dan juga anak-anak dan orang miskin dan orang kurang upaya. Fokus diberikan oleh pihak kerajaan Negeri dan diikuti dengan beberapa sokongan oleh kelompok M40. Program yang dianjurkan oleh Sitex bagi Application 100. Ia tidak tertumpu pada kelompok B40 sebaliknya adalah kelompok-kelompok M40. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker soalan nombor 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS TAPAK PEMINDAHAN BARU PENIAGA SUSUR UKAY PERDANA**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah dengan menjawab pertanyaan saya bahawa "Kerajaan Negeri, PTD Gombak dan pihak MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru peniaga" bererti telah terbatal jaminan Kerajaan Negeri yang terdapat dalam hansard Dewan Negeri Selangor, 9 Nov 2017, ms 19.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Yang Berhormat Hulu Kelang bertanya apakah status sebenar tapak pemindahan baru buat peniaga-peniaga susur Ukay Perdana. Tuan Speaker, status terkini tapak pemindahan baru buat peniaga-peniaga susur Ukay Perdana adalah seperti berikut. Pertama, permohonan pewartaan tapak gerai tersebut telah pun diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor pada 19 September 2019 dan ini dalam proses penyediaan pelan akui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Selangor (JUPEM Selangor). Kedua, setiap warta perizaban dan tapak ini akan dibuat setelah PBT Gombak menerima pelan akui bagi tapak berkenaan daripada pihak JUPEM Selangor. Yang ketiga, pihak MPAJ boleh membina gerai dan seterusnya menyewakan kepada peniaga-peniaga terbabit setelah siar warta dicetak oleh pencetakan Nasional Berhad. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker, Ahli EXCO, terima kasih atas keputusan Dato Menteri Besar tapi itu bukan soalan saya. Soalan saya

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

sebenarnya yang soalan itu adalah soalan bertulis sebelum yang telah dijawab kepada Menteri Besar. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan tempat baru bagi tapak perniagaan. Jadi saya tanya sedangkan dalam *handsard* muka surat yang berkenaan mengatakan jaminan daripada Kerajaan Negeri adalah memberi tapak baru kepada mereka. Tujuan saya adalah untuk membetulkan kesilapan dan percanggahan dalam dua keputusan tersebut. Cuba baca balik soalan. Itu niat saya. Saya nak membetulkan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Saya masih tak nampak soalan dari Yang Berhormat kerana saya rasa saya dah jawab kerana tapak itu akan disediakan dan akan diwartakan tidak lama lagi.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan saya adakah dengan menjawab pertanyaan saya bahawa Kerajaan Negeri, PTD Gombak dan pihak MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru peniaga bererti telah terbatil yang mana Kerajaan Negeri yang terdapat dalam *handsard* Dewan Negeri 9 November 2013 muka surat 19. Dan saya untuk membantu kerajaan saya telah membuat soalan ini secara bertulis dengan detail lagi. Yang telah dijawab dengan soalan yang sama.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Di dalam soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya apakah status sebenar tapak pemindahan baru buat peniaga-peniaga susur Ukay Perdana. Adakah ini soalan Yang Berhormat?. Apakah status sebenar. Jadi jawapan yang saya berikan tadi itu telah menjelaskan status terkini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tapi bagi saya tidak ada pengakuan pada kesilapan. Itu tujuan saya bukan tujuan saya untuk melemahkan kerajaan tapi untuk memastikan Dato' Menteri Besar yang kenyataan jaminan itu adalah di dalam *handsard* yang dinyatakan mantan Dato' Menteri Besar Bukit Antarabangsa. Kemudian jawapan yang kedua itu tidak ada jaminan Kerajaan Negeri tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru telah dijawab oleh Sungai Tua. Jadi saya tidak suka ada percanggahan dalam *handsard* sebab itu saya buat dua soalan. Satu bertulis dan satu jawab mulut untuk memastikan bahawa adil untuk kerajaan untuk menjawab kedua soalan tersebut. Apa yang saya mahukan adalah pernyataan meminta maaf di atas kesilapan yang dilakukan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Yang Berhormat, saya rasa macam tu ada masalah berkenaan *handsard* nanti saya berbincang bersama Tuan Speaker untuk membetulkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan no. 125 daripada Yang Berhormat Jeram sudah dijawab bersekali dengan soalan 59 jadi tak perlu bangun ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ada soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Tak ada. Tanjung Sepat. Tanjung Sepat. Main-main.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 126.

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENDAPATAN YAYASAN SELANGOR**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan pendapatan Yayasan Selangor utk tempoh 5 tahun sejak 2014 sehingga kini.
- b) Apakah yang menyebabkan masalah ini, dan apakah cadangan pihak pengurusan Yayasan utk meningkatkan pendapatan Yayasan Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya dah jawab sekali bersama dengan soalan Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang dan juga Ijok. Tapi agak menariknya soalan Pelabuhan Klang dan Tanjung Sepat sama. Tak ada satu perkataan satu huruf pun berbeza. Jadi saya kena siasat ini. (Ketawa). Itu betul. Tak ada satu titik dan huruf pun yang berbeza di antara kedua-dua soalan itu.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Maknanya timbul *copycat*. Siapa tiru siapa ini saya akan siasat. Saya akan siasat. Seterusnya Sungai Burung, tidak hadir. Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya 128.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : CARA PENYAMPAIAN SUMBANGAN SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menambahbaik cara penyampaian sumbangan SMUE ke pada warga emas Selangor? Sebagai contoh, membenarkan warga emas untuk mendapatkan voucher shopping sepanjang tahun dan bukannya di bulan Hari Jadi sahaja supaya tiada yang ketinggalan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama. Yang Berhormat Bandar Utama menanyakan mengenai cara penambahbaikan untuk Sumbangan SMUE kepada Warga Emas Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara Objektif Program Jom Shopping SMUE ini dibuat mengikut bulan kelahiran ahli adalah seperti berikut. Pertama sebagai meraikan hari kelahiran Ahli SMUE di samping menjadi salah satu aktiviti kekeluargaan yang dapat mengeratkan hubungan. Kedua menggalakkan permohonan di kalangan warga emas dan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

OKU yang layak untuk mendaftar SMUE memandangkan pemberian bantuan diberikan semasa hidup dan mengikut bulan kelahiran Ahli SMUE. Ketiga penyerahan mengikut bulan kelahiran Ahli SMUE ini lebih mudah untuk dilaksanakan memandangkan ia diberikan secara berperingkat-peringkat. Keempat memudahkan pemantauan dan pengurusan pemberian *voucher* beli-belah di peringkat Penganjur, Pasar Raya mahupun Pusat Khidmat DUN. Kerajaan Negeri berpandangan pemberian *voucher* mengikut bulan kelahiran akan memudahkan banyak pihak terutamanya pihak YAWAS sebagai Agensi Pelaksana dan Pusat Khidmat DUN untuk memuat anggaran dan persediaan lebih awal bagi setiap Program Jom Shopping yang akan dilaksanakan.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana telah menjawab sebahagian daripada soalan saya. Pada perbahasan yang sebelum ini sebenarnya Bandar Utama telah pun memberikan beberapa pandangan terhadap isu berkenaan SMUE ini dan salah satu isu yang paling utama adalah apabila pusat khidmat tidak mampu mengendalikan angka-angka sebanyak beberapa ratus pemohon setiap bulan kerana kita ada kekangan apabila kita tidak mampu menghubungi setiap daripada mereka ataupun ada di kalangan mereka tidak mempunyai nombor telefon bimbit di mana kita tidak dapat menghantar SMS dan sebagainya. Jadi akibatnya adalah banyak warga emas yang pada mulanya merasakan gembira terhadap program ini dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan akhirnya merasakan tidak gembira pula dan susah hati apabila mereka tidak mendapat Voucher Jom Shopping yang telah dijanjikan akibat daripada masalah teknikal seperti ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah kita akan mengadakan apa-apa, meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan ini atau adakah kita akan mengubah apa-apa SOP ataupun garis panduan bagi mempercepatkan dan bagi memastikan program ini dapat dijalankan secara lancar. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama. Sebenarnya kita telah banyak berbincang mengenai mekanismenya dan kita baru bermula, saya ingat bulan ini akan masuk bulan kedua, kali kedua kita melaksanakan Jom Shopping ini. Memang kali pertama memang ramai dan memang semua Pusat Khidmat tidak dapat menghubungi mereka disebabkan nombor telefon yang mereka gunakan telah lput. Jadi kita sekarang sedang meminta warga emas ataupun waris mereka untuk *updatekan* dengan izin *updatekan* nombor telefon mereka, mengemaskini nombor telefon mereka dan ini boleh membantu kita bukan sahaja bila mereka sudah mengemaskini bukan sahaja pihak PKM boleh menghubungi mereka tetapi pihak YAWAS juga boleh *blast* tentang perkara ini. Yang ini kita cuba perbaiki selepas ini sebab kita baru mula Yang Berhormat baru kali kedua jadi kita perlu lagi maklum balas dan kami akan meneliti terus dan saya sedia menerima maklum balas Yang Berhormat sekalian untuk kita menambah baik pelaksanaan Skim Mesra Usia Emas ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kuang.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** SMUE ini sebenarnya pada asalnya memang agak mendapat tentangan daripada ramai ataupun daripada rakyat pada keseluruhannya apabila kita ubah program ini tetapi sejak ia berlangsung kita nampak satu yang positif, sangat positif kerana bagi orang-orang yang sudah berumur 60 tahun bila dapat sumbangan sebanyak RM100 Jom Shopping ini keseronokan ini nampak terserlah dapat jumpa kawan-kawan di dalam Shopping Complex dan sebagainya tetapi beban itu telah berada di peringkat Dewan Undang Negeri dan pejabat kita kerana tiap-tiap bulan kita terpaksa meladeni kehendak dan melaksanakan tugas tersebut. Adakah Yang Berhormat EXCO mempunyai kaedah lain mungkin kita, saya punya cadangan kita laksanakan dalam tempoh 3 bulan. Setiap 3 bulan kita buat satu SMUE dan kita kumpulkan penerima-penerima itu dalam tempoh 3 bulan untuk kumpulkan mana yang dalam setahun kita ada 4 kali. Itu cadangannya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang berhormat kalau kita buat setiap 3 bulan maknanya sekali buat adalah lebih ramai tetapi sekiranya kita merancang bagaimana kita hendak buat dan saya memang mencadangkan supaya sekarang tengah diteliti tarikh itu tidaklah pada satu hari sahaja tapi mungkin sepanjang bulan tapi ini ada sedikit masalah teknikal di dalam pengurusan sebab setiap sekali selepas shopping itu pegawai UPEN kena *close account* kerana kena bayar kepada pihak kedai ataupun pasar raya. Jadi cadangan ini saya terima kami akan meneliti di dalam perbincangan kita nanti dan cuma saya ingin mengatakan bahawa di dalam kita membuat program ini tadi Yang Berhormat menyebut tentang kakitangan bagaimana proses itu kakitangan dan sebagainya. Saya rasa kalau kita pelan awal kita memerlukan mungkin 10 orang untuk bantu kita dan memang ada di dalam pelaksanaan program dan kita boleh memberi sedikit imbuhan kepada *volunteers* kita untuk membantu kita dalam melaksanakannya. Kalau kita tidak buat begini Yang Berhormat kita sebenarnya ini adalah satu peluang baik kita berjumpa dengan warga emas. Mereka sebenarnya memberi maklum balas yang sangat baik kerana mereka dapat bersosialisasi dan saya harap kita sabar sedikit lagi untuk kita tengok keberkesanannya.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari segi mengurus dan mengendalikan program baru ini saya ingat-ingat semua pusat khidmat ada masalah sebab kita kena gunakan kakitangan yang lebih dan ini menggunakan kos dan juga cara hendak mengesankan. Ijok ingin bertanya adakah cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk kembali balik skim yang lama tetapi mengurangkan amaun yang kita kasi RM2,500.00 kepada RM1,000.00 ke RM1,500.00 sebab kalau dari segi *political mileage* saya ingat cara dulu lebih baik pada cara sekarang, sekian.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang berhormat Ijok kita baharu bermula membuat penajaran jadi kita tidak boleh dalam masa kurang daripada beberapa bulan kita berbalik semula kepada program yang lama. Lagipun telah saya telah saya nyatakan sebelum ini kalau kita buat cara ini memang warga emas yang mendapat manfaatnya walaupun kita nampak RM100 kepada kita mungkin kita rasa sedikit tetapi bagi warga emas yang tidak ada *cash* di dalam tangan mereka sangat menghargainya dan kalau

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

kita kata *political mileage* saya rasa dengan warga emas *political mileage* lebih tinggi juga kerana apa dalam tahun-tahun mendatang warga emas ini bertambah ramai dan mereka juga akan menjadi pengundi. Walau bagaimanapun kita akan pertimbangkan apa yang dicadangkan tapi saya ingat kalau hendak bertukar dalam masa beberapa bulan baru kita mula tidak lagi lah Yang Berhormat, saya berterus terang betul la ni.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya soalan 129.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N14 RAWANG)**

#### **TAJUK : PENCEMARAN BEKALAN AIR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan punca dan kawasan yang berlaku pencemaran air yang menjelaskan bekalan air sejak tahun 2008.
- b) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan gangguan air disebabkan pencemaran sumber air mentah dapat dikurangkan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Rawang yang bertanya tentang isu pencemaran air dan juga langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri. Tuan Speaker bermula tahun 2008 hingga 2019 insiden pencemaran air mentah telah pun menyebabkan Loji Rawatan Air di Selangor terpaksa di henti tugas sebanyak 744 kali dan setelah menjelaskan penyaluran bekalan air terawat kepada pengguna. Punca pencemaran air adalah sebab perkara-perkara berikut. Yang pertama tumpahan minyak dan diesel sebanyak 35 kes, yang kedua pelepasan *influent* daripada kilang-kilang kawasan perindustrian dan juga loji kumbahan yang memasuki sumber air mentah sebanyak 51 kes, yang ketiga kehadiran ammonia dan juga manga iaitu manganese yang tinggi di dalam air mentah sebanyak 19 kes, yang keempat peningkatan kekeruhan air mentah semasa hujan lebat disebabkan kerja-kerja tanah yang tidak terkawal ini yang terbanyak sebanyak 599 kes dan yang kelima lain-lain punca pencemaran seperti bahan-bahan terapung, PH yang tinggi sebanyak 44 kes. Kawasan pencemaran yang berlaku adalah kawasan hulu sungai dan sumber air mentah sebelum muka sauk loji iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih, Sungai Selisik, Ampang Intake, Sungai Bernam dan Sungai Gombak. Adalah menjadi tanggung jawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan pelbagai usaha telah pun diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan juga penjagaan sumber air. Pemantauan berkala telah dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tahap tadahannya terpelihara daripada aspek kuliti dan kuantitinya. Penguatkuasaan bersepadau dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa melaksanakan antaranya siasatan notis pengurangan kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah. Selain itu kerja-kerja pemantauan dan juga

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh, yang pertama Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Infrastruktur dan juga Keperluan Awam, yang kedua Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor iaitu LUAS. Yang ketiga Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar iaitu saya sendiri, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baru tidak hadir. Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 131.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN (N53 MORIB)**

#### **TAJUK : MENAIK TARAF DAN MELEBARKAN JALAN UTAMA**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaik taraf dan melebarkan jalan utama untuk ke Pantai Kelanang yang merupakan salah satu pusat rekreasi pelancongan utama di Kuala Langat pada belanjawan tahun ini?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Morib. Tuan Speaker, Morib ingin bertanyakan berhubung dengan rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf dan melebarkan jalan utama untuk ke Pantai Kelanang yang merupakan salah satu Pusat Rekreasi Pelancongan utama di Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat Pejabat atau Kerajaan Negeri setakat ini tiada perancangan bagi menaik taraf dan melebarkan jalan utama ke Pantai Kelanang iaitu jalan ke Jeti dan Jalan Cakerawala. Walau bagaimanapun kita akan mencadangkan dilaksanakan kajian dahulu. Kajian dahulu keperluan permohonan naik taraf jalan utama ke Pantai Kelanang untuk menjadikannya sebagai salah satu pusat rekreasi pelancongan utama di Kuala Langat. Jadi kita masukkan dalam perancangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN :** Tuan Speaker soalan tambahan. Dia untuk akses ke Pantai Kelanang ada beberapa tapi yang utama melalui kawasan kampung jadi kita harap pihak JKR dapat memerhatikan untuk melebarkan jalan-jalan tersebut untuk memastikan keselamatan pengguna sama ada orang kampung sendiri dan juga orang awam. Terima kasih.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya sudah melalui jalan ini beberapa kali memang jalannya sempit. Saya akui memang ada keperluan dan kita akan minta pihak JKR membuat kajian dan memberikan antara priority, keutamaan juga untuk dilaksanakan dalam masa terdekat, Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Pandan Indah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk sesi urusan seterusnya. Sebelum untuk urusan seterusnya, sebelumnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pagi ini Dewan Negeri Selangor menerima kunjungan pelajar seramai 131 orang daripada Sekolah Agama Menengah Bestari Subang Jaya (SAMBESJ) dengan diketuai oleh guru pengiringnya Puan Noraziah binti Arshad. Selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Silakan Setiausaha.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, sambungan usul nombor 20/2019 - Usul Pembentukan Pembangunan 2020.

**TUAN SPEAKER:** Ya, saya silakan sambungan daripada Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semalam saya menyentuh muka surat 158 PK 17, Bekalan 011701 berkaitan dengan Kem Tun Ghafar Baba. Kem Tun Ghafar Baba telah wujud pada tahun 1980an lagi sebagai satu tapak latihan terbuka bagi belia, kerajaan menjalankannya. Tapi sekarang ini saya difahamkan ia di bawah EXCO Pendidikan dengan bawah pendidikan itu telah menjadikannya telah dibaiki dengan baik. Dengan apa yang saya nyatakan semalam adalah telah wujud di Hulu Klang dan telah diberikan peruntukan yang tinggi untuk membaik pulih kemudahan tersebut. Satu tempat yang digunakan untuk latihan bertaraf *national* bertaraf Selangor. Saya jangkakan sekiranya ia di *synergy* kan. Digabungjalinkan *synergy* bermakna  $1+2=3$ .  $1+2=2$ . *Synergy* itu bermakna (dengan izin) menjadikan kekuatan itu bertambah besar, ia menjadikan kekuatan itu akan menjadi dimanfaatkan oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Dan saya menyatakan semalam, Kampung Kamensah dengan aktiviti-aktiviti bertaraf dunia seperti X-tv, terdapat lebih 100 biji dengan 4 operator berjalan di sana. Kemudian aktiviti-aktiviti lasak, aktiviti hutan, aktiviti air terjun, aktiviti-aktiviti yang boleh membawa pengembalaan yang baik. Di sana juga saya ingin menyatakan ada Zoo Negara. Zoo Negara merupakan satu tarikan *national*, ini perlunya muafakat. Muafakatan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Di antara Menteri Pelancongan dan menteri, EXCO Pelancongan dengan Selangor. Sekiranya jika *synergy* ini dapat diperkuuhkan banyak kekuatan yang kita bina kerana di sana banyak tempat-tempat yang bermutu tinggi dengan itu kita harapkan ia akan menjadi satu tarikan bukan sahaja di peringkat Selangor tetapi juga di peringkat dunia.

Tuan Speaker, saya ingin menjelaskan di sini bahawa pembangunan yang hendak kita lakukan ini yang diluluskan melalui Rang Undang-undang, melalui usul dan Rang Undang-undang Pembekalan menjadikan Negeri Selangor Ini Sebuah Negeri Yang Maju. Kos *efficient* dan *effective*. Dengan belanja yang sikit kita menguruskan hasil dengan baik. (Bahasa arab) beberapa kita mengulang berkata seperti yang lepas. Disini saya ingin mengingatkan bahawa pembangunan ini memang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan Selangor pisah daripada Maqasid Syariah. Hendaklah semua pembangunan yang dilakukan di Selangor ini berdasarkan dan berpandukan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

ini kalau dalam bahasa Inggeris nya boleh dikatakan *management by objectif* dengan izin iaitu pemikiran daripada Peter Drucker atau pun kalau kita nak guna Stephen R. Covey, *in having the end in mind* jadi ini satu pendekatan yang cukup baik sekiranya jika semua penjawat awam kita mengikut kaedah ini, ia mempunyai satu pendekatan dengan *management* atau *objectif in having the end in mind* satu matlamat yang diletakkan akhir pencapaian tidak dimulakan pada hari ini. Apa yang hendak saya terangkan di sini adalah apa kita yang hendak? Kita hendak adalah kekayaan, kemakmuran, kesejahteraan, rahmat bahagia dan sebagainya. Pada saya semua pembangunan apa yang dicapai adalah untuk melahirkan generasi yang sejahtera, *balance* yang dikatakan tidak merupakan pencetus masalah tapi sebaliknya. *Part of penyelesaian masalah* (dengan izin). Jadi bagaimana ini hendak dilakukan? Saya mencadangkan bahawa dalam model Maqasid Syariah kita, dengan kesudahan kita capai ini rahmatan lilalamin. Rahmatan lilalamin ini adalah bermakna rahmat pada sekalian alam. Rahmat pada sekalian alam ini tanpa agama, tanpa bangsa, tanpa kaum semua mendapat kebahagiaan hasil daripada keprihatinan kemasyarakatan dan kerajaan menjadikan satu projek yang baik. Dengan itu saya ingin menegaskan bahawa di sini bahawa, di sana terdapat 5 langkah yang mana kita dapat membangunkan gerakan pembangunan negeri kita dengan mencapai maqasid syariah dan mencapai rahmatan lilalamin. Memastikan kita tidak memulakan sebarang masalah, pencetus masalah dan membiarkan masalah. Kedua, membantu setiap orang untuk membantu orang lain untuk menyelesaikan masalah. Ketiga, membantu memenuhi keperluan hidup, keadaan hidup, keadaan pentadbiran sebuah kerajaan. Keempat, meningkatkan kualiti perkhidmatan hingga mencapai kesejahteraan (tahsin) kesempurnaan. Kelima, kita menjadi rahmat kepada sekalian alam. Kita manusia menjadi rahmat sekalian alam adalah manusia yang tidak sompong, kulu'an kabiro dan tidak orang bongkok, tamak, tapi manusia yang ikhlas tanpa perkauman dan agama, sekian, saya sampaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Terima kasih Yang berhormat Pengerusi yang memberikan ruang kepada Sungai Kandis untuk turut serta dalam membahas BelanjawanPembekalan Tahun 2020. Muka surat 98. PK 1414010 – Program Penterjemahan Buku Antarabangsa. Saya hendak memperkemaskan dan juga menyambung perbahasan saya semasa Pembekalan Pengurusan berkenaan Program Penterjemahan Buku ini yang mana saya melihat Program Penterjemahan Buku Antarabangsa ini merupakan satu program yang telah berjaya mengubah sebuah kerajaan menjadi sebuah kerajaan yang hebat di zaman Kerajaan Abbasiyah Kerajaan Andalus. Program ini telah *transfer teknologi* (dengan izin) *transfer ilmu*. Jadi kita sekarang ini memerlukan ilmu-ilmu dan juga dapatan-dapatan daripada luar negara bagi menjadikan Negeri Selangor ini pembangunannya seimbang. Yang disebut dalam belanjawan hari tu al-umran satu istilah Ibnu Khaldun yang saya kira ini perlu diberikan perhatian tapi ketika Ibnu Khaldun menghasilkan Kitab Al Muqaddimah berapa ramai di kalangan rakyat Negeri Selangor apa lagi pimpinan yang pernah membaca Kitab Al Muqaddimah? Justeru itu, memperterjemahkan karya-karya hebat antarabangsa ini perlu diperkemaskan dan diperluaskan daripada pemikiran-pemikiran yang mengajak kepada pemikiran terbuka, pemikiran yang lebih rahmah sifatnya. Seperti pemikiran Sheikh Raissouni, Sheikh Abdullah bin Bayyah, Sheikh Al Qaradawi yang mengajak supaya masyarakat terbuka

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

kepada pandangan-pandangan terutamanya dalam hukum fekah. Kita tengok hari ini kecenderungan masyarakat kepada pemikiran *radical*, *extreme* dan takfiri mudah melabelkan orang lain sebagai kufur. Walaupun perkara ini bersifat ishtihadi pendapat daripada pimpinan. Justeru itu, dengan banyaknya penerbitan buku-buku penterjemahan ini dapat disalurkan kepada pimpinan-pimpinan terutamanya ahli-ahli dewan. Ya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Terima kasih Tuan Speaker, apa pandangan Sungai Kandis bahawa pimpinan daripada kerajaan dan juga daripada pembangkang mengajak semua rakyat menfokus kepada pemikiran terbuka dan ilmu yang baru, teknologi yang moden dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi supaya kita tidak lagi menfokus kepada isu perkauman dan agama. Apa pandangan?

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Sungai Pelek yang telah membangkitkan isu ini kerana saya setuju dengan pandangan Sungai Pelek yang mengajak masyarakat di Negeri Selangor supaya fokus kepada pembangunan Negeri Selangor dan tidak lagi menimbulkan pandangan-pandang yang berbentuk rasis, kebencian terhadap kaum, kebencian kepada agama kerana pengalaman yang dilalui oleh negara-negara lain sehingga berlakunya perperangan antara masyarakat penduduk itu sendiri. Saya hendak kongsi pengalaman rakan saya di Yugoslavia semasa saya belajar dulu. Ada pelajar-pelajar dari negara namanya Yugoslavia, ada tiga suku kaum iaitu Bosnia, Serbia dan Qudsia. Mereka ada budaya dan ada agama dan pegangan yang berbeza, apa yang terjadi konflik ini akhirnya berlaku perperangan dan terhapuslah negara Yugoslavia daripada peta dunia. Dan inilah! Harga mahal yang terpaksa dibayar oleh masyarakat akibat daripada stigma kebencian antara kaum, kebencian antara agama yang tidak terbendung. Justeru itu, cadangan saya supaya buku-buku ini disebar luaskan kepada pimpinan, Ahli Dewan, peringkat penjawat awam, peringkat akar ubi MPKK dan nazir-nazir masjid supaya mereka dapat menghayati dan seterusnya cadangan saya supaya terbitnya buku-buku ini bukan sekadar diletakkan di rak-rak buku tapi diwacanakan, diseminarkan, ada program dedah buku supaya kandungan buku ini dapat disemarakkan diperingkatkan akar umbi.

Dan seterusnya, saya melihat PK 003 muka surat 187 saya terlihat satu peruntukan sebanyak RM450 000.00, menarik ini, saya membina pembinaan desa. Tahun lepas Sungai Kandis ada memohon kepada Perpustakaan Negeri Selangor untuk membina sebuah perpustakaan di kawasan DUN Sungai Kandis. Dan saya yakin sangatlah, saya rasa bajet ini memang untuk Sungai Kandis lah sebab (ketawa) sebab kami telah berdoa dan mengharapkan sangat supaya perpustakaan ini segera dibina.

**DEWAN :** Siap solat hajat lagi.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Sebab penduduk di kawasan kami sangat padat dan mereka perlukan bahan bacaan dan tempat untuk anak-anak muda apa menghabiskan masa dengan suasana yang kondusif. Ya. Terima kasih Templer.

Berikutnya berkaitan *infra*. Saya telah mendengar rakan-rakan daripada banyak kawasan yang mengadu soal *infra*. Jadi negara ini sedang pesat membangun jadi kita memahami keperluan untuk menaik taraf, menambah infrastruktur di negara kita ini urusan Sungai Kandis tidak tertinggal namun begitu saya merujuk kepada projek yang dilaksanakan pada

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

PK 404003 muka surat 221 – Menaik Taraf Jalan Kampung Lombong sebanyak RM600 000.000. 0404402 - Menaik Taraf Jalan Klang Dari Simpang Laluan FT 003 Kampung Jenjarom ke Jalan Kebun sebanyak RM200 000.00 dan juga PK 1 muka surat 229, perkara 01304 Projek Tebatan Banjir di Sungai Aur sebanyak RM5 Juta. Apa yang Sungai Kandis ingin bangkitkan ialah tentang penyelesaian kerja pembangunan kerana kedua-dua projek ini, ketiga-tiga projek ini menghadapi mengalihkan utiliti. Di bawah itu ada saluran gas, ada saluran telekom, ada saluran air. Jadi adakah pihak Kerajaan tidak mempunyai satu mekanisme, jawatankuasa yang boleh menyelesa pembangunan ini. Sehingga terpaksa Kerajaan Negeri membuat belanja tambahan RM500 ribu, RM600 ribu hanya untuk tujuan-tujuan yang sepatutnya tidak berlaku apabila kerja-kerja mengalihkan utiliti ini dibuat di peringkat awal. Dan apa yang terjadi, penduduk kawasan yang terlibat terpaksa menghadapi kesukaran kerana penambahan masa, tangguh sampai setahun kerana menunggu masa kelulusan bajet dan sebagainya. Jadi, apa yang terjadi ini, sepatutnya ada satu mekanisme yang dapat menyelesaikan pelaksanaan ini.

Sungai Kandis mengucapkan terima kasih di atas projek-projek yang telah dilaksanakan DUN Sungai Kandis dan rasanya tahun depan InsyaaAllah DUN Sungai Kandis akan mengemukakan program pembangunan dan tahun ini cuma dapat. Tak dapat apa-apa. Ketawa.. Jadi kalau tak dapat sekurang-kurangnya *library* tadi satu jadilah. Dan saya nak menyentuh juga perkara PK13, ini tidak berkaitan dengan DUN Sungai Kandis tetapi berkaitan dengan muzium. Sebanyak 1 juta ringgit. Kita melihat Muzium Negeri Selangor sudah tutup lama, mungkin ada yang tidak perasan pun. Mungkin sebab muzium ini bukanlah satu yang menarik kerana di dalamnya hanyalah benda-benda mati, benda-benda lama tetapi di situ lah pewaris generasi kita dapat mempelajari jati diri bangsa mereka, dapat mengenali sejarah kegemilangan Negeri Selangor dapat mengenali sejarah Kesultanan Negeri Selangor. Tetapi apabila muzium ini tertutup, pelajar-pelajar, pelancong-pelancong tidak dapat mengenali Negeri Selangor, kehebatan Negeri Selangor dan saya percaya dengan bajet 1 juta ini dapat disegerakan pembukaan Muzium Negeri Selangor ini. Dan juga muzium-muzium yang lain kerana kita melihat negara lain, negara-negara maju. Mereka begitu menjaga muzium ini kerana di situ lah mereka menjaga warisan pusaka bangsa mereka, menjaga benda-benda yang dapat mengembalikan semangat pembangunan anak negeri. Ini kerana kita tidak mahu melihat nanti generasi yang kita tinggalkan ini mereka tidak mengenali siapa yang pernah berjasa membangunkan Negeri Selangor ini. Pernah satu ketika dulu generasi muda seperti saya, mereka tidak kenal pun siapa ADUN, siapa Wakil Rakyat mereka. Apa lagi mengenali EXCO-EXCO Kerajaan Negeri. Jadi kesedaran tentang kerajaan dan tamadun Negeri Selangor ini harus dirakamkan dan dijadikan sebagai program pendidikan kepada anak-anak kita yang di bangku sekolah agar mereka dapat membawa Negeri Selangor ini lebih cemerlang 10 tahun akan datang. Itu sahaja sebagai perbahasan Sungai Kandis dan menyokong belanjawan yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Kandis. Saya jemput Taman Templer

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Assalamualaikum wbt, salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Speaker kerana membenarkan saya untuk membawa masalah berkaitan dengan isu di Taman Templer. Saya nak menarik soal berkaitan dengan PK7, muka surat 196, iaitu menaik taraf infrastruktur sukan. Saya dalam Sidang yang lalu, pernah membawakan soal berkaitan untuk menaik taraf kemudahan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

sukan terutamanya padang bola sepak di Kampung Melayu Rawang, Batu 16. Untuk makluman Kerajaan Negeri, projek menaik taraf itu belum berlaku. Jadi kita mengharapkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya serius untuk melihat faktor menaik taraf padang bola sepak di Kampung Melayu Rawang, Batu 16. Kemudian PK9, kod projek 09002 Kemudahan awam PBT. Di sini juga saya ingin membawakan hasrat dan juga permintaan daripada masyarakat khususnya pada penduduk di Bandar Baru Selayang yang mana mereka mahukan sebuah dewan yang boleh mereka untuk menjalankan program dan juga aktiviti terutamanya untuk golongan muda. Saya mengharapkan dewan. Kalau ia dapat menjadi satu realiti ataupun kenyataan. Satu dewan yang boleh memuatkan 4 gelanggang badminton di dalamnya selain daripada dewan ini nanti boleh digunakan oleh masyarakat untuk mengadakan program-program kenduri kendara dan sebagainya.

Begitu juga dengan kod projek 09003 soal berkaitan dengan pengangkutan. Saya ingin menyampaikan juga hasrat daripada penduduk dan juga masyarakat di DUN Templer, iaitu mereka mahukan supaya laluan komuter dapat dipanjangkan sebab kita tahu untuk Daerah Gombak laluan komuter ini dia berhenti setakat di Batu Caves dan kita mengharapkan akan pihak Kerajaan Negeri dapat berbincang dengan Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pengangkutan supaya laluan komuter ini dapat disambung sehingga ke Bandar Baru Selayang bagi memudahkan urusan perjalanan masyarakat dan juga penduduk di sana untuk berulang alik pergi ke kerja di Kuala Lumpur.

Begitu juga saya ingin membawakan dalam muka surat 199 kod projek 16019 Projek penggantian paip air. Perkara ini juga biasa saya bawakan dalam sidang sebelum ini soal berkaitan dengan paip yang sering pecah terutamanya di Kampung Selayang Baru. Hari ini pecah, hari ini baiki dah pecah balik. Kita tidak tahulah material apa yang mereka gunakan untuk memperbaiki paip itu. Itu yang pertama. Yang keduanya selepas siap dibaiki tampalan jalan tar itu, kadang-kadang dia terlalu berbonggol, kadang-kadang dia mendap. Ini juga harus dilihat oleh pihak Kerajaan Negeri soal pembaikan paip-paip pecah. Begitu juga dalam persoalan berkaitan dengan masalah banjir yang sering berlaku di Selayang Baru khususnya di Jalan 60, yang mana kita tahu pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta ringgit untuk menaik taraf anak Sungai Udang . Peruntukan 5 juta ringgit untuk menaik taraf anak Sungai Udang untuk fasa pertama sudah selesai cuma yang menjadi masalahnya untuk fasa kedua. Fasa kedua ini dia terbengkalai disebabkan faktor pengambilan tanah. Jadi saya mengharapkan sangat agar pihak Kerajaan Negeri dapat melihat soal berkaitan dengan proses pengambilan tanah sebab dia dapat menyelesaikan masalah soal berkaitan dengan banjir kilat yang kerap terjadi di Selayang Baru dan saya hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO daripada Pandan Indah yang telah turun ke Taman Templer untuk melakukan lawatan melihat tentang kemajuan projek di Taman Templer. Kemudian saya ingin membawa kepada berkaitan soal projek menaik taraf jalan daripada Selayang ke Rawang khususnya di pendakian bukit di Taman Aman Sierra. Sebab di situ bukan sahaja di waktu puncak, tak waktu puncak pun kerap berlaku kesesakan lalu lintas, sebab itu kita mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri agar dapat segera meluluskan peruntukan untuk menaik taraf jalan daripada Selayang ke Rawang daripada 2 lorong kepada 4 lorong. Begitu juga soal berkaitan masalah pencahayaan iaitu lampu-lampu yang seharusnya dibina di sepanjang jalan daripada Selayang ke Rawang itu sendiri.

Kemudian seterusnya soal berkaitan dengan kebanjiran warga asing terutamanya di Pasar Borong Selayang. Kita tahulah Pasar Borong Selayang, namanya sahaja Pasar Borong

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Selayang tetapi kedudukan geografi Pasar Borong Selayang ini sebenarnya terletak di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kita mengharapkan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri untuk berbincang mungkin dengan pihak DBKL, dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, dengan Imigresen, dengan pihak Polis, bagi mengatasi masalah soal berkaitan dengan kebanjiran warga asing yang terlalu banyak terutamanya di kawasan Pasar Borong Selayang itu sendiri.

Kemudian yang terakhirnya soal berkaitan dengan pembinaan masjid baru. Kalau kita tengok dalam pembentangan belanjawan bajet, bajet kerajaan dulu dipanggil bajet, bajet ini bahasa orang putih tetapi alhamdulillah Kerajaan Pakatan Harapan ini kita ubah balik kepada Belanjawan. Dulu dipanggil bajet untuk pengetahuan Jeram. Tapi sekarang ini Kerajaan Pakatan Harapan kita sudah memartabatkan Bahasa Malaysia itu sendiri belanjawan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, bahawa untuk tahun hadapan ini akan ada dua buah masjid yang akan dibina. Satu di Sungai Buloh dan keduanya di Kuang. Saya mengharapkan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk membantu soal berkaitan dengan pembinaan masjid di Kampung Selayang Pandang dalam DUN Taman Templer. Dan yang terakhirnya saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas kesudian untuk hadir melawat mangsa-mangsa ribut yang berlaku pada bulan Julai yang lalu di Taman Templer. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Templer. Saya menjemput Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang kepada Bandar Utama untuk membahaskan usul peruntukan pembangunan 2019. Di sini Bandar Utama hanya ingin membangkitkan 2 perkara. Perkara Pertama vot PO1, muka surat 196, kod projek PK7 07001 di bawah Program Pembangunan Generasi Muda. Bandar Utama terpanggil untuk berbahas mengenai peruntukan yang diberikan kepada PeBT kerana pada sidang kali ini juga kita dapat melihat banyak Adun atau Yang Berhormat telah memberikan pandangan tentang PeBT dan fokus utama mereka adalah keberkesanan PeBT di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya telah mendengar banyak suara daripada Yang Berhormat sekalian dan Bandar Utama juga ingin mengeluarkan pandangan Bandar Utama kerana saya rasa PeBT bukan semua masalah sahaja. Di kawasan Bandar Utama sebenarnya kami sangat berpuas hati dengan prestasi daripada PeBT kerana PeBT ini merupakan sebenarnya ada Bandar Utama satu program yang sangat baik untuk memimpin, untuk memperkasakan anak-anak muda di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Pertama sekali saya rasa PeBT ini sesuatu yang Kerajaan Negeri Selangor patut rasa bangga kerana hanya di Negeri Selangor sahaja kita mempunyai khas Penggerak Belia Tempatan bagi melatih anak-anak muda kita. Program ini sangat dicemburui di negeri-negeri lain kerana mereka tidak mempunyai program seperti ini. Dan saya rasa apabila ada di kalangan Yang Berhormat membangkitkan isu tentang keberkesanan PeBT ini, kadang kala saya rasa Yang Berhormat semua kita pun ada tanggungjawab terhadap PeBT kerana tidak kira apa jenis program atau aktiviti yang akan dijalankan oleh PeBT perlukan persetujuan dan tanda tangan daripada ADUN. Jadi saya rasa sekiranya ada ADUN yang tidak bersetuju dengan program aktiviti yang dijalankan oleh PeBT sebenarnya ADUN semua ini bolehlah jangan tandatangan ataupun ataupun boleh berbincang dengan PeBT itu dulu. Jadi jangan kita

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

menindakkan PeBT ini kerana PeBT ini seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar telah banyak menolong kita untuk membentuk anak-anak muda untuk menjadi pemimpin ada yang di kalangan mereka menjadi Ahli Majlis, ada di kalangan mereka menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Cuma saya bersetuju kita perlu penambahbaikan terhadap PeBT ini kerana...

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Bandar Utama , boleh mencelah sedikit?

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Dipersilakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersilakan Kota Anggerik

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Terima kasih rakan saya Bandar Utama atas laluan. Saya sekadar nak berkongsi soalan dengan Bandar Utama. Pertama, saya bersetuju dengan pandangan beliau tentang kepentingan PeBT sebagai sesuatu tonggak kepada keberkesanan program-program pembangunan belia di Negeri Selangor. Saya nak tanya pandangan Bandar Utama. Apakah Bandar Utama bersetuju kerana macam sekarang ini ada mempunyai had usia jika sebelum ini kita menggunakan pakai usia belia had usia 35 tahun tetapi saya lihat di Selangor ini PeBT ini lebih awal daripada Kerajaan Persekutuan. Macam sekarang ini di peringkat Federal masih menggunakan pakai had usia 30 tahun yang mana di peringkat Negeri Selangor telah dilaksanakan jauh lebih awal maksudnya sekarang kalau PeBT lebih daripada 30 tahun sudah tidak layak untuk dilantik sebagai PeBT. Apa pandangan Yang Berhormat apakah perlu ada satu program susulan kepada bekas-bekas ataupun orang sebut mantan-mantan PeBT ini. *What is the next step?* dengan izin. Apa perancangan mereka selepas ini sebab yang saya lihat selepas habis tempoh perkhidmatan dengan PeBT kebanyakannya tidak mempunyai hala tuju jadi tidak ada sebarang jadi tidak tahu nak buat apalah macam itu. Apakah Yang Berhormat bersetuju untuk kita mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya manfaatkan kemahiran dan bakat mantan-mantan PeBT ini supaya mereka boleh menyumbang dan memberikan khidmat dan peranan yang sewajarnya kepada Kerajaan Negeri walaupun sudah tidak berjawatan lagi? Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Yang Berhormat soalan yang bagus. Saya rasa tujuan utama Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah untuk kita supaya dapat memperkakaskan anak muda kita itulah matlamat utama dan kalau tidak salah saya ada kebelakangan ini orang membangkitkan PeBT ini berniat politik di mana PeBT ini hanya jawatan yang diberikan bagi tujuan politik sahaja. Di mana saya sangat tidak bersetuju dengan kenyataan itu kerana PeBT ini terbukti adalah program pada kita adalah untuk mendidik anak-anak muda menjadi pemimpin dan seperti yang katakan oleh Yang Berhormat tadi bukan semua yang telah melalui program PeBT ini diberikan *position* ataupun jawatan. Ada yang menjadi Ahli Majlis, ada yang menjadi ADUN tetapi ada juga yang tidak mempunyai apa-apa jawatan ataupun tidak mempunyai apa-apa *position* diberikan dalam Kerajaan dan ini bermaksud ianya bukan niat politik kerana sekiranya dengan berniat politik ertinya semua ahli-ahli PeBT ini akan mendapat jawatan selepas ini. Jadi saya rasa kita tidak tersimpang daripada tujuan utama di mana kita sebenarnya hendak melatih anak muda bukannya memberikan jawatan selepas melatih

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

anak muda ini. Tujuan utama adalah kita dapat memastikan supaya anak muda ini mempunyai daya kepimpinan supaya memastikan di bawah Kerajaan Negeri Selangor ini kita mempunyai lebih banyak anak muda yang boleh keluar dan memimpin. Itu adalah tujuan utama bukannya pemberian jawatan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Mohon laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kuang ini mencelah. Silakan Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih Bandar Utama. Saya nak tanya berkenaan keberkesanan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) ini jika kita melihat daripada bajet yang disediakan itu ia tidaklah begitu besar tetapi saya percaya bahawa dulu PeBT ini dibuat kerana keperluannya untuk Negeri Selangor sahaja. Kefahaman saya adalah untuk mengerak belia-belia di Negeri Selangor ini tetapi hari ini kita sudah memerintah hingga ke Kerajaan Pusat. Adakah cadangan *engagement* ini PeBT ini diperluaskan lagi pelbagai peringkat termasuk belia-belia tempatan yang lain yang menjadi satu penggerak contohnya macam Belia 4B ataupun mereka boleh berurusan terus dengan Kementerian Belia dan Sukan di bawah Menteri yang baru. Kalau kita tidak perluasan PeBT ini kita nampak skopnya cukup kecil, cukup kecil, cukup kecil dengan peruntukan yang sedikit itu saya percaya tidak mampu untuk mengerak apa yang ke hadapan dengan lebih baik. Saya minta *engagement* ini lebih bersifat besar terus ke peringkat pusat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Utama. Pendekkan.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Oklah, saya akan pendekkan. Yang itu saya rasa Yang Berhormat boleh berbincang dengan Yang Berhormat EXCO selepas ini. Selepas kita keluar daripada mesyuarat tetapi apa yang hendak saya katakan adalah kita boleh melakukan penambahbaikan PeBT bagi meningkat prestasi mutu PeBT dan juga produktiviti tetapi kita tidak boleh menidakkannya PeBT ini merupakan satu mekanisme yang sangat bagus cuma bagaimana kita hendak menggunakan PeBT ini untuk melatih anak muda kita. Jadi Bandar Utama ingin menyatakan Bandar Utama juga berharapa Yang Berhormat EXCO selepas ini nasihatkan PeBT ini untuk bekerjasama dengan ADUN kerana ADUN merupakan Wakil Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat. Jadi sekiranya ada PeBT betul-betul yang tidak *perform* ataupun melaksanakan tugasnya, saya rasa Wakil Rakyat dan ADUN seharusnya diberikan ruang untuk memberikan maklum balas dan cadangan terhadap PeBT. Di sini saya akan menyimpang sedikit sahaja walaupun topiknya bukan berkaitan PeBT tetapi memberikan impak ataupun kesan PeBT di mana sekiranya PeBT itu sebab PeBT nombor PeBT ini adalah berdasarkan nombor Ahli Majlis yang ada di bawah Kerajaan Tempatan dan saya dapat nampak ada kesukaran sekiranya PeBT ini di bawah banyak ADUN yang berbeza. Para Yang Berhormat yang berbeza kerana mungkin dia hanya bekerjasama dengan satu ADUN sahaja dan dia tidak bekerjasama dengan semua ADUN. Jadi itu adalah satu isu yang mungkin Yang Berhormat EXCO boleh pertimbangkan selepas ini kerana sekiranya PeBT itu bekerja dengan ADUN-ADUN tertentu sahaja dan tidak berjumpa dengan ADUN yang juga di bawah tempat yang sama ataupun kawasan yang dikendalikan oleh PeBT tersebut. Ertinya ADUN itu tidak dapat melatih PeBT itu ataupun tidak dapat bekerjasama untuk menjalankan program. Jadi saya berharap itu akan dipertimbangkan Yang Berhormat EXCO dan saya juga rasa sebenarnya kita seharusnya melakukannya perempadanan semula bagi memastikan Kerajaan Tempatan ini selari dengan perempadanan semula Kerajaan Negeri. Saya nampak masa

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

saya tidak begitu banyak jadi saya berhenti sahaja akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana membenarkan Bandar Utama untuk menyuarakan pendapat dan saya sokong dengan usul dengan peruntukkan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Bandar Utama. Saya menjemput Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin menarik perhatian dan ingin merujuk kod 181010 muka surat 200, Program Pemberian Air Percuma. Sentosa ingin tanya berkenaan adakah perancangan Air Selangor dari segi program CSR yang boleh dikendalikan untuk membantu kerana banyak pangsapuri-pangsapuri kos rendah *right?* Kita di sini cuba membelanjakan satu jumlah untuk memberikan air percuma tetapi air dibazirkan di kawasan-kawasan pangsapuri kos rendah kerana mereka tidak mempunyai satu JMB yang aktif yang boleh membantu untuk menyelesaikan masalah terdapat banyak paip air bocor dalam kawasan-kawasan dalam. Tetapi siapakah yang boleh membantu so kalau boleh program CSR Air Selangor boleh membantu mereka menyelesaikan perkara ini dan air yang digunakan di pangsapuri dan flat -flat tertentu boleh dibilang. So, program CSR amat perlu dengan peruntukkan yang diluluskan mungkin Air Selangor boleh membantu. Yang kedua, adalah bolehkah Kerajaan Negeri ataupun Air Selangor memberi air percuma asrama-asrama, rumah anak yatim dan mungkin rumah orang tua di mana banyak NGO-NGO mengendalikan pusat-pusat ini menghadap masalah pembayaran bil dan sebagainya. Yang ketiga, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker ialah berkenaan kod 18009 muka surat 200, Program Skim Mesra Usia Emas. Tadi dalam penerangan Yang Berhormat EXCO beritahu bahawa memang satu program dikendalikan, diperkenalkan mungkin akan mengambil masa untuk kita tahu macam mana program ini akan berjaya atau tidak? Tetapi saya hanya nak tanya program di pejabat DUN Sentosa pun banyak orang lagi datang untuk mendaftar kerana dia pun perlukan RM100 ringgit dan sebagainya sempena hari jadi tetapi soalan yang saya ingin tanyakan berkenaan dengan tahun lalu kita telah meluluskan satu bajet untuk program Skim Mesra Usia Emas kenapa program ini diberhentikan pada April tahun ini adakah duit itu telah mencecah bajet ataupun duit itu tidak mencukupi atau tidak itulah persoalan yang saya nak tanya? Dan dalam borang Skim Mesra Usia Emas ini perlulah kita catatkan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai hak mengubah atau menggubal atau memberhentikan sesuatu program dan perlu memberi notis kepada, mungkin program SMUE adalah satu program Khairat Kematian bukan Mesra Usia Emas perlu diberikan satu jangka masa yang cukup iaitu satu tahun sebelum berhentikan sesuatu program ini adalah satu persoalan mungkin Kerajaan Negeri ada permasalahan tertentu yang boleh diberitahu.

Yang ketiga berkenaan dengan Kod PK13 Pendidikan Adat, Bahasa , Kesenian Budaya dan Warisan. Adakah Kerajaan Negeri ada hasrat ataupun perancangan ataupun telah menyepakat untuk membina Pusat Kebudayaan India? Pada tahun 2012, mantan Menteri Besar mengumumkan bahawa satu Pusat Kebudayaan akan dibina di sepanjang Sungai Klang dan saya tidak tahu ada satu peruntukkan diketepikan atau tidak tetapi Kerajaan Negeri adakah berhasrat untuk membina satu Pusat Kebudayaan khususnya untuk masyarakat Melayu, Cina dan India yang boleh membantu dan memelihara memperkembangkan Adat, Budaya dan Bahasa dapat diteruskan dan sebagainya. Pembinaan Pusat Kebudayaan adalah penting supaya adat budaya kita kekal di samping

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

terus membesar dan membangun seiring dengan kemajuan Negara. Itu ada lah soalan ataupun pencerahan saya yang ketiga.

Yang keempat dan mungkin yang terakhir ialah berkenaan dengan PK9 muka surat 196, kod 90005 Kerajaan Tempatan. Di mana kita memperuntukkan banyak program untuk Program Bandar Selamat, CCTV dan sebagainya. CCTV utama kita ialah PDRM, kita perlukan bantuan PDRM. Saya nak tanya adalah kita boleh membantu PDRM kerana kita tahu sebelum ini Kerajaan Pusat yang lalu tidak memberi perhatian yang sepenuhnya dengan kemudahan dan sebagainya. Banyak kekurangan di DUN Sentosa pun, kita perlukan Balai Polis tetapi Balai Polis yang adapun telah usang dan perlu diubahsuai so pihak polis yang nak bertugas tidak ada satu tempat yang selesa *right* bolehkan Kerajaan Negeri membantu balai-balai yang perlu diubahsuai demi keselesaan anggota PDRM kita di Negeri Selangor.

Yang akhir sekali ialah Program Alam Sekitar Kod 12003. Program, memang kita berbelanja banyak untuk mengadakan Program Kesedaran Alam Sekitar, memberi kesedaran dari bangku sekolah dan sebagainya. Adakah Kerajaan Negeri ada satu perancangan untuk membeli balik botol-botol plastik yang biasanya sampai ke laut. Kalau kita boleh memberi satu nilai kepada botol plastik, seperti ‘*scrap metal*’, dengan izin, botol-botol plastik ini boleh dikumpulkan sesuatu kumpulan yang boleh satu perniagaan yang kita boleh wujudkan untuk sesuatu beberapa orang untuk mendapat pendapatan sampingan di mana botol-botol ini boleh dikutip daripada ia dibuang di dalam longkang dan sampai ke laut dan sebagainya. Kita mungkin boleh adakan JV program dengan pekilang-pekilang besar plastik di Negeri Selangor. Sentosa mohon pencerahan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi saya ruang. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sentosa. Saya jemput Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Semenjak saya mengkritik wanita ni, langsung tak diberi peluang. Ini satu diskriminasilah.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t. dan juga Salam Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya harap Yang Berhormat Jeram sabar, saya pun tak ambil masa lama, hanya ada beberapa perkara sahaja yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan untuk perbelanjaan pembangunan. Yang pertamanya adalah perkara Vot P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan saya ingin merujuk kepada PK4 iaitu sosial. Dalam ucapan dasar Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika membentangkan Belanjawan 2020, ada menyebut tentang berkenaan dengan program bebas gelaja sosial, khususnya gejala dadah, dan seperti yang kita sedia maklum, gejala sosial dadah ini, ada dua perkara yang utama yang perlu difokuskan. Yang pertama adalah penguatkuasaan. Bagaimana untuk kita mengekang supaya pengedar-pengedar dadah ini dapat diambil tindakan yang sangat tegas dan juga yang sewajarnya. Dan dalam daerah Sabak Bernam, saya yang pertamanya ingin mengucapkan syabas dan tahniahlah kepada IPD Daerah Sabak Bernam yang kerap kali setakat ini membuat operasi-operasi berkaitan dengan menghapuskan gejala dadah ini. Tetapi apabila kita melihat berkenaan dengan masalah sosial terutamanya adalah kita perlu melihat kepada mereka-mereka yang terjebak dengan

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dari najis dadah ini daripada segi penagih-penagih ini supaya mereka ini diberikan sokongan daripada sosial dan juga masyarakat walau peruntukan yang diperuntukkan dalam ucapan dasar sebanyak RM1juta. Saya rasa ini tidak memadai perlu ditambah lagi dengan program-program yang lain supaya mereka ini tidak kembali semula menjadi penagih dadah. Dan ianya juga saya rasa sesuai dengan dasar yang saya rasa sedang atau dalam usaha untuk diperkenalkan dalam peringkat persekutuan yang mana dengan izin kerajaan ingin '*decriminalise*' atau pun tidak menjadikan masalah penagihan dadah ini sebagai satu *j deriminalising* enayah. Jadi kita di peringkat negeri perlulah membuat satu program ataupun sokongan kepada mereka-mereka ini. Dan mereka-mereka ini yang dituduh di mahkamah dan sebagainya tidak semuanya dimasukkan ke dalam pusat serenti. Dan ada juga mereka ini yang diberikan jaminan bon dan sebagainya selama tempoh dua tiga ataupun empat tahun mereka ini ada dalam masyarakat dan mereka ini perlulah diberikan perhatian dan juga sokongan daripada segi sosial baik daripada segi mungkin boleh ada kerjasama dengan pihak MPKK ataupun PeBT sendiri yang melibatkan orang-orang belia dan juga golongan muda yang terjebak ini untuk mereka pulih dan juga kembali semula boleh menyumbang semula kepada masyarakat. Dan ini adalah sangat penting dan kita juga mahu juga tahu apakah pendirian Kerajaan Negeri berkenaan dengan dasar mungkin yang dibincangkan di peringkat persekutuan untuk *decriminalising* kesalahan-kesalahan dadah ini dengan izin supaya di peringkat negeri ia mereka ini diberikan sokongan dan ia juga tidak akan membebankan penjara atau pun jabatan penjara lambakan mereka yang dikenakan tindakan pemenjaraan dalam kesalahan dadah ini. Ini menyebabkan penjara semakin '*pack*' dan mereka terpaksa merengkok dalam penjara.

Dan yang keduanya berkenaan dengan isu sosial dan keselamatan dalam Negeri Selangor ini kita sedia maklum hari ini semakin menjadi-jadi masalah *scammer* ataupun penipuan. *Scammers* ini. Baiklah. Daripada segi apa nama ini. Tipu daripada segi *facebook*, *whatsapp* dan sebagainya, ianya semakin menjadi-jadi. Dan sama juga macam masalah dadah dalam *scammers* ini pon sebenarnya ada masalah keldai *scammers*. Dan kebanyakan keldai *scammers* ini di kalangan mereka yang mungkin pengetahuannya rendah dan juga mungkin daripada segi pendidikannya kurang dan ramai yang kena ini adalah makcik-makcik yang ramai ditipu sehingga mereka ini digunakan akaun mereka untuk *scammers-scammers* ni menipu. Mereka ini kena diberikan akaun kononnya dijanjikan dengan pulangan dan sebagainya dan akhirnya mereka ini menyerahkan bukan setakat buku akaun tapi kad ATM sekali kepada *scammers*. Dan akhirnya akaun ini digunakan sebagai akaun untuk menipu orang lain. Dan akhirnya dihadapkan ke mahkamah adalah keldai-keldai *scammers* ini melibatkan ramailah di kawasan kampung khususnya dalam daerah Sabak Bernam sendiri pon ada peningkatan daripada perkara-perkara ini.

Dan ini perlu diberikan perhatian kalau merujuk kepada PK4 sebagai contoh 04005 hal ehwal pengguna ada sedikit bajet diperuntukkan supaya ini boleh kerajaan memikirkan satu program kesedaran supaya mereka-mereka ataupun rakyat di luar sana tidak terjebak dengan masalah ini yang akhirnya akan membebangkan mereka dan ada juga mereka-mereka kedai *scammers* dituduh di mahkamah-mahkamah pada hari ini dan ianya memberikan banyak masalah. Yang keduanya kalau *scammers* ini kita lihat tidak boleh tidak kita lari daripada isu berkenaan dengan data peribadi dan juga ekonomi digital sekarang sebab terlampau banyak dan mudah untuk dapat data-data ini nombor telefon dan sebagainya dan kalau kita lihat tahun ini kalau tak silap saya mungkin dalam pertengahan tahun ada juga *scammers* yang menyamar jadi Menteri Besar sendiri, telefon

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Pegawai Daerah kalau tak silap saya menyamar jadi Menteri Besar dan nombor itu keluar adalah nombo Menteri Besar. Dan ini adalah suatu yang berbahaya dan dari segi keselamatan ini perlu diambil kira.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Adakah Sungai Panjang bersetuju bahawa *Love Scammer* ini adalah sebahagian daripada *scam* yang sedang menular di dalam media maya kita sekarang. Adakah berpunca daripada itu?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Bila kita bercakap tentang *scammers* ini ada bermacam-macam kaedah ataupun strategi *scammers* ini selain daripada dia memerlukan duit dan sebagainya. *Love Scammer* ini adalah sebahagiannya. Dia ada target dia. Mungkin target dia ibu-ibu tunggal yang bukan dalam golongan memerlukan bantuan tapi ibu-ibu tunggal yang sebagainya ini mungkin menjadi sasaran-sasaran ataupun individu-individu tertentu, *Love Scammer* ini dia akan *attack* dan akan dapatkan duit dan sebagainya daripada itu. Jadi ini kerajaan perlu memberikan perhatian dan juga program-program kesedaran dan sebagainya perlu difikirkan untuk memastikan kehidupan sosial rakyat di Negeri Selangor ialah keadaan yang sangat stabil terutamanya isu-isu keselamatan alam maya seperti yang berlaku baru-baru ini. Dan yang seterusnya saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan PK7 iaitu generasi muda dan sukan, ada tiga item dekat sini, yang pertama pembangunan generasi muda menaik taraf infrastruktur sukan dan juga program pembangunan sukan. Berkenaan program pembangunan generasi muda, kita sedia maklum, RM5.260 juta ini diperuntukkan untuk melalui PeBT dan kita harap belia-belia PeBT ini boleh *reach out* dengan belia-belia lain terutamanya dengan belia-belia persatuan belia dan sebagainya kalau kita lihat PeBt ini dibahagikan dipecahkan mengikut DUN-DUN ada 56 DUN di Negeri Selangor kalau dengan peruntukan RM 5.260 juta hanyalah lebih kurang tak sampai RM100,000 pon peruntukan satu DUN. Jadi ianya adalah sangat sedikit untuk membantu belia-belia ini untuk terus membangunkan generasi muda khususnya di kawasan-kawasan luar bandar ini mungkin kalau boleh dilebihkan peruntukan tersebut, menaiktaraf infrastruktur sukan ini kalau kita lihat contohnya di dalam daerah Sabak Bernam. Dulunya kita ada pusat kecergasan ataupun *center of excellent* untuk sukan tinju. Tapi saya lihat untuk ada di daerah Sabak Bernam itu, dah tidak diselenggara dengan baik dan akhirnya dah tak ada lagi dah peninju-peninju yang dilahirkan atau pun yang berlatih di situ.

Dan akhirnya sekali Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan anggaran perbelanjaan pembangunan 2020 Vot P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, fikir satu pelbagai rancangan, iaitu saya merujuk kepada Kod 01003 dan 01004 iaitu Pemasangan Lampu Jalan Dan Meningkatkan Aspek Keselamatan. Yang ini saya nak bercakap tentang keadaan infrastruktur jalan di sepanjang FR5 terutamanya di dalam daerah Sabak Bernam bermula pada Sekinchan sampailah ke Sabak Bernam. Ada banyak kemalangan berlaku dan antara faktor kemalangan berlaku adalah aspek keselamatan jalan kurangnya pencahayaan lencongan-lencongan yang berbahaya dan kita sendiri yang selalu menggunakan jalan tersebut pun kadang-kadang kita keliru dengan lencongan-lencongan tersebut dan juga boleh menyebabkan juga kemalangan jadi kita harap dengan peruntukan atau ada beberapa perkara-perkara ini boleh ditambah baik. Dan untuk makluman juga di hadapan rumah saya di Sungai Nibong untuk tahun ini sahaja ada empat atau pun lima dan salah satunya adalah kemalangan maut. Walaupun dah ada lampu-lampu jalan dipasang, tetapi ada banyak lagi *hotspot-hotspot* yang perlu diberikan perhatian pencahayaan yang lebih baik contohnya di Simpang Lima di Sungai Limau di kawasan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

sebelum sampai Pasir Panjang dan sebagainya ada banyak selekoh dan sebagainya perlu diberikan perhatian dan *'barier-barier'* ini banyak bersepah di tengah-tengah jalan. Dan saya juga nak bagitahu dalam dewan yang mulia ni sekiranya pihak kontraktor yang saya difahamkan adalah pihak Mangkubumi ini tidak boleh nak menangani perkara-perkara ini, kerajaan perlu ambil tindakan yang tegas ataupun ambillah apa juga tindakan yang wajar supaya mereka ini perlu menjaga keselamatan penduduk-penduduk supaya tidak ramai lagi '*accident*' atau pun kemalangan yang berlaku.

Jadi, terima kasih, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya menghighlight atau mengenengahkan beberapa isu dalam perbelanjaan pada kali ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Panjang. Saya persilakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih sekali lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Lima minit Jeram. Boleh pendekkan, lima minit sahaja.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ya. Memang saya pendekkan sahaja cuma ada tiga benda perkara utama yang saya rasa perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Negeri dan juga EXCO yang terlibat. Yang pertamanya saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana meluluskan satu bajet juga untuk pembinaan masjid, untuk penambahan bajet iaitu RM1 juta di muka surat 248 kod projek PK3, 03701 iaitu Pembinaan Masjid Di Puncak Alam. Terima kasih, memang memerlukan sangat memandangkan penambahan penduduk yang terlalu drastik.

Yang keduanya, berkenaan dengan jalan raya, lampu jalan iaitu muka surat 222, kod projek PK 04707, Lampu Jalan, hanya RM500,000 sahaja diberikan kepada JKR Kuala Selangor, yang melibatkan lima buah DUN, bermakna dia akan jadi satu DUN RM100,000 iaitu, penambahan lampu jalan dan juga naik taraf jalan. Kalau lahir satu DUN 10 batang lampu jalan pun, berharga RM10,000 maka 10 tiang sahaja boleh dipasang RM100,000 untuk setahun, belum lagi *upgrade* jalan. Jadi macam mana ni, saya dah bagitahu saya dah maklumkan dah lampu jalan ini perkara yang penting perlu diasingkan jangan dicampuradukkan lampu jalan dan juga jalan raya. Saya nak bagitahu semalam ada orang meninggal, minggu lepas dia *accident* semalam dia meninggal. Boleh dikatakan Kerajaan Negeri boleh tengok *record* di kawasan Jeram yang melibatkan beberapa kampung yang mana saya dah bagi juga sedikit kampung kepada Ijok dan sedikit kepada Melawati. Kampung-kampung itu boleh dikatakan purata setiap minggu ada satu kemalangan maut. Boleh *check*, ini saya bercakap ini bukan kosong, boleh *check* fakta, dapatkan fakta. Lampu jalan benda penting. Saya, orang yang meninggal itu, semalam itu, rumah dia ada 19 orang ahli keluarga yang tinggal satu rumah, di *estate*, 19 orang tinggal satu rumah di estet itu. Yang mana rata-ratanya semuanya budak-budak, cucu-cucu dia. Dan sebelum raya, ada seorang meninggal. Ibunya meninggal, anak-anaknya kecil semasa saya pergi menziarahinya. Anak-anak nya baru umur satu setengah tahun dan tiga tahun. Jadi ini, saya rasa benda ini saya perlu menekankan isu ini supaya jangan asik duk kata Kerajaan Selangor, kerajaan yang maju, kerajaan yang membela rakyat dan sebagainya tetapi perkara asas di pandang lekeh apabila di luar bandar, tak penting, yang penting bandar.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Saya rasa begitu kecewa, jadi saya rasa Yang Berhormat EXCO dan juga Kerajaan Negeri, tolong asingkan lampu jalan dan juga naik taraf jalan, dua benda berbeza, sekurang-kurang nya seperti yang saya katakan, kalaularah setahun boleh peruntukan sepuluh ataupun dua puluh lampu jalan untuk setiap DUN, sekurang-kurangnya lima tahun dah ada seratus lampu jalan yang mana kita nampak perubahan daripada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah 60 tahun di kawasan itu dan perubahan itu akan nampak. Minta tolong sangat. Lampu jalan ini saya rasa apabila saya tanya kepada jurutera Daerah Kuala Selangor, mana lampu jalan tuan, langsung tak ada pun, dia kata tak ada bajet, tak ada bajet. Tapi bila tengok, memang betul. RM500 ribu untuk lima DUN, macam mana. *Come on* la, kita kena buat bajet itu, kena bajet yang rasional, kena ambil kira, mana cukup benda ini. Saya memang menyokong bajet, bukan tak sokong. Semenyih sokong, saya pun sokong. Tetapi kena berpada-pada lah. Lima minit saja, kejap saja, duduk dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya tak benarkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Seterusnya muka surat 219 Kod Projek PK0303701 Jalan Pintas Bukit Hijau Ke Shah Alam 2. Yang ini saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat, kalau saya nak pergi nak ke Kampung Bukit Hijau daripada Puncak Alam tempat saya tinggal, yang mana Jeram juga kawasannya, hanya perlukan lima minit, tetapi kalaularah saya nak ikut jalan yang betul, sekarang ini saya ikut jalan tikus, dipanggil jalan tikus. Kalau jalan yang betul, saya kena lalu ljom dulu baru lah boleh pergi ke Bukit Hijau, mengambil masa 45 minit. Jadi jalan ini menjadi jalan utama perhubungan di antara bandar Puncak Alam dan juga penduduk di kampung, lima buah kampung di situ. Orang kampung duk tanya, Yang Berhormat kenapa dulu masa Barisan Nasional jalan ini sentiasa elok boleh diturap walaupun jalan tikus, saya kata jalan tikus tak di wartakan, tidak boleh menggunakan bajet majlis ataupun bajet JKR, sebab jalan itu jalan perparitan dan saliran.

Peruntukan peruntukan ADUN memang boleh dipakai tetapi satu jumlah yang besar, tak cukup. Jadi, Yang Berhormat, saya nak bagi tahu kan di sini, dulunya wakil rakyat Barisan Nasional menguasai kontraktor dan sebagainya minta tolong turap, memang di turap. Tetapi kita tidak menguasai apa-apa dan kita tidak mahu buat perkara sedemikian. Tetapi apabila dah ada cadangan untuk laluan pintas, kenapa tidak di uruskan, tidak diteruskan. Itu persoalan saya, sebab benda ini, saya dah nampak daripada Rancangan Malaysia ke-11, bermakna benda ini dah di usul lima tahun yang lalu. Tetapi sehingga kini belum ada. Minta tolong, saya ulang sekali lagi. Kodnya muka surat 222 Kod Projek PK404707, Lampu Jalan dan juga muka surat 219 Kod Projek PK0303701 Jalan Pintas Bukit Hijau Ke Shah Alam 2. Minta tolong sangat-sangat Yang Berhormat EXCO, Insyaallah pada tahun hadapan apabila saya tengok, saya dah nampak adanya bajet. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok terima kasih Jeram. Saya persilakan Sungai Ramal. Yang muda kemudian.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Alhamdulillah, terima kasih Tuan Speaker. Masa suntuk, saya terus merujuk kepada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Lima minit ya Sungai Ramal. Silakan.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Baik, terima kasih. Dengan izin saya terus rujuk kepada perbelanjaan pembangunan 2020 Vot P01 muka surat 199, kod subjek PK17 Projek Khas Negeri. Saya ingin merujuk berkenaan dengan soalan masjid, peruntukan masjid, di dalam kawasan saya ada sebuah masjid sedang dalam pembinaan, masjid Sungai Ramal Dalam yang baru. Masjid ini di bina dengan perjanjian di janjikan peruntukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu tetapi tidak sempat siap. Walau bagaimanapun, skala masjid itu di bina sangat besar, berdasarkan kepada skala masjid negeri di Shah Alam, cuma dalam skala yang lebih kecil sedikit. Dan bila projek ini terbengkalai, bukan terbengkalai lah, tidak belum siap lagi, tetapi tidak cukup peruntukan kerana peruntukan yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari itu tak sampai sekarang ini daripada Kerajaan Pusat.

Masjid itu sudah kira-kira hampir 75-80% siap. Dengan bayangkan tempat parkir masjid sahaja yang tempat parkir kereta itu di bawah bangunan masjid sahaja, *underground parking*, boleh memuatkan kira-kira 150 ke 200 buah kereta. So, skala besar. Jadi bila masjid ini, kalau tidak cukup peruntukan di biarkan begitu sahaja, jika tidak disiapkan ianya satu projek besar terbengkalai di tengah-tengah kampung yang boleh menimbulkan masalah besar kepada kita lah. Dengan tingginya, dengan jadi sarang penagih dada dan sebagainya lah. Jadi kita kena, pada saya kena siapkan juga masjid ini dan untuk itu, peruntukan yang diperlukan hanya kira-kira dalam RM4 juta saja lagi. Itu sahaja, so Kerajaan Negeri belum pernah lagi beri peruntukan pada masjid ini. Jadi bayangkan dengan hanya RM4 juta, Kerajaan Negeri dapat siapkan semua masjid yang besar, indah tersergam. Jadi bagi saya ini satu kebutuhan kepada kita untuk kita bantu.

Pihak Jawatankuasa masjid, telah memohon bantuan kepada Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan mendapat hanya RM20 ribu. Kemudiannya Pihak Jawatankuasa masjid dan ketua Kampung datang berjumpa dengan saya, untuk minta bantuan saya, maka saya pun buat surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga. Dan dengan surat saya, dapat lagi peruntukan tambahan RM5 ribu. Jadi bayangkan lah, di mana saya nak letakkan air muka saya, bila penduduk kata kami minta pun MB beri RM20 ribu, ADUN sendiri minta dapat  $\frac{1}{4}$  daripada kami minta. Jadi saya harap, saya di berikan peluang kedua dalam dewan ini yang mulia ini untuk air muka kita di pelihara dan kita dapatkan siapkan itu. Sebab kalau kita tak siapkan juga, program masjid ini, sekarang ini berjalan dalam keadaan seperti di enjit-enjit semua, sangat perlahan, dapat kutipan daripada orang ramai, sikit sikit sikit. Kalau kita biarkan kita tak bantu, pada penghujung tahun nanti 2022 ke, pada masa itu hanya tinggal sikit lagi dan kemudiannya pihak lagi satu sana datang bantu, maka imej kita memang sangat-sangat teruk tercalar. Jadi saya itu dapat di beri perhatian.

Yang keduanya, seterusnya saya pergi kepada muka surat 233 vot P13 Kod Subjek PK3 Pembangunan Lembangan Sungai. Di sini saya merujuk kepada pembinaan *log boom* iaitu perangkap sampah. Di dalam kawasan saya mengalir satu sungai yang di namakan sungai Air Hitam. Sungai Air Hitam ini menjadi sungai yang membekalkan air ke satu tasik, tasik cempaka. Berada di tengah-tengah Bandar Baru Bangi, yang menjadi tasik kebanggaan kepada penduduk Bangi, tapi tasik ini keadaannya sekarang sangat menjolok mata kerana berlaku pencemaran yang teruk di tasik tersebut, sampah sarap sangat banyak dan sungai Air Hitam ini sampahnya yang di bawa itu mengalir daripada DUN sebelah, DUN Dengkil. Jadi bukan orang Bangi yang buat hal, tapi orang yang daripada sebelah yang buat hal.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Banyak sampah, dan perangkap sampah yang ada itu sekarang ini tidak dapat menampung dan membersihkan sampah-sampah yang begitu banyak.

Kita telah, saya telah memperkenalkan kepada pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri (JPS) daerah Hulu Langat, dan juga telah bawa juga kertas ini kepada EXCO untuk menunjuk pada satu teknologi baru Auto Log Boom yang dipatternkan yang merupakan satu teknologi yang lebih canggih dan lebih baik daripada sistem *log boom* yang ada sekarang yang boleh di pasang di sungai Air Hitam ini untuk mengatasi masalah ini. Dan yang lebih bagusnya itu adalah, sistem ini sistem yang baru di paten kan dan di majukan dengan menggunakan dana daripada Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Mereka mendapat geran sejumlah kira-kira tak silap saya RM1 juta. Jadi dengan geran itu, pihak yang menjalankan kajian itu menawarkan untuk memasang auto log boom ini secara percuma di sungai Air Hitam tanpa mendatangkan kos pun kepada negeri. Jadi saya telah bawa perkara ini, perjuangkan perkara ini, tapi malangnya tawaran yang bagi saya sangat bagus itu sampai sekarang ini belum dapat di implementasikan lagi walaupun pihak EXCO sendiri menyatakan idea yang bagus dan sangat menyokong, usaha yang saya telah lakukan ini. Saya berharap permasalahan yang ada, apa juar yang menghalang perkara ini berlaku dapat di lihat semula la.

Yang ketiganya, berkenaan saya merujuk kepada muka surat 234 Vot P13 Kod Projek PK4. Berkenaan dengan 04002 Membina Stesen Siren GSM baru. Ini berkaitan dengan amaran sistem amaran untuk apabila berlakunya banjir. Saya merujuk kepada sistem siren yang ada di Kampung Bangi. Di Kampung Bangi, sistem ada, sini peruntukan menunjukkan membina sistem, tapi kita selalu lepas pandang *maintenance*. So dekat situ sistem tidak berfungsi, saya telah adukan perkara ini tapi masih belum ada pembaikan di lakukan. Kawasan kampung, kawasan kampung umumnya prasarana kurang, tidak ada lampu pada sebelah malam, saya pernah alami di situ, bila air naik daripada sungai, sebab sungai duduk dekat dengan kampung, bila air naik, sebelah malam dalam keadaan gelap, orang tak sedar, tiba-tiba air sudah naik berlaku panik, nak selamatkan diri meredah air dalam kawasan gelap ada longkang dan sebagainya. Jadi ini satu perkara yang sangat-sangat boleh mendarangkan kecederaan, panik penduduk kampung. Tambah bila sistem siren itu dah rosak, jadi saya harap dapat di perbetulkan segera, dalam masa yang singkat ini, saya perlu berhenti di sini sahaja. Terima kasih atas peluang berikan ini dan saya turut menyokong perbelanjaan pembangunan 2020. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Ramal dan kita akhiri dengan Rawang. Silakan Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih kepada Puan Speaker. Nanti sampai Kuang. Dua minit. Ok di sini saya nak mengambil perhatian untuk merujukkan ke 195 muka surat dan Kodnya PK404008 Program Pembangunan Minda Rakyat. Kita nampak dalam peruntukan yang diajih untuk tahun depan, ada RM9 juta 300 ribu. So, hanya nak bertanya kepada Kerajaan. Apakah program yang dikatakan dengan menggunakan peruntukan yang sebesar itu.

Yang kedua adalah merupakan Kod Vot P01, muka surat 199 Kod Projek PK18004 berkenaan dengan Skim Latihan Semula Pekerja. Di sebabkan pertanyaan saya adalah di sebabkan sebelum ini memang ada peruntukan yang diberikan untuk program tersebut bawah inisiatif peduli rakyat, tetapi kita nampak pada tahun depan tiada peruntukan yang

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

diberikan untuk program tersebut. So, ada nak tanya berkenaan kerajaan berkenaan dengan ini, kenapa dah tiada program atau peruntukan yang disalurkan untuk program tersebut.

Saya ringkaskan lagi, *next* adalah berkenaan dengan muka surat 220 Vot P12, yang ini berkenaan dengan JKR. Kod Projek 04200 Daerah Gombak. Di sini saya ingin mengatakan, tadi terima kasihlah atas Taman Templer yang telah memberi penjelasan atau pertanyaan berkenaan dengan jalan yang mendaki bukit dari Selayang ke Rawang. Sebenarnya di Rawang itu memang ada beberapa isu infrastruktur yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan. Kalau mereka dari Kuala Lumpur nak balik ke Rawang memang mereka memerlukan menjalan melalui jalan tersebut dan aduan di tapak tersebut memang tinggi di atas sebab ada lori yang rosak dan yang mendaki bukit tersebut memang ada banyak kenderaan yang lambat. Kadang-kadang yang jem tersebut dari Selayang dia boleh panjang sehingga bangunan UMNO PWTC situ. Memang jauh dan mengharapkan perhatian daripada pihak kerajaan.

Yang kedua adalah berkenaan dengan FT3209 yang biasa Rawang nak keluar, penduduk rawang nak keluar dari nak pergi menghala ke NKVE, mereka akan melalui jalan tersebut dan jalan tersebut dari empat *line* dia jadi satu *line*, memang satu *bordernet* yang amat serius dan mengharapkan perhatian daripada pihak kerajaan. Seterusnya adalah berkenaan dengan yang sentiasa saya sebutlah B27 . Yang berkenaan dengan *missing lane*, tadi sebelum ini memang Kerajaan dan EXCO telah menjawab soalan daripada pihak saya dan juga ADUN Kuang. Cuma pada tahun depan kita tak nampaklah perkara tersebut dalam hal menaik taraf jalan di dalam perkara dalam tersebut. Minta penjelasan daripada pihak Kerajaan. Dan *next* adalah berkenaan dengan ingin merujuk muka surat 229 Kod Projek PK 1 Pembangunan Projek Tebatan Banjir. Kita memahami tahun lepas atau tahun ini memang banyak tempat yang berlaku banjir, cuma biasanya kita bersempang dengan ADUN-ADUN lain kita merasai proses untuk mendapatkan peruntukan atau meluluskan projek untuk JPS mereka ambil akan mengambil masa yang sangat panjang kalau berbanding dengan JKR. Saya memahami memang JKR, mereka memperuntukkan tersebut kepada setiap daerah, cuma untuk JPS mereka perlu dapat kelulusan daripada HQ dan dia akan mengambil masa yang sangat panjang supaya projek itu dapat diluluskan, diluluskan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. So saya mengharapkan mungkin proses mendapatkan peruntukan untuk JPS itu boleh diringkaskan supaya masalah-masalah banjir ini dapat diselesaikan dengan masa yang pendek.

Yang terakhir adalah, walaupun saya bukan umat Islam tapi saya nak berbangkit dengan masalah masjid. Berkenaan muka surat 246 PK3 Kod Objek 03204 Masjid di Taman Pelangi. Dalam perkara butiran tersebut kita nampak ada Masjid Taman Pelangi di Rawang, cuma sehingga kita tak nampak ada peruntukan yang disalurkan atau ada kelulusan projek untuk masjid tersebut dan memang ada permintaan yang sangat tinggi daripada penduduk situ dan memang Taman Pelangi merupakan satu taman majoriti adalah muslim, so harap boleh mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan untuk pembangunan Masjid di Taman Pelangi Rawang. Itu sahaja daripada pihak saya sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Rawang. Seterusnya Kuang.**

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN SALEEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Yang pertama sekali, saya ingin merujuk kepada satu berita yang disiarkan oleh akhbar Sinar Harian pada 7 November 2019. Dunia hari ini bercakap dengan perubahan iklim. Perubahan iklim ini ataupun *climax change* ini berlaku fenomena, fenomena ini berlaku seluruh dunia. Dan apabila saya terbaca beberapa artikel berkenaan dengan *climax change* ini, maka beberapa pendedahan dibuat oleh pusat pendidikan swasta, iaitu *Center for Gabenor Political Study* menyebut bahawa beberapa bandar utama di Malaysia bakal tenggelam pada 2050 yang akan datang. Memandangkan kita akan menghampiri jika umur panjang, saya rasa umur Templer akan lebih panjang lagi, 30 tahun akan datang dia baru berumur dalam kurang 56 tahun. Antara negeri yang terjejas adalah Perlis, Kedah, Penang, Perak Negeri Sembilan, Pahang Kelantan dan Sarawak. Di kawasan Selangor, Kuala Selangor mungkin akan lenyap daripada geografi yang ada sekarang. Port Klang tenggelam, Shah Alam mengecil, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bertempat di sebelah pantai juga mengecil, dan beberapa kawasan yang ada di Malaysia akan terlibat secara langsung Bagan Datuk, Teluk Intan dan semua ini adalah kerana berlakunya fenomena perubahan iklim seluruh dunia. Maka 30 tahun akan datang kita akan dapat merasakan. Kita harus merasakan sekarang kadang boleh kita membayangkan apa yang berlaku pada 30, tetapi jika kita mengambil satu sikap yang tidak mengendahkan terhadap laporan-laporan, terhadap fenomena iklim ini. Walaupun di dalam forum antarabangsa, *climax change* ini menjadi topik yang begitu hangat diperbincangkan di peringkat antarabangsa. Oleh itu kita mempunyai 30 tahun daripada sekarang selain daripada WKB ataupun wawasan kemakmuran bersama, kita harus juga fokus kepada bagaimana untuk kita mengatasi bagaimana kita harus belajar untuk meningkatkan, meningkatkan apa ni, meningkatkan taraf bagi kita mengelakkan bencana ini berlaku di dalam negara kita.

Hari ini mungkin kita tidak merasainya, tetapi 30 tahun akan datang ataupun 15 tahun akan datang mungkin petanda-petanda perubahan ini pasti akan berlaku. Oleh itu jika kita lihat daripada belanjawan yang telah diluluskan pembangunan ini, belanjawan pembangunan ini kita lihat begitu dipencarkan. Persoalan-persoalan berkenaan dengan lembangan-lembangan sungai yang tidak di mempunyai peruntukan yang cukup untuk kita selenggara dan pengurusan sungai ini sebenarnya harus diberi keutamaan. Bagi mengelakkan kita, untuk membantu sekurang-kurang 20 tahun akan datang apa yang perlu kita lakukan, bermula pada titik hari ini. Kalau kita sedikit sebanyak tidak ubah ataupun kita tidak menyumbang kepada apa ini lembangan-lembangan sungai yang begitu banyak di dalam Negeri Selangor ini, sedikit sebanyak kita akan ketinggalan dan kita harus bersedia untuk menghadapi *climax change* yang lebih hebat lagi. Hari ini taburan hujan 62mm sudah begitu besar pada kita menyebabkan sebahagian Kuang tenggelam, tetapi akan jadi pada apabila berlaku 100 mililiter taburan hujan, adakah kita sudah bersedia menghadapi. Ini yang kita harus beri keutamaan bajet-bajet yang akan datang. Lembangan sungai yang ada di dalam seluruh Selangor ini harus dikaji dilihat bagaimana ia boleh membantu kita untuk menyelesaikan masalah-masalah *climax change* bakal berlaku pada negara kita yang akan datang ini. Itu berkenaan dengan perubahan cuaca..

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Kuang boleh mencelah?**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tidak benarkan. Kuang ringkaskan**

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN SALEHUDDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya nak berhenti ke atau macam mana? Saya nak. Ok ada satu perkara lagi yang berkenaan dengan menggantikan jambatan di B149. Saya pernah menyuarakan pandangan saya kepada Jurutera Daerah tetapi agar *substructure* bangunan jambatan tersebut dibuat kepada empat *lane*. Maksud saya empat *lane* itu *substructure*, *substructure* ini adalah *piling work* juga *footing* dan sebagainya untuk jambatan, pembesaran jambatan tersebut. Kalau ikut *design* yang asal *substructure* ini untuk dua *lane* jambatan sahaja, jadi saya dan minta supaya *substructure* ini disediakan lebih awal dahulu kerana kita untuk memastikan supaya 10 tahun akan datang kita tidak perlu lagi menanam cerucuk di tempat yang sama tetapi sebaliknya kita hanya mendirikan tiang dan akhirnya kita boleh letakkan *long beam* untuk membuat jambatan, tetapi malangnya apabila *design* sudah siap, pihak Unit Perancang tidak luluskan dengan penambahan *substructure* ini kerana jika tidak lakukan sekarang 10 tahun akan datang di *beam* 149 akan *congested* dan satu lagi projek pembangunan akan kita lakukan 10 tahun akan datang untuk kereta *traffic* yang semakin bertambah di kawasan berkenaan. Apa pun yang terakhir saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberikan kita sebuah masjid akan dibina di Batu 20 Masjid Al Hikmah, Batu 20 Kuang dan sejumlah tambahan itu akan menjayakan akan mendirikan sebuah Masjid yang baru dan saya berharap ada 2 masjid lagi pada tahun hadapan yang kita akan kemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dibina. Saya mengucapkan terima kasih fasal berkenaan yang lain-lain jambatan dan jalan dan sebagainya rakan-rakan Yang Berhormat sekalian sudah mula melahirkan rasa kekecewaan terhadap infrastruktur kita yang tidak mencapai tahap negeri maju kerana bila kita tengok dan bila kita jalan di atas jalan raya kita umpama kita berjalan 20 tahun lepas. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Kuang. Seterusnya saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menjelaskan apa-apa perkara yang telah dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat. Dipersilakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Timbalan Speaker. Alhamdulillah saya ucapkan terima kepada Yang Berhormat semua. Ada 4 Yang Berhormat yang menyentuh dalam bidang Vot yang berkaitan dengan urusan saya. Terutamanya saya ingin betulkan daripada Bukit Malawati Kod Objek yang di refer sepatutnya 02004 bukannya PK 20002 iaitu berkaitan Malawati telah membangkitkan tentang arahan bercadang untuk adakan peruntukan khas untuk program keselamatan kampung. Ingin saya ingin nyatakan di sini bahawa kelulusan telah pun diberi semasa program ini dinamakan program Ikatan Desa iaitu telah pun diberi kelulusan untuk semua, pertama diadakan kursus semua anggota yang terlibat 10 orang setiap kampung dan keduanya diberikan peralatan untuk anggota-anggota Ikatan Desa ini. Iaitu telah pun bermula diberi kepada Januari 2018 hingga 14 Mac yang lalu yang mana peralatan-peralatan yang telah diserahkan berbentuk topi, baju, vest pantul cahaya, lampu suluh *walkie talkie*, *con traffic*, lampu *batton*, papan notis, radio *ripitor* dan *first aid kid*. Bila berlakunya perubahan kerajaan ataupun PRU ke14, berlakunya perubahan Ketua-ketua Kampung maka ada sebahagian daripada Ketua-Ketua Kampung ataupun peralatan tersebut kemungkinan telah pun tidak ditiadakan ataupun telah pun hilang sedangkan semua peralatan yang saya namakan tadi adalah peralatan yang wajib diserahkan semua kepada pihak bertanggungjawab pada ketika ini. Jadi peralatan itu tetapi sekarang ini pihak pejabat daerah telah pun ada inventori ya kampung-kampung tiada itu kita akan, kita kan pastikan supaya tanggungjawab kepada yang Ketua Kampung yang lepas perlu juga diambil kira. Dan sebenarnya kos yang diletakkan di situ adalah sebanyak tiga juta enam

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

ratus tujuh puluh sembilan ringgit seratus lima puluh dua sen minta maaf tiga juta enam ratus tujuh puluh sembilan puluh ribu seratus lima puluh dua ringgit iaitu berkaitan dengan kursus dan peralatan tetapi upah kepada mereka yang 10 orang setiap sukarelawan setiap kampung itu tidak diberikan ketika itu.

Jadi sebenarnya kita buat masa ini insurans yang dicadangkan hanya kepada Ketua-Ketua Komuniti Kampung, Ketua Kampung tetapi tidak kepada mereka yang secara sukarelawan. Walau bagaimanapun kita telah berbincang, bercadang untuk berbincang dengan pihak SOCSO, supaya kalau boleh mereka ini boleh dalam secara orang kata secara sukarelawan ataupun secara persendirian memohon supaya insurans kelompok boleh dimohon oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dan ingin saya maklumkan di sini, program ini sekarang telah pun dinamakan semua dengan program Nadi Desa, Sihat dan Sejahtera yang mana kursus akan dimulakan pada bulan ini, iaitu 40 kampung yang terpilih akan dipanggil semula untuk memastikan isu-isu berkaitan dengan keselamatan kampung akan ditekankan semula supaya isu-isu keselamatan bukan sahaja awalan untuk bencana dan sebagainya dapat mereka tangani pada awalnya. Itu untuk Malawati. Untuk PK untuk Gombak Setia, tak ada. Saya jawab untuk gerai PLB dulu, Meru dulu sebab Meru ada di dalam Dewan. Untuk makluman Meru PK 02006 tentang isu yang dibangkitkan iaitu Meru mengatakan 1 juta itu tidak mencukupi. Sebenarnya memang kita lihat satu juta yang diletakkan ini adalah selepas...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batu Tiga mungkin boleh sambung.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Sambung Meru, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila duduk dahulu. Ahli-Ahli Yang berhormat sekalian. Masa telah pun menunjukkan jam satu tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 TENGAH HARI)**

**DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bismillahhirohmennirrahim. Assalamualaikum w.b.t. serta selamat petang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang semula untuk dan sesi penggulungan oleh Pihak Kerajaan. Dipersilakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Timbalan Speaker. Bagi menyambung semula jawapan saya kepada Yang Berhormat Meru yang telah membangkitkan mengenai peruntukan PK02006 iaitu naik taraf jalan luar bandar yang berjumlah RM1juta itu yang dimaklumkan ianya tidak mencukupi. Sebenarnya biarkan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

saya, izinkan saya menyatakan sedikit proses bagaimana jumlah atau perkara ini dapat difahami oleh semua Yang Berhormat. Pertamanya, selalu yang saya sebutkan dalam Dewan bila mana 371 MPKK Kampung Tradisi ini telah diwajibkan untuk melengkapkan sistem maklumat kampung yang kita telah sering kali mengingatkan kepada semua. Jadi profil kampung ini telah pun diangkat ataupun telah dilihat sebagai informasi terpenting yang akan diambil maklum oleh semua pihak-pihak yang berkenaan. Daripada sistem ini ianya akan dipecahkan kepada peruntukan-peruntukan itu kepada beberapa agensi yang akan mengambil pengetahuan dan akan mengambil tindakan seterusnya. Pertamanya ia akan disalurkan kepada pembangunan luar bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Perkara-perkara yang kita kata bersangkutan yang luar daripada bidang Kerajaan Negeri tetapi di bawah di dalam bidang Kementerian Luar Bandar ianya perlu diambil. Yang keduanya juga kita akan berhubung, pihak kerajaan akan berhubung dengan bajet parlimen di bawah bajet parlimen iaitu di bawah bajet program mesra rakyat yang ada kita salurkan di mana-mana seboleh mungkin program mesra rakyat yang diketuai oleh ICU itu akan diambil sedikit sejumlah permohonan yang ada itu ke situ. Yang ketiganya ia akan diperuntukkan di bawah peruntukan MARRIS. Terutama pada jalan-jalan yang akan dikendalikan oleh sama ada Jabatan Kerja Raya, JPS ataupun PBT. Selebihnya, ya selebihnya bajet RM1 juta ini akan dikendalikan oleh AP iaitu bahagian agihan yang mana Seksyen Agihan yang akan disalurkan kepada Pejabat Daerah. Bagaimana ianya di apakah ataupun di manakah yang RM1juta ini akan dibelanjakan? Maknanya setelah kita agihkan semua agensi yang berkaitan dan kita kerajaan Selangor menetapkan RM1juta ini adalah berdasarkan kemungkinan ada permohonan baru. Jadi RM1juta ini untuk sekarang ini belum ada *list* sebab mulai tahun 2020 semua Yang Berhormat yang rasa ada lagi jalan-jalan yang belum ataupun perlu dinaiktarafkan jalan ataupun apa juga pembangunan luar bandar terutama jalanlah ya. Ia akan dipilih, akan dibuatkan permohonan diminta permohonan daripada Pejabat Daerah untuk menamakan. Jadi kebiasaannya ia akan diperolehi pada awal tahun iaitu Januari atau Februari 2020. Daripada situlah nanti agihan RM1juta itu akan dibuat. Jadi itu soalan, jawapan yang saya beri. Jadi kesimpulannya kita STANDCO Pembangunan Luar Bandar menyelaraskan semua permohonan-permohonan yang masuk, kita masukkan dalam satu sistem dan kita agihkan balik kepada agensi-agensi berkenaan. Akhirnya RM1juta peruntukan negeri yang kita apungkan itu perlu dimohon oleh semua Pejabat Daerah mungkin daripada pandangan-pandangan daripada pihak Yang Berhormat. Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR :** Mohon pencerahan sedikit ya. Untuk tahun ini bajet itu ada berlebihan ke x? Kalau ada lebihan adakah ia akan dibawa *carry forward* pada tahun hadapan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Yang kita bicarakan adalah RM1juta bajet tahun 2020 jadi maksudnya mulai tahun hadapan ianya akan mengumpulkan permintaan yang belum dibuat lagi pada tahun 2019. Ya, maknanya selepas kita agih kepada semua agensi baik KPLB, program mesra rakyat, JKR bawah MARRIS, bawah JPS dan bawah PBT maka kita apungkan RM1juta ini jika ada tambahan daripada pihak-pihak Yang Berhormat yang ingin memohon lagi yang tidak ada di dalam senarai yang telah dikemukakan oleh agensi yang sedia ada. Jadi mulai Januari, selalunya Januari, Februari kita akan masukkan permohonan-permohonan baru tetapi kena ingat kita punya kuantum ataupun syiling yang kita bagi hanya RM1juta. Jadi itu proses yang sebenarnya berlaku dan saya mengharapkan ianya jelas kepada Yang Berhormat agar semuanya tidak menganggap hanya RM1juta sahaja peruntukan untuk naik taraf tetapi ianya telah pun

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

diagihkan ke agensi-agensi yang sedia ada. Yang RM1juta ini kalau tanya saya ada *list*, belum ada lagi sebab tahun 2020 bermula Januari baru kita mula dapatkan senarai-senarai tambahan kalau ada. Kalau ada ya. Jadi itu habis daripada Meru, Gombak Setia dah masuk, Alhamdulillah. Jadi soalan yang ditimbulkan ataupun perbekalan yang ditimbulkan oleh Gombak Setia adalah berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan gerai PLB atau Gerai Pembangunan Luar Bandar. Sekarang ini ingin saya mengatakan di sini isu yang dibangkitkan di seluruh negeri Selangor memang kita lihat selain daripada isu-isu jalan raya dan sebagainya gerai PLB juga merupakan satu perkara yang menjadi masalah kepada kita. Tetapi saya masih ingat saya sendiri pernah tanya soalan yang sama pada 2016 dan sehingga kini mungkin perkara ini belum dapat dibaiki dengan lebih baik. Tetapi di sini jawapan saya, untuk makluman Gombak Setia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua gerai-gerai PLB dahulunya dibina dan diselia oleh Pejabat Daerah dan Tanah tujuannya untuk membina gerai PLB ini untuk membantu peniaga-peniaga mikro dan kecil tetapi sekarang ini disebabkan kekangan pegawai dan peruntukkan penyelenggaraan maka pengurusan semua gerai PLB telah pun diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Maknanya mana-mana gerai PLB sekarang ini telah pun diserahkan pada Pihak Berkuasa Tempatan untuk diuruskan baik pelesenannya, baik-baik urusan-urusan berkaitan. Saya mengambil maklum mengenai isu-isu infrastruktur yang dibangkitkan oleh Gombak Setia tetapi setelah sebenarnya sebelum dibangkitkan awal tahun ini telah pun saya mohon sebenarnya apakah, berapa banyakkah gerai-gerai PLB yang dalam keadaan uzur, yang belum dibaiki dan sebagainya. Dan di tangan saya sebenarnya ada lengkap senarai tersebut dan kita lihat di sini insya-Allah kita, saya rasa sepatutnya perkara ini bila telah diserahkan pada PBT maksudnya PBTlah yang bertanggungjawab selepas itu. Sebab dasar ini telah pun ada. Jadi semua gerai PLB tidak lagi diuruskan bawah PLB tetapi ianya telah diserahkan kepada PBT. Jadi berdasarkan pada maklum balas yang kita dapat awal daripada PBT semua. PBT telah pun ada rancangan. Ada PBT ada rancangan, ada setengah-setengah Pihak Berkuasa Tempatan tidak ada rancangan lagi bagaimana untuk menyelenggara dan juga membaiki keadaan fizikal gerai-gerai PLB yang sedia ada. Jadi untuk itu kesimpulan yang boleh saya boleh sebutkan di sini kita mengharapkan makna bawah STANDCO saya sebab nama tu yang menyebabkan masih dikaitkan dengan PLB lagi dengan STANDCO saya. Jadi rumusannya saya mengatakan di sini setelah kajian yang saya lihat ini semua PBT yang ada gerai PLB kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Maknanya semua telah pun ditukar nama tidak lagi dikenali sebagai PLB dia namakan gerai PBT. Jadi kita juga sebenarnya lihat di antara perkara yang boleh kita perbaiki adalah untuk semua itu diserahkan semula ditukar nama tidak lagi diletak dikenali sebagai PLB tetapi dinamakan gerai-gerai Majlis. Dan akhirnya daripada maklum balas yang ada pastinya ia menuntut kekangan bajet ataupun peruntukkan, jadi dari sini saya serahkan dari pihak PBT lah untuk menyusun supaya dalam masa terdekat ini menjadi, tidak lagi menjadi masalah tetapi insya-Allah selagi ianya tidak dapat, tidak diserahkan ataupun tidak diadakan perancangan yang lebih baik insya-Allah saya akan mengambil tanggungjawab untuk memastikan segala proses itu berjalan dengan lancar. Itu berkaitan dengan gerai PLB dan akhirnya Gombak Setia merancang untuk menaikkan meningkatkan limitasi Hijrah ya pinjaman Hijrah. Biarlah ianya menjadi melebih RM50 ribu. Saya ingin nyatakan di sini buat masa ini kerajaan tidak bercadang ya untuk menaikkan pinjaman yang kita kata boleh dipinjam daripada RM1,000 hingga ke RM50,000 tu kerana kita lihat Alhamdulillah ya Hijrah Selangor dengan usaha sama dengan Invest Selangor telah pun membuat program proaktif, langkah proaktif iaitu kita telah memastikan yang kita panggil graduan-graduan Hijrah. Iaitu selepas RM50,000 mereka nak lagi meningkatkan produktiviti *business* mereka ataupun perniagaan mereka, mereka nak pinjam mungkin melebihi daripada RM50,000 itu kita gelar mereka sebagai

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Graduan Hijrah. Apa yang dibuat adalah kita telah pun memulakan perbincangan dan telah pun ada graduan sebanyak 120 graduan yang telah pun semasa Selangor Internasional Business Summit yang dibuat bawah Invest Selangor kita telah pun *engagekan* ataupun bekerjasama dengan IBIM iaitu Persatuan Institusi Perbankan Islam IBIM yang telah kita mulakan Disember 2018 untuk mendapatkan modal ataupun modal pinjaman yang sedia ada. Bukan itu sahaja pihak Hijrah juga ada inisiatif untuk mengambil 110 ini kepada engagement kepada SME Corp kepada bank-bank pembangunan dan bank-bank yang lebih besar. Ya supaya selepas itu mereka, kita panggil tanpa limitlah tanpa limit lah mereka boleh pinjam dan boleh terus melonjakkan perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan yang paling, bukan itu sahaja malah bawah Hijrah dan juga bawah STANDCO usahawan kita membantu mereka untuk juga mendapat program kalau katalah perniagaan mereka ini baik dan boleh membuat francais kira mereka telah pun digabungkan dengan Permodalan Nasional untuk mereka mendapat program francais. Ya maknanya mereka kita *patternkan business* mereka dan akhirnya mereka boleh membuka rangkaian perniagaan yang lebih besar. Jadi itu sahaja Tuan Timbalan Speaker untuk jawapan kepada Gombak Setia. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Batu Tiga. Seterusnya daripada Pihak Kerajaan, saya jemput Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ucap juga tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan perbincangan dan perbahasan berhubung dengan perbelanjaan pembangunan. Dan saya akan cuba secara sebanyak yang mungkin berhubung dengan pertanyaan-pertanyaan yang timbul yang melibatkan Jabatan Kerja Raya dan, JPS Jabatan Pengairan Saliran dan ada satu pertanyaan berhubung dengan Jabatan Pertanian eh bukan, ya bawah jabatan pertanian ya. Berhubung dengan soalan berhubung dengan jalan sebagaimana yang telah saya sebut dalam penggulungan saya tempoh hari. Bahawa Kerajaan memandang berat mengenai kualiti jalan di negeri Selangor dan bagaimana usaha-usaha penyelenggaraan yang kita buat dan saya telah membentangkan teknologi-teknologi terkini yang kita telah pun ada dan yang akan kita laksanakan termasuk juga pengurusan berhubung dengan penggunaan pengurusan *porthole* kita atau pun lubang jalan. Itu pun kita telah mempunyai kaedah-kaedah tertentu yang akan kita laksanakan. Cuma saya sebut sini dengan kekangan kewangan kita walaupun saya tahu ramai yang memohon jumlah yang banyak kos untuk pembinaan jalan atau infra ini bukanlah murah ia sangat tinggi tambah pula kita menghadapi masalah dari segi utiliti ini. Saya dah sebut berkali-kali utiliti sebab kita tidak diuruskan dengan lebih awal daripada puluhan tahun ini jadi dah bersiliarat di bawah sana dengan kabel, dengan paip air, dengan tambah dengan gas lagi, dengan paip gas lagi menyebabkan apabila ada usaha-usaha pembangunan penaiktarafan pelebaran jalan atau pun juga tebatan banjir kita akan melibatkan kos yang tinggi untuk buat pengalihan ini merupakan suatu perkara yang kita tidak dapat elakkan. Bukan sahaja kita kehilangan dari segi duit, dana sebab apa kadang-kadang boleh kata bukan kadang-kadang lah hampir semua kos ini hampir kos untuk mengalih utiliti ini sama banyak dengan kos nak buat pembinaan jalan itu. Hampir begitu! Ataupun 2/3 ataupun separuh begitu yang berlaku dan benda ni takkan kita dapat selesaikan dalam masa yang singkat dalam masa yang dekat tapi kita kena ada perancangan dan kita telah pun mulakan perancangan untuk mewujudkan apa yang dipanggil utiliti koridor. Koridor utiliti di mana utiliti disediakan koridor lebih awal dan tidak akan melibatkan pelebaran jalan juga tidak akan mengganggu paip atau pun sama ada paip ataupun kabel yang akan ditanam di situ.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Ini telah pun dimulakan di negeri Pahang dan Johor telah pun menyediakan perkara ini dan Selangor akan mengikuti tidak lama lagi. Dan dia sesuai di kawasan yang dipanggil *green field*. *Green field* ini adalah kawasan yang masih baru tetapi kawasan yang *brown field* yang dah ada sedia ada kita akan mengkaji bagaimana pelaksanaan yang nak dibuat. Sebab apa dia melibatkan kawasan yang dah *didevelop* yang dah dibangunkan jadi tentunya agak sukar.

Walau bagaimanapun, kita akan mencari jalan sama ada penggunaan *tunnel* ataupun *utility tunnel* ataupun *common trenching* dan sebagainya yang kita perlu laksanakan. Dan juga termasuk juga yang saya dah sebut baru-baru ini ialah pelaksanaan *utility mapping* ataupun pemetaan utiliti. Di mana telah pun dilaksanakan di banyak negara. Mana-mana kerja yang nak dibuat di kawasan itu perlu mendapatkan dulu *utility mapping* yang mendetaikan (memperincikan) segala struktur utiliti yang ada di situ termasuklah kabel dan sebagainya sebelum dia masuk membuat melakukan kerja. Kerana kita dapat kebanyakan kerosakan pada jalan, pada paip air adalah disebabkan oleh pihak ketiga. Pihak ketiga ini dia buat kerja dia main tebuk saja, dia main korek saja. Dan saya dapat (pengalaman ahli majlis dulu pun 10 tahun), dia datang. Kita baru turap jalan sebagaimana yang disebut oleh Y.B. Gombak Setia, kita siap turap, dia *weekend* tu dia tau kita cuti dia pun datang main korek. Kontraktor-kontraktor pihak utiliti ini. Ini yang berlaku dan bila ditampal substandard. Dia tampal, dia sepatutnya bila tampal sementara itu tiga minggu lepas itu dia kena datang untuk buat yang kekal. Tapi dia tak pernah datang. Jadi menyebabkan berlakunya mendapan dan menyebabkan kemalangan dan kerosakan pada kenderaan.

Kerana kalau ikut standard ataupun piawaian ditetapkan oleh pihak PBT juga JKR, apabila berlaku kerja-kerja utiliti ini (pengorekan), dia perlu menampal di sepenuh jalan itu sebenarnya. Bukan di *patch* yang situ saja. bukan tempat itu saja. dia kena *the whole stretch* jalan itu dia kena turap. Tapi tidak berlaku dan itu yang dulu saya pernah cadangkan di Subang Jaya supaya deposit kepada utiliti ini dikenakan cara bentuk *cash* (tunai). Kalau bon (pakai bon), sukar untuk cairkan. Jadi pakai *cash*. Kalau dia lambat, tak buat kerja sekian bulan, kita gunakan tunai itu untuk buat yang terbaik bagi jalan. Ini yang berlaku. Saya melihat perkara ini, kita laksanakan juga secara menyeluruh untuk negeri Selangor. Bukan kita nak hukum pada pihak utiliti, tapi kita nak supaya semua bertanggungjawab bersama-sama memberikan kerjasama untuk memastikan kualiti jalan kita terus berada dalam keadaan baik.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Yang Berhormat Exco.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Gombak Setia, silakan.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Sebab itu semalam dalam perbahasaan saya itu, saya bangkitkan bagaimana soal untuk kita lakukan satu koordinasi di antara agensi-agensi sebagaimana Y.B. Exco sebutkan tadi ada setengah agensi yang semberono saja korek semula dan kalau korek itu tak apa lagi sebab dia hanya di satu tempat. Yang lebih malang kalau di bahagian ataupun contoh yang saya beri semalam di hadapan Masjid Al-Khairiah Taman Sri Gombak itu, dia potong jalan itu beberapa ratus meter. Jadi itu merupakan suatu perkara yang bagi saya amat serius kerana ia menyebabkan perbelanjaan kita itu akhirnya berlakunya pembaziran. Sebab kita terpaksa melakukan penurapan itu beberapa kali dan ini yang saya kira penting untuk kita lihat dan saya kira dalam hal ini tak boleh lagi untuk ada yang agensi yang suka-suka untuk korek

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

pada waktu yang bila-bila masa yang mereka suka sama ada waktu hujung minggu, waktu orang tak nampak, waktu malam dan sebagainya tak boleh.

Dan sebab itu saya kata bagaimana melalui usaha Smart Selangor ini juga, kita dapat pastikan koordinasi ini boleh berjalan tanpa birokrasi yang besar dan yang tinggi dan juga saya paling tidak (paling-paling mudah) pun kita boleh laksanakan koordinasi secara konvensional mungkin sebelum penurapan satu-satu jalan itu diadakan satu mesyuarat koordinasi di antara sama ada JKR ataupun kontraktor, pejabat tanah ataupun PBT bersama-sama dengan semua agensi-agensi yang terlibat sama ada SYABAS, sama ada TNB dan sebagainya untuk memastikan hal ini tidak lagi berlaku di negeri Selangor. Sebab rakyat di negeri Selangor hari ini cukup cerdik, cerdas dan mereka tahu bahawa kerajaan tidak mampu mengkoordinasikan hal ini sehingga akhirnya berlaku pembaziran dalam perbelanjaan wang kerajaan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ok Y.B. Gombak Setia. Kita nampaknya mempunyai *wave length* yang sama, pemikiran yang sama yang saya yakin dikongsi bersama oleh Yang Amat Berhormat yang ada (semua yang ada dalam Dewan ini) dan saya akan pastikan untuk ke depan ini lebih koordinasi yang lebih baik dari segi pelaksanaan bukan saja dari segi penglibatan utiliti dalam kerja-kerja korekan dan sebagainya, juga melibatkan pengurusan *port hole* yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat juga semalam, pagi semalam ya.

Tentang persoalan yang ditimbulkan, saya merujuk kepada Y.B. Kota Damansara tentang Kod 04107 isu berkaitan dengan Jalan Bukit Badak ini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat. Ada sini? Oh tak ada ya. Tak ada tak apalah. Kita teruskan.

Untuk Dusun Tua, saya (ada Dusun Tua?). Dusun Tua ada ok. Saya *take note* lah (ambil perhatian) tentang isu Dato' Siti Nurhaliza berbasikal di laluan basikal di Jalan Sungai Lui. Walaupun saya rasa belum berita itu masih khabar-khabar angin, belum ada tapi disebabkan baru khabar-khabar angin maka projek ini digugurkan.

**(Dewan ketawa)**

Kerana kurang keutamaan bagi projek ini dan kita perlukan untuk yang projek lain. Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji. Bukan kerana Dato' Siti Nurhaliza berbasikal di situ, tapi kita akan tengok balik kembali bagaimana keperluan untuk laluan basikal di situ ya.

Tentang Banting. Soalan daripada Banting (03402) tentang Sungai Kelambu ini (Jalan Sungai Kelambu, Genting Sanyen). Peruntukan RM500,000. Kalau peruntukan itu kecil, dia sama ada dah habis projek itu ataupun dia baru nak mula. Itu kita kena faham begitu ya. Jadi mana RM500,000 di situ walaupun projeknya besar RM120juta (kalau tak silap saya) adalah merupakan digunakan untuk reka bentuk dan pelan pengambilan. Projek ini yang agak terlewat sedikit kerana dia melibatkan pengambilan tanah di kawasan rizab hutan. Ini ada sekitar ada seluas 44.5ekar melibatkan hutan di kawasan berkenaan yang kita perlu selesai proses penggantian tanah ini. Jadi dia mengambil sedikit masa. Banting tak ada ya? Tak ada. Tak payahlah ingat. Dan untuk yang sama juga yang

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Berkaitan dengan isu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Penjelasan? Silakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Jalan pintasan Sungai Kelambu ini. Kita sedia maklum sebenarnya bajet untuk projek ini pada untuk bajet tahun ini 2019. Jadi sepatutnya saya nak tanya adakah bajet itu masih disimpan, akan di *carry forward* untuk tahun hadapan untuk kita laksanakan projek ini?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Kita letakkan RM500,000 untuk tahun hadapan kerana kita berpandangan projek ini tidak akan bermula dengan isu yang ada ini. Jadi kita peruntukan untuk menyelesaikan reka bentuk dulu dan untuk siling itu dah ada projek ini. Dah lulus, dah ada silingnya RM120juta kalau ikut dalam buku ini (buku bajet ini). Tetapi untuk tahun depan kita peruntukan RM500,000 untuk selesaikan isu-isu berkaitan dengan *design* atau reka bentuk dan juga isu-isu tanah yang di kawasan berkenaan.

Tentang 4402. Walau bagaimanapun projek ini tidak digugurkanlah ya. 4402 ini ialah berkaitan dengan laluan alternatif Klang yang itu daripada FT005 ini. Sama juga RM500,000 melibatkan reka bentuk dan juga projek ini akan melibatkan menaik taraf jalan dua lorong sepanjang 8 hingga 11 kilometer. Ini yang 4402 yang ditimbulkan laluan alternatif Klang itu.

Dan untuk lampu jalan, lampu isyarat yang begitu panas di bincang yang semua daerah menerima RM500,000 untuk lampu jalan, lampu isyarat dan juga 4406 ataupun dari satu adalah aspek keselamatan jalan lagi RM500,000. Makna setiap daerah ini memang kita peruntukan RM100,000 untuk kerja-kerja baru ya. Kerja-kerja baru, bukan kerja-kerja senggaraan ya. Ini kerja-kerja baru melibatkan lampu-lampu jalan dan juga lampu isyarat. Jadi ini saya tak perlu ulang. Nanti bila sampai ke Jeram nanti. Jadi saya sebut

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Kalau macam itu, saya tanya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Biar saya habis dulu. Biar saya habis dulu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ha? Habis dulu?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Belum habis terang lagi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Nanti lupa.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ini melibatkan jalan-jalan (lampu-lampu jalan dan lampu isyarat) yang baru. Untuk senggaraan, dia berasingan ya. Dan untuk kita kena faham bahawa peruntukan yang di bentang dalam belanjawan ini ataupun dalam perbelanjaan pembangunan ini tidak melibatkan senggaraan jalan sebab senggaraan jalan adalah di bawah peruntukan MARRIS. Peruntukan MARRIS tidak disediakan dalam buku

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

ini ya. Kita mempunyai untuk tahun hadapan RM500juta untuk diagihkan bagi penyelenggaraan jalan-jalan termasuk juga perabot-perabot jalan dan juga lampu-lampu jalan dan lampu isyarat yang tertakluk di bawah penyelenggaraan. Jadi kita mempunyai dua sumber sebenarnya. Bukan sahaja ini, tetapi juga melalui MARRIS dan juga MARRIS kita kena faham bahawa kerajaan persekutuan telah pun membuat kenyataan bahawa ini membenarkan mulai tahun hadapan duit MARRIS boleh digunakan untuk kerja-kerja penaiktarafan sebanyak 15%. Saya ingat 15% tapi saya dengar lepas itu dia naikkan ke 20% tapi kita akan semak sama ada 15% atau 20% dengan minimum RM15juta atau 15% yang mana lebih rendah. Kalau dia kata 15% sahaja, senanglah kita, banyaklah kita. Tapi dia sebut 15% atau RM15juta yang mana rendah. Ini boleh digunakan untuk julung kalinya untuk jalan-jalan yang nak dinaiktaraf termasuk juga

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** longkang jalan dan juga perabot-perabot jalan yang berkaitan dengan jalan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ini akan kita gunakan. Sabar dulu. Tak habis lagi. Sabar. Bagi habis bahagian ini dulu. Jadi ini atau perkara-perkara yang akan digunakan untuk membantu kita dalam melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan dan perlu kita ingat tak semua kita dapat buat dalam masa serentak segera semua. Sebab saya sebut kekangan kewangan kita. Kalau kita nak letakkan semua benda dibuat segera, memang tak akan ada kemampuan kewangan untuk melaksanakan. Kita jadi pilih keutamaan dan lagi satu kita kena faham lampu jalan ini bukan semuanya bawah JKR. Jangan kita beranggapan semua lampu jalan JKR punya. Ada yang bawah TNB, ada yang di bawah PBT. Jadi kita kena lihat dengan kesesuaian di mana yang kita nak buat. Tapi kita bagi komitmen untuk membantu meningkatkan pencahayaan bagi jalan-jalan sebab JKR ni sebenarnya dia bukan minta RM500,000. JKR minta RM2juta. RM2juta permohonan JKR bermakna, RM2juta untuk jalan itu bagi setiap daerah tapi hanya diluluskan RM500,000. Jadi, itu yang kekangan yang kita hadapi. Sila Jeram tadi.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Mohon pencerahan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Nanti dulu. Saya dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita persilakan Jeram dulu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan setiap daerah dapat RM500,000 hanya untuk lampu dan juga *traffic light*. Jadi yang baru ya. Saya nak tanyalah Yang Berhormat sebab kalau dikatakan RM500,000 itu satu jumlah yang kecil sebab apa kalau Majlis Daerah Kuala Selangor ada 5 DUN. 5 DUN ni kalau RM500,000 tu macam saya kirakan tadi tu berapa lampu baru yang boleh buat? Dan berapa *traffic light* yang boleh dibuat?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalannya Jeram?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ok. Yang keduanya saya nak tanya juga. Ini bukan soalan Yang Berhormat. Ini bukan soalan tambahan ya. Kalau lah MARRIS itu,

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

MARRIS itu saya dimaklumkan untuk jalan sahaja. MARRIS tak boleh buat lampu jalan. Saya faham. Sebab bila saya tanya pada Jurutera Daerah katanya MARRIS ini untuk jalan sahaja, tak ada untuk lampu jalan. Jadi kat mana peruntukan yang RM500,000 itu mencukupi?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Yang Berhormat kena jumpa sayalah. Nanti kita bagi secara *detail*. Sebenarnya salah tu. Salah. Sebenarnya di bawah MARRIS penyelenggaraan jalan semua jenis yang berkait jalan boleh diselenggarakan menggunakan peruntukan MARRIS termasuk longkang, termasuk perabot-perabot jalan, lampu dan isyarat yang berkait dengan penyelenggaraan jalan dan juga kita kena faham lampu isyarat ini bukan saja dibina semata-mata atas projek itu sendiri. Dia kebanyakannya projek ini berkait dengan jalan (dalam kontrak itu termasuk). Jadi jangan kita anggap bahawa *traffic light* ini lampu jalan ini hanya berdiri sendiri satu projek. Bukan! Ini adalah merupakan projek yang *one off* yang perlu kita buat. Kalau dia berkait dengan jalan baru penaiktarafan, lampu jalan pun akan dinaiktaraf sekali bersama dengan projek jalan itu sendiri. Itu kita kena faham. Ini kontrak yang RM500,000 ini hanya *one off* punya keperluan. Katakan ada lampu satu dua biji di simpang (yang jalan dah lama), ha itu kita boleh. Tapi kalau jalan lampu dah ada, dia rosak *maintenance*, itu boleh pakai MARRIS punya. Bawah penyelenggaraan jalan. Ini kita kena faham ya. Jadi kita kena jelas dari segi peruntukan mana kita nak guna untuk kegunaan perabot-perabot jalan dan juga penggunaan untuk *facility* lampu dan sebagainya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Y.B. Puan Timbalan Speaker. Terima kasih atas penerangan yang diberikan oleh Y.B. EXCO Pandan Indah. Berkenaan dengan lampu-lampu jalan ini, kita kena terima hakikat Yang Berhormat sebabnya memang lampu-lampu yang bermasalah sekarang ini memang kebanyakannya adalah lampu-lampu JKR. Dan adakah sebab kalau lampu TNB, saya memang kalau boleh saya nak mengharapkan sangat tiang-tiang TNB ini digunakan sebagai lampu jalan sebab kalau kita tengok jalan ke Sabak Bernam yang menggunakan tiang-tiang batu TNB ini, lampunya takkan padam sebab tak ada orang nak pergi mencuri wayar itu, tak berani orang nak pegang tiang batu. Tetapi kalau tiang-tiang JKR ni memang selalu kena dengan vandalisme.

Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk tiang-tiang lampu JKR ni bukan hanya bila dah rosak baru nak buat inovasi, ada tak Kerajaan Negeri ataupun JKR Selangor daripada awal lagi untuk membuat lampu-lampu baru ni menggunakan inovasi yang terkini? Biarlah tak cantik, biarlah wayar nampak terjuntai, tak perlulah nak tanam dekat dalam tanah, tetapi akhirnya bila lampu tu rosak pada masa akan datang tetap juga dibiarakan wayar dipasang dekat atas, tak pasang kat bawah juga. Sebab selalu berlaku kecurian. Adakah pihak kerajaan negeri nak menukar dasar lampu-lampu baru pun kita terus saja buat inovasi supaya tidak ada kesan vandalisme?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya rasa. Terima kasih Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang dah tahu, saya dah jawab hari itu tentang isu lampu ini. Saya dah sebut dalam penggulungan itu, saya dah sebut lampu-lampu ini kita akan kecurian kabel ini sebenarnya saya pun daripada Tenaga Nasional dulu. Kita sama juga masalah kecurian kabel ni. Dia pencuri ini dia akan pilih TNB punyakah JKR punya. Dia pilih. Dia tak kira

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

yang mana yang dia boleh ambil, dia ambil. Jadi sebab itu antara inovasi saya dah sebut dalam penggulungan baru-baru ini ialah kita akan tukar (mula menukar) kabel-kabel daripada kabel Couper cable kepada aluminium punya kabel yang dia lebih murah berbanding dengan Couper cable ini. Ini memang sambutan sebab harga dia mahal. Dan juga penggunaan solar. Lampu-lampu solar yang tidak ada kabellah menggunakan solar. Itu pun kita akan mula perkenalkan. Tapi kos dia makan masa benda ini ya berperingkat-peringkat dan juga dia punya *service door* pada tiang itu kita naikkan tinggi supaya dia tidak mudah untuk membuka dan mengambil kabel dan sebagainya. Itu antara inovasi yang akan diperkenal. Saya dah sebut itu dalam penggulungan itu ya.

Seterusnya juga inovasi ini tidak terhad dengan 4406 yang disebutkan berhubung dengan keselamatan jalan. Saya faham memang ada aduan daripada Sungai Panjang tadi menyebut mengenai masalah di FT005 ya. 05 ya? Ya, 5 daripada Tanjung Karang ke Sabak Bernam yang itu di bawah JKR Malaysia. Walau bagaimanapun melibatkan keselamatan penduduk di Negeri Selangor dan saya dah bangkitkan banyak kali perkara ini dalam Majlis Tindakan Negeri supaya mengambil tindakan yang sesuai, yang sewajarnya kepada kontraktor yang berkaitan kerana gagal untuk menyediakan segala kemudahan ataupun dari segi amaran untuk keselamatan pengguna jalan raya. Ini telah saya bangkitkan banyak kali dan tapi kita di luar kawalan kita. Pihak JKR negeri pun tak tahu apa yang dia buat di situ. Jadi penggunaan *blinkers* dan sebagainya pun dah ada teknologi-teknologi baru yang boleh digunakan, lebih murah, lebih tahan yang akan kita perkenalkan untuk kegunaan jalan kita. Malah kegunaan *speed breaker* yang kuning itu, cat kuning tebal itu pun dah mula dipersoalkan kerana dia berbahaya kepada motosikal kerana licin. Ini pun merupakan inovasi yang kita terpaksa lihat secara teliti untuk memastikan kos yang lebih sesuai dalam masa yang sama keselamatan para pengguna.

Untuk Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang ada bertanya banyak perkara ya. Tapi yang sebahagiannya saya dah jawab ya. Ok. Tentang Telok Gong itu pun telah kita sebut di sini bahawa naik taraf Telok Gong 04306. Terdapat sedikit kekangan dari segi kos ya. Jadi apabila dibuat reka bentuk dan dibuat *costing* ataupun BQ nya, didapati bahawa kosnya telah sekali ganda daripada yang kita telah minta silingnya. Itu kalau pada kos keseluruhannya ialah RM50juta anggarannya tapi didapati kos meningkat sehingga RM102juta. Jadi menyebabkan kembali ke dilihat semula dari segi bagaimana kita buat reka bentuk yang boleh mengurangkan kos ini. Sebab itu pihak JKR telah mula melihat balik reka bentuknya dari segi jajaran dan sebagainya untuk memastikan kita dapat. Jadi ada kelewatan sikit di situ dan kalau keperluan ada bagi pihak Yang Berhormat, pihak JKR tidak ada masalah untuk membentangkan sekali lagi ke Jawatankuasa Tindakan Daerah akan datang untuk menjelaskan bagaimana pelaksanaan projek ini.

Untuk Pandamaran, Jalan Pandamaran-Banting melalui FT3218. Berdasarkan kepada semakan khusus di Jalan FT3218 ini yang dimaksudkan ini iaitu yang projek ini akan dilaksanakan oleh pihak pemaju 'Fellox Development Sdn. Bhd.'. ini telah disyaratkan kepada mereka dan yang sebahagian lagi FT181 itu ialah pembinaan itu diberi tajuk di bawah Pulau Indah Fasa II yang masih dalam pembinaan. Ini sebahagiannya terlibat di bawah itu.

Untuk penaikan taraf jalan-jalan. Saya dah sebut sini bahawa penaikan taraf jalan-jalan projek di bawah perbelanjaan pembangunan ini dia telah ada tajuknya tersendiri untuk menaik taraf jalan ini. Kalau jalan-jalan itu secara umumnya jalan-jalan yang kita belum

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

kenal pasti, kita akan buat kajian. Jika ada keperluan mendesak, kita boleh menggunakan sebagaimana saya sebut tadi MARRIS tadi untuk naik taraf dan juga untuk kita buat kajian lebih lanjut tentang pelaksanaannya jika ada keperluan itu timbul. Biasanya yang kita dah ada keperluan itu dah disenaraikan projek-projek yang akan kita laksanakan.

Untuk Seri Setia. Berhubung dengan Jalan Subang Airport Lama itu ke Subang Airport. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini adalah telah pun dibuat melaksanakan kajian lalu lintas di Jalan Subang Lama ini (Jalan Subang Airport) sehingga ke Lebuh raya Persekutuan dan kajiannya akan berakhir pada 16 November ini. Ada? Ha, ada. 16 November. Dan lepas kajian itu mengikut SOP JKR ini dia akan buat *brief project* dan anggaran kos sebelum dikemukakan kepada pihak JKR ibu pejabat. Jadi ini yang jadi makna kajian itu akan lengkap dalam seminggu lagi tu.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Boleh saya mencelah? Puan Timbalan Speaker?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Saya nak tanya Y.B. EXCO, kalau ikut apa yang Yang Berhormat katakan bahawa kajian dia akan buat dan berakhir pada 6 November (bulan November ini ya) tahun ini. Jadi 6 November bukan ke baru dah lepas kan? 6 November tahun ini betul? 16 November. Ok. Jadi bermakna selepas 16 November, dia akan keluarkan satu lagi kosnya termasuk anggaran kalau sekiranya buat jalan ini. Dan kos anggaran ini adakah masuk bajet 2020 ataupun 2021?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Dia yang saya maksudkan sini ialah kajian ni biasa dia akan tengok dari segi *flexibility* nya sama ada dari segi *traffic assessment* adakah pewajaran itu ada untuk diberi keutamaan. Jadi ada kaedah dia. Bila kita sudah pun selesai kajian itu dan mendapati memang dia diperlukan jalan ini, maka dia akan membuat satu projek kajian lebih mendetail keperluan untuk reka bentuk dan sebagainya. Itu baru dia *appoint* konsultan untuk bantu mereka menyediakan *detail*. Proses itu memakan masa juga untuk dilaksanakan. Dan kalau ikut perancangan ini makna tahun depanlah akan diadakan reka bentuk terperinci untuk pelaksanaan projek.

Yang Guthrie TTDI ini sebenarnya saya sendiri mengambil inisiatif kerana mendapati bahawa projek ini dah tertangguh sekian lama dan didapati memang keperluan itu sangat-sangat mendesak kerana *traffic light 199* itu kalau yang duduk di sebelah Shah Alam dia tahulah. *Traffic light 199* yang lama menunggu tu. Dekat TTDI dekat Stadium tu. Itu memang kalau sampai je dia 199. Ha, tungkulah. Itu memang kalau musim kalau waktu puncak kita dapat kesesakan yang keluar daripada NKVE daripada Bukit Jelutong dan juga ditambah dengan GUTHRIE punya *highway* memang menyebabkan kesesakan dan LOS nya (*labor of service*) memang E ke F di situ sehingga ke *federal highway*. Jadi ini telah pun saya sebut dan mereka telah pun melaksana kajian di jalan ini dan akan dinaiktaraf simpang ini melibatkan jajaran itu akan bermula daripada GUTHRIE *Highway* sehingga ke *Federal Highway*. Ini melibatkan kos RM201juta dan telah pun dimasukkan dibuat permohonan untuk dimasukkan dalam RMK12 di bawah projek RMK12.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Lagi berhubung dengan lubang jalan ini yang dibangkitkan, saya ingin menyentuh juga perkara ini. Elok saya sebut di sini sekali saja untuk ini melibatkan maklum balas daripada Gombak Setia dan juga Kuang yang bercerita mengenai. Kita sebenarnya di pihak peringkat MMIKN telah pun memutuskan untuk dilaksanakan pemantauan dan pelaksanaan *port hole* secara holistik di negeri Selangor yang sedang saya usahakan (saya sebut tadi ya). Dia bukan saja melibatkan aduan juga melibatkan pelaksanaan dan juga maklum balas. Kadang-kadang kita buat tapi orang tak tahu kita buat. Tak ada maklum balas berhubung dengan kemajuan atau pelaksanaan *port hole* yang telah berjaya dilaksanakan. Jadi ini semua dalam perancangan kami untuk dilaksanakan secepat mungkin. Mungkin melibatkan juga pengupgratedan sistem IIR ataupun *intelligent respond system* yang dibangunkan oleh SSQ ini untuk kita gunakan sebagai kaedahnya tetapi setakat ini dia tidak menyeluruh. Pihak PBT ada kaedah sendiri, pihak JKR ada sendiri dan sebagainya. Kita ada banyak, terlalu banyak sistem dan laporan mengenai *port hole* ini *anytime* memang banyak. Ada 45,000 begitu. *At anytime*. Banyak *port hole* ini. Jadi kita kena buat dengan teliti dan saya telah pun berbincang *first round* dulu dengan pihak PBT untuk bagaimana kita selaraskan aduan ini supaya dapat di *centralize*kan. Kalau tidak sukar untuk kita laksanakan. Dalam masa yang sama juga teknologi. Teknologi saya dah sebut dalam penggulungan. Teknologi untuk *port hole patching* ini sudah sekarang dia ada macam-macam teknologi yang sangat-sangat canggih dan sesuai. Boleh tahan lama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Sehingga ada tempat yang saya pergi melawat itu dia boleh bagi gerenti dua tahun

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah, Gombak Setia inginkan penjelasan.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Y.B. EXCO, sebab itu dalam perbahasan saya semalam yang saya minta maklum balas itu ialah soal *efficiency status* terhadap sistem ataupun pelaksanaan yang telah kita laksanakan sebelum ini sebab kita nakkan maklum balas yang tepat. Kalau Y.B. EXCO sebut tadi 46,000 aduan itu sebenarnya sedikit kalau direkodkan dalam satu sistem sebab saya yakin kalau dengan teknologi yang begitu canggih, bukan setakat 46,000 aduan kita boleh urus lebih ratusan ribu aduan sekalipun. Sebab itu penting juga koordinasi sehingga peringkat PBT supaya akhirnya kita dapat menyelesaikan masalah ini. Sebab kalau kita terus dengan sikap yang maksudnya kita akan lihat semula, teliti semula keadaan ini jadi saya kira kita takkan mampu selesaikan hal ini sehingga bila-bila. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya nak sambung sikit

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teruskan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat, saya share

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Nak sambung sikit ni.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ada lagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kuang.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Apa yang disebut oleh Gombak Setia itu ok lah. Tetapi sebenarnya isunya adalah *the quality of work*. Kualiti penurapan itu. Macam mana cara dia tutup. Saya tengok ni baru pagi tadi saya lalu. Dia naikkan, dia *top up port hole* tu lepas tu dia tinggikan satu inci setengah. Dia beranggapan bahawa kenderaan yang lalu akan memendapkan penurapan itu. Sebenarnya tak betul tu. Sebenarnya dia mesti buat mengikut keadaan yang betul-betul berkualitilah. Kenapa perlu ditinggikan? Tinggi ni yang buat semua orang naik motor melompat. Betul? Dia langgar mesti dia melompat. Bontot lagi sakit. Ha ini pun kena dikira juga kan?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Contoh depan SUK. Depan SUK.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** kualiti itu yang penting yang kita nak tekankan itu sistem ke apa ke *its not a matter* la yang sebenarnya. *The quality of work* itu yang penting. Macam mana turapan itu dibuat, kenapa kena tinggi sampai satu inci setengah daripada muka jalan yang lama. Kenapa mesti tinggi? Soalan kita tu kenapa mesti tinggi? Kenapa tidak di level/ kan sebaik-baiknya? Ini kualiti yang kita nak tahu ni.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebenarnya Yang Berhormat, dari segi dia punya idea itu betul. Memang ada mendap dia akan turun. Dia akan *settle*. Tetapi adalah tidak wajar untuk dia biarkan benda itu *settle* sendiri. Ye la, kalau ikut SOP nya dia kena buat *compaction*. Dia kena buat *compaction* ada alat mesin itu untuk *compact*kan. Tapi dia mengambil. Tapi saya tak tahulah mungkin kalau nak cerita panjang la nak cerita di sini. Tapi sebenarnya teknologi kita teknologi kita boleh pakai. Saya faham. SOP dia pun kena ikut. Ada tempat sesetengah tak boleh ada air, nak kena kering dulu. Tapi sekarang teknologi air tengah hujan dia boleh *compact*. Teknologi dah ada. Cuma kita ketinggalan. Itu saja masalahnya.

Yang kedua, kita kena faham Yang Berhormat semua dia ada satu kaedah dipanggil *cold mix*. Untuk tampalan segera kita ada *cold mix* sebab kita tak ada alat yang boleh bertahan suhu. Suhu dia kena ada dalam 40 darjah untuk bitumen tidak keras. Jadi dia nak pakai alat apa, dia tidak ada. Itu yang kita nak beli. Jadi dia boleh bertahan suhu itu, sebab bitumen itu biar sekejap sejuk. Untuk sementara dia guna *cool mix* untuk tampalan sementara masalahnya dia sementara jadi *permanent*. Itu yang jadi masalah.

Yang ketiganya ialah, saya dah beritahu banyak kali. Jalan kita ini strukturnya sudah rosak, dia dah terlalu uzur, sudah 20-30 tahun, tak boleh lagi tampal. Tampal sahaja tidak boleh, tidak boleh bertahan, kena buat penaiktarafan. Ini yang kita akan mula laksanakan dan kita telah laksanakan, tetapi berperingkat-peringkat supaya jalan yang sudah lama ini dinaiktaraf supaya kalau buat tampalan pun boleh bertahan. Tampal sahaja kalau struktur sudah rosak, tidak boleh. Dia akan sekejap sahaja rosak. Ini kita kena faham dari segi teknikalnya. Untuk Meru, saya nak sebut di sini.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, boleh celah?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Boleh ini tak... saya banyak ini. Saya kena marah sekejap lagi sebab lambat. Duduk sekejap ya.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Sebab kita kena... Masa saya selalu kena diberi amaran. Selalu saya cakap lama sangat. Jadi untuk Meru, 04307 ini penaiktaraf Jalan Haji Manan ini, kita tidak diberi peruntukan tahun 2020. Bila bercakap baru nak masuk.

Untuk Jalan Haji Manan ini, kita telah syaratkan kepada dua pemaju yang berkaitan di situ untuk menaiktaraf jalan tersebut sehingga ke persimpangan yang ada. Maknanya, mereka akan siapkan penaiktarafan itu, itu syaratnya. Untuk jajaran yang terlibat dengan projek menaiktaraf sistem perparitan oleh JPS itu, JKR juga telah mensyaratkan kepada pihak kontraktor membuat kerja pembaikan keseluruhan di jalan selepas projek itu siap dilaksanakan. Maknanya, kes rosak jalan sebagainya, mereka akan siapkan selepas menaiktaraf parit.

Untuk sungai... Pandamaran saya... mana ada Pandamaran. Pandamaran tidak ada. Untuk Sungai Kandis, Yang Berhormat. Saya ada sebut isu yang disebut itu memang tepat sekali. Isu utiliti ini, memang itu sebab kita kata tidak ada cara lain. Kita mesti ada rancangan jangka panjang, jangka pendek mesti ada. Jangka panjang ini ialah penyediaan utiliti koridor dan *utility mapping*. Baru boleh kita dapat uruskan isu-isu berkaitan dengan utiliti yang berselerak di bawah ini dan mengurangkan kos. Kita sebenarnya boleh jimatkan banyak duit kalau kita berjaya, nampak awalnya memang. Saya tahu tadi Yang Berhormat Kuang yang menyebut, kalau boleh kita bina sub-struktur siap-siap. Kalau jambatan itu sekarang ini nak guna dua *lane*, kita buat siap-siap sub-stuktur untuk empat *lane*, *foundation*, *pier* semua siap. Memang itu idea yang bagus kemudian senang letak atas sahaja. Tetapi hakikatnya kos siapa hendak tanggung. Kosnya 10 tahun lagi baru hendak pakai, kita kena *invest* sekarang. Macam kita buat rumah, kita nak buat cadangan akhir rumah nak 4 tingkat. Kita buat *foundation* 4 tingkat tapi kita buat dua dahulu. Tapi kos *foundation* itu antara paling mahal. Kita tidak boleh, tidak ada kemampuan hendak buat itu. Macam juga parit, parit ini kita kata 10-30 tahun lagi kita perlukan parit yang besar. Jadi kita buat siap-siap yang besar.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Berhormat, kalau kita 10 tahun lagi kita buat, kosnya sudah *triple*. Perlu dikaji waktu sekarang lah sebaik-baiknya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Tak pe, saya bagi tahu hakikatnya. Saya hendak cerita ini from *teknikal*. Dari segi aspek teknikal, dari segi kewangan. Memang kalau kita ada duit yang banyak, dana yang sangat banyak, boleh kita buat. Kita buat siap-siap longkang paling besar untuk 30 tahun akan datang. Tapi hakikatnya kita tidak ada kemampuan begitu. Jadi terpaksa kita buat berperingkat-peringkat. Itu dipanggil penaiktarafan. Sebab kita kena seimbang antara keperluan semasa dengan keperluan dana yang kita ada. Ini yang berlaku. Jadi saya harapkan benda ini dapat di.

Untuk Selayang, berhubung dengan isu pelebaran jalan di Selayang-Rawang ini. Keperluan kita telah bincang. Taman Templer, okay... senyap... tidak dengar suara...

Jadi ini memang perhatian kita di kawasan yang berkaitan dengan... 600m panjang jalan itu yang melibatkan daripada Selayang ke Rawang, telah pun dimasukkan dalam kajian. Kajian telah dibuat, memang didapati betul keperluannya untuk dinaiktarafkan kepada 2 lorong. Tambah 2 lorong dan telahpun dimasukkan dalam permohonan kita untuk naiktaraf jalan itu. Tidak silap saya dalam beberapa belas juta telah pun di... memang adalah, telah masuk dalam permohonan untuk dilaksanakan jalan itu.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Berkaitan dengan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), untuk Kota Damansara tidak ada, okay. Dusun Tua ada, okay.

Dusun Tua, maklumbalas tentang Sungai Serai sebenarnya Sungai Serai ini, projek tebatan banjir sudah siap dengan kos RM4.9 juta, siap pada 12 September 2017. Peruntukan RM300 ribu ini adalah kos untuk membuat ukur halus. Ukur kos survey, kerana hendak wartakan kawasan berkenaan. Itu yang kos rendah. Bukan kos untuk bina. Ia dah siap.

Selain daripada itu, projek pelaksanaan kolam takungan banjir bagi mengatasi banjir di Sungai Serai ini lain pula. Ini ada kolam takungan, kosnya ialah RM15 juta dan telah dimasukkan di bawah RMKe-12. Itu telahpun dimasukkan dalam RM15juta. Tentang RTB Sungai Langat fasa 1, yang dalam proses reka bentuk terperinci, lantikan juruukur telah diluluskan oleh kementerian. Ini *federal* punya bajet. Untuk makluman pihak jabatan telah memohon peruntukan sebanyak RM145 juta di bawah Rolling Plan 4 dan juga di bawah RMKe-12 bagi pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Langat fasa 2. Fasa 1 sudah okay, fasa 2 sedang dipohon untuk dilaksanakan. Sebab keseluruhan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat, keseluruhan jumlahnya adalah RM700 juta. Tapi kita mohon berperingkat-peringkat, ini antara proses yang sedang kita buat. Untuk Banting tidak ada, saya *skip*.

Untuk Ijok, saya perlu sebut di sini bahawa untuk kerja-kerja selenggaraan parit dan juga sungai dan sebagainya, ia tidak duduk di bawah peruntukan pembangunan, perbelanjaan permbangunan, ia berada di bawah perbelanjaan perbekalan dan pengurusan. Boleh rujuk di bawah B13. Untuk tahun hadapan ialah RM76 juta untuk kerja-kerja selenggaraan ini. Dan diagih-agihkan, untuk makluman tahun ini Kuala Selangor dapat RM9juta untuk selenggaraan. Jadi untuk Kuala Langat yang dia kata tiada ada itu, RM7 juta lebih untuk kerja-kerja selenggaraan. Itu asing ya. Bagi kerja-kerja yang khusus tentang tebatan banjir, bagi penyelesaian bagi banjir di kawasan yang melibatkan Ijok dan Bukit Melawati sikit dan juga di kawasan Kuala Selangor ini, pihak jabatan melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sungai Buloh fasa 1 dengan kos silingnya RM50 juta. Projek ini akan ditender pada bulan Disember 2019. Ini projek *federal*. Jajaran projek adalah muara Sungai Buloh sehingga Bukit Mayong sepanjang 17km. Skop projek ini adalah menaiktaraf dan membina ban di kiri kanan lagi dinaikkan lagi 2m... 2 kaki... tapi sepanjang 16.7, sekarang ini lebih kurang Panjang 16.7 akan naiktaraf itu. Melibatkan mendalamkan sungai sepanjang 9km, pembinaan 4 rumah pam dan mendalamkan *borrowpin* (tanah sekeliling yang digunakan untuk buat ban). Ia juga bertindak sebagai Kawasan anak sungai dalam untuk menghimpun air sungai belah dalam sebelum di pam. Jadi ini akan dilaksanakan dan tender akan dikeluarkan pada bulan Disember ini. Kita berkeyakinan projek ini akan menyelesaikan isu banjir di kawasan Ijok dan sekitar Parit Mahang.

Untuk Meru, telahpun ada peruntukan untuk saliran perparitan dan juga untuk penyelenggaraan kolam takungan. Tapi untuk projek yang lebih besar di Meru yang melibatkan Meru rancangan tebatan banjir sebanyak RM200 juta yang disebut itu. Ini telah pun dimohon di bawah RMKe-12 untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya daripada Semenyih, untuk Semenyih berhubung dengan jalan pertanian. Jalan pertanian ini untuk makluman di bawah peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Apabila dilaksanakan maka pihak JPS akan bertanggungjawab menyelenggara

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

jalan-jalan pertanian ini, jadi jika ada keperluan kita perlu lihat dan buat kajian keperluan jalan-jalan pertanian ini di bawah peruntukan, dan jika jalan-jalan itu menepati syaratnya boleh kita daftar bawah MARRIS boleh dapat peruntukan MARRIS.

Untuk makluman terdapat 2 kawasan yang terlibat dengan aktiviti penggorekkan pasir yang disebut itu oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. iaitu Kampung Sungai Semantar, Sungai Beranang, Kampung Sungai Kembong hulu dan hilir. Pada dasarnya pihak jabatan tidak ada halangan, dari segi pelaksanaan penggorekkan pasir asalkan mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan, itu yang kita laksanakan. Jadi kalau ada perkara-perkara yang melanggar itu kena beritahu.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Iya, Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya minta makluman untuk Yang Berhormat EXCO, bahawa yang di Kampung Sungai Semantar itu terlibat beberapa rumah yang berhampiran tebing sungai itu ada hakisan. Saya minta perhatian pihak EXCO, dia ada buat aduan dan minta sokongan pada Yang Berhormat untuk dipanjang kepada Pejabat Daerah dan JPS juga bagi memastikan rumah ini tidak runtuh di bawah dek arus sungai. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah. Teruskan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Semenyih, itu akan kita ambil perhatian apa yang berkaitan. Tentang daripada Taman Templer berhubung dengan isu banjir selain baru ini, jadi kita sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat juga projek fasa 1 di RTB Sungai Udang ini telah siap pada bulan Mei 2019 yang lepas, RM1.2 juta telah siap. Yang peringkat fasa 2 ini akan melibatkan kos RM10 juta telah pun lulus tapi bukan lulus, di bawah RMKe-12 untuk pelaksanaan. Sebab kita ada isu sikit dengan pengambilan tanah sebagaimana yang disebut yang perlu diselesaikan dan komponennya melibatkan menaiktaraf parit ataupun anak sungai ataupun sungai yang berkenaan dan juga ada kolam takungan. Itu komponennya. RM10 juta telahpun dipohon dan diletakkan di bawah RMKe-12. Jadi saya rasa itu sahaja kecuali satu yang perlu saya sebut ialah berhubung dengan Yang Berhormat Bukit Melawati dan saya pun telah sebut dalam ucapan berhubung dengan banjir memang saya bagi komitmen *in sya Allah*, saya bagi perhatian penuh pada yang sentiasa menghadapi masalah banjir ini terutama Ijok, Bukit Melawati, Bandar Utama dan juga EXCO kita pun dia tidak boleh nak bercakap tapi mereka pun ada masalah, Kota Kemuning dan juga di Seri Serdang di Sungai Koyoh itu. Jadi semua ini saya akan bagi perhatian dan fokus kita cari duit bagaimana, Batu Tiga tidak banjir kan... untuk bagaimana kita laksanakan dengan secepat mungkin, jangka pendek, jangka panjang dan sebagainya dan juga Bukit Melawati yang fenomena air pasang ini kita sudah dapat bajet federal/sebanyak RM42 juta itu akan kita agihkan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan fenomena air pasang besar ini untuk kita ambil langkah-langkah yang sesuai. Dan untuk Bukit Melawati soalan tambahan yang terakhir ini ialah berhubung dengan dasar kerajaan tentang bantuan kepada nelayan ini. Memang kita sentiasa menyediakan peruntukan untuk para nelayan kita, bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri malah tahun ini daripada pusat zakat dapat RM600 ribu lebih untuk pembelian peralatan-peralatan bagi nelayan. RM650 ribu kalau tidak silap saya telahpun diagih-agihkan dan kita beli pelbagai bentuklah jaring,

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

GPS, *fish finder*, tong ikan. Cuma dulu kita ada beli enjin sangkut dan juga sampan dan sebagainya tapi didapati selepas itu dengan-dengan enjin pun hilang, sampan pun hilang dan harganya mahal, jadi kalau tidak diurus dengan betul perkara ini akan manfaatnya tak ramai dapat tapi dia tidak dimanfaatkan dengan betul-betul hah itu yang jadi masalah dan kita akan lihat balik kalau ada keperluan untuk perkara-perkara membaiki bot sebagainya kita akan lihat dari segi kos dan implikasinya bagaimana untuk kita laksanakan. Hah, jadi untuk tahun ini Yang Berhormat Bukit Melawati pun saya, kita dah luluskan untuk buat jeti satu di kawasan Bukit Melawati jadi banyak juga yang Bukit Melawati dapat ni. Ok, itu sahaja saya, sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pandan Indah. Seterusnya saya jemput Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil masa sedikit untuk memberi respons kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan banyak perkara berhubung kait dengan generasi muda khususnya yang berkait rapat dengan PEBT. Saya kira ini adalah sidang yang paling banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan tentang isu-isu yang berkait rapat dengan belia kita.

Pertama, saya ingin pergi kepada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Damansara, berhubung kait dengan Selangor Mega Job Fair dan sektor yang berjaya bagi mendapatkan pekerjaan walaupun Yang Berhormat Kota Damansara tidak ada hari ini untuk makluman semua yang hadir pada hari ini secara puratanya sektor yang telah banyak memberi pekerjaan dalam Job Fair kita adalah 31.45% sektor pembuatan, 21.2% sektor perdagangan, borong, runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 14.49% sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan, 6.15% aktiviti perkhidmatan dan 26.72% adalah lain-lain sektor dan industri. Ini adalah sektor-sektor yang banyak memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada program Job Fair yang kita adakan baru-baru ini.

Dalam hal yang lain, juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua tentang Job Fair yang kata beliau, kata Yang Berhormat seolah-olah tidak mendapat, tidak mendapat sambutan. Saya ingin menekankan sekali lagi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Program Job Fair yang kita adakan pertama telah mengundang penyertaan sebanyak 20,000 pengunjung yang hadir dan melibatkan sebanyak 180 majikan dan 70 agensi jabatan kerajaan yang terlibat.

Daripada jumlah tersebut, 12,000 ribu peluang pekerjaan telah ditawarkan dan 20 majikan turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya. Barangkali ada juga kita buat Job Fair yang kedua iaitu Job Fair secara sederhana dan pada Job Fair yang kedua itu memang kita tidak menjemput ramai kerana syarikat yang ada hanya lah 30 syarikat secara sederhana. Tetapi untuk maklumat Yang Berhormat Dusun Tua kita tetap menjalankan Job Fair secara mega dan kita tidak boleh menafikan kejayaan kita.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dusun Tua Job Fair yang kita anjurkan 180 adalah Job Fair yang terbesar berbanding negeri-negeri lain buat. Kebiasaannya Job Fair ini, kalau kita buat Job Fair kita akan ambil 30 sehingga 50 syarikat tetapi pada Job Fair yang kita adakan di MIX pada 16 Mac tersebut kita mengundang 180 syarikat yang kita adakan. Jadi

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

ini adalah yang terbesar yang kita boleh bantu kerana sasaran kita adalah sudah tentu adalah untuk memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat ataupun rakyat di negeri Selangor. Sudah tentu akan ada Yang Berhormat, ada kelemahan di sana, sini dan Jawatankuasa kita sedia mendengar kalau ada perubahan atau pembetulan yang perlu kita baiki, in syaa Allah kita sedia memberi pembaikan dari masa ke semasa.

Kemudian berkaitan dengan fungsi dan peranan Kem Ghaffar Baba ini adalah di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Pendidikan. Walau bagaimanapun secara maklumat untuk Yang Berhormat semua oleh kerana ia juga melibatkan pusat belia kita untuk kita adakan program, kem ini adalah kerajaan negeri telah melalui Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menyerahkan urusan pentadbiran kem tersebut kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya mulai 2018.

Di antara kemudahan yang ditawarkan di tempat tersebut adalah asrama-asrama warden, sebanyak 8 unit. Asrama wanita, 10 unit. Asrama lelaki, 10 unit. Kafeteria, 1 unit. Bilik Kuliah, 5 unit. Surau, 1 unit. Dewan Utama, 1 unit. Rumah VIP, 1 unit dan Padang Kawat.

Jadi kalau ada Yang Berhormat- Yang Berhormat yang suka menjalankan program modal insan ataupun pembinaan sahsiah kita persilakan untuk ke Kem Ghaffar Baba bagi menggunakan peluang yang ada di situ.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Minta penjelasan. Boleh. Maksud saya adalah kita ada pusat latihan begitu dan kita ada kemudahan Zoo Negara, kita ada chalet-chalet yang dianjurkan, diusahakan oleh penduduk tapi orang tak tahu kalau orang dari luar nak makan angin ke Kuala Lumpur dan pergi ke Zoo Negara dia tak tahu nak tidur mana. Jadi boleh tak kita usahakan kerjasama, *packagekan* kemudahan-kemudahan yang ada di chalet, operatornya, *private*, kemudahan asrama, tempat tinggal sebagai satu *package* untuk tawaran melawat Zoo Negara dan Kampung Kemensah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Itu satu pandangan yang sangat baik daripada Yang Berhormat Hulu Klang, maksudnya buka kepada umum tapi saya ingat perkara ini kita harus bincang dengan MPAJ sebab dia lebih fokus kepada pembangunan modal insan di kalangan kakitangan kerajaan sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat. Pusat-pusat ini adalah diselenggarakan oleh MPAJ. Walau bagaimanapun kita akan bincang dengan MPAJ tentang cadangan Yang Berhormat daripada Hulu Kelang.

Dusun Tua juga membangkitkan tentang mekanisme menarik belia yang ada dalam Selangor ini. Saya yakin rata-rata di kalangan Yang Berhormat yang ada dalam Dewan hari ini mempunyai cabaran yang besar untuk mendekati belia. Kita ada 10 teras dasar yang kita, yang dibawa oleh PEBT kita dan Yang Berhormat masih lagi melihat bahawa masih ada lagi ruangan yang kita boleh baiki. Barangkali saya suka cadangkan pada Yang Berhormat semua bahawa *trending* sekarang sudah berubah.

Saya dengar perbahasan daripada Yang Berhormat, ada di kalangan Yang Berhormat yang membangkitkan kenapa PEBT ini fokus hanya kepada sukan kerana itu adalah salah satu teras yang kita ada dalam 10 dasar kita tetapi saya suka mendengar perbahasan dan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

jawapan daripada Yang Berhormat Batu Tiga yang menyebut bahawa sekarang ini ada disebut sebagai Gig Ekonomi ia ini ekonomi bebas para belia ini tidak mahu terikat dia suka mencari pekerjaan yang tidak tetap, yang bebas, dia bawa perantaraan makanan tu apa Food Panda tu dan pelbagai, Grab dia bawa. *This is the trending* yang ada pada hari ini.

Bermakna ekonomi yang ada pada hari ini keluar daripada tradisional ekonomi pergi kepada Gig Ekonomi. Begitu juga dengan belia kita. Kalau kita masih kekal dengan pendekatan tradisional maka jawapannya adalah sama *result* yang kita dapat tidak ramai belia yang berminat sebab itu lah saya suka membuka cadangan kepada Yang Berhormat. Cuba cari jalan yang lain mengikut trending kalau ekonomi ada Gig Ekonomi kita belia kita ada disebut sebagai *independent group* yang mana mereka ini adalah mereka-mereka yang kita kena dekati sama ada dalam bentuk hiburan, sama ada dalam bentuk sukan, sama ada dalam pelbagai bentuk. Saya nak sebut pada Yang Berhormat Sekalian apabila kita lakukan program Selangor SYR baru-baru ini, di dalam banyak program yang kita laksanakan kita ada program konsert, kita ada program sukan, *strongest man, retro run, E-games, fitness, scate board, fun run, netball, penalty shoot, job fair*, bengkel bebas dadah dan kita juga adakan program-program *life style*, pameran motosikal dan kereta, *food truck*, pameran korporat.

Di dalam banyak-banyak program kita laksana ini yang paling ramai kehadirannya yang hampir mencecah 10,000 adalah konsert yang kita adakan. *This is the trending* yang ada di kalangan belia. Pertama, konsert. Saya suka mengambil pengajaran daripada apabila Yang Berhormat Sijangkang menjadi EXCO Belia dan Sukan beliau menganjurkan dengan izin *i stand corrected* kalau salah takrif menggantikan Hari Belia Sukan Negeri Selangor, Hari Belia Negeri yang diadakan di Pusat Kebudayaan Seksyen 7, kehadiran yang kita dapati pada waktu itu hanyalah sekadar 150 ke 200 orang, betul kan Yang Berhormat sekadar waktu itu kerana apa? Kerana pada waktu itu Hari Belia Selangor disajikan dengan ucapan motivasi, ceramah motivasi, belia tak nak benda ini jadi ini lah jawapan sebenar kalau Selangor ini tidak mengambil sikap memberi keterbukaan melibatkan belia secara *independent* ataupun sekarang disebut sebagai *Group Indi* maka kalau kita kekal dengan tradisional kita maka jawapannya saudara Yang Berhormat akan dapat keputusan yang sama, dan sama, dan sama. Sebab itulah Yang Berhormat

**Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Boleh mencelah?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Daripada banyak program ini yang paling orang tak datang hari itu adalah bengkel bebas dadah seramai 250 orang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ya sila.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dusun Tua ingin mencelah.

**Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, dan sememangnya saya bersetuju dengan keadaan trend semasa kini yang mana memang benar anak-anak muda sudah kalau dilihat komitmennya kepada sama ada persatuan, atau pertubuhan dan sebagainya memang sudah agak longgar dan saya sering bergurau, saya kata kalau sekarang ni nak kalau-kalau nak berkomitmen dengan pasangan pun susah apa tah lagi berkomitmen dengan persatuan. Jadi sekarang ini trend nya

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

memang begitu tapi di kalangan anak-anak muda yang cenderung bersifat *independent* juga kita dapat lihat di kala mereka mahu berkumpulan, mereka biasanya membentuk kolektif di mana ia nya satu perkumpulan yang tidak begitu terikat sangat yang tidak begitu, yang lebih anjal dan fleksibel jadi kita dapat melihat kolektif-kolektif ini tumbuh bagi cendawan di merata-rata tempat.

Jadi apakah kaedah yang kita boleh lakukan untuk kita *tap* dengan izin kolektif-kolektif ini? Adakah mereka ini berpeluang untuk mendapat akses kepada peruntukan-peruntukan, dana-dana kerajaan negeri dan sebagainya sebab saya percaya mereka ini mungkin tidak mempunyai pertubuhan yang berdaftar tapi mereka bergerak secara berkumpulan dan mereka melakukan aktiviti secara berkumpulan dan mereka ini kalau saya bagi contoh seperti dulunya ini dulu lah zaman saya dulu, dulu lama dulu seperti buku jalanan dan sebagainya jadi dan sekarang ini saya pun mungkin ada kolektif-kolektif baru yang muncul yang bergerak mengikut minat masing-masing dan mungkin ada *crowd* masing-masing. Jadi adakah mereka ini mempunyai akses terhadap dana-dana kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi apa kaedah kita untuk mendekati kumpulan-kumpulan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Boleh tambah?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Biar saya jawab soalan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Supaya jawapan lebih terfokus. Memang jawapannya ada di tangan Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian. Kita di peringkat negeri hanya pembuat dasar dan sudah tentu dasar kita buat menurut lunas-lunas peraturan yang kita ada tetapi keterbukaan Yang Berhormat-Yang Berhormat di peringkat DUN memainkan peranan utama. Saya ingat ramai di kalangan belia kita yang mendekati Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian tapi kalau kita ada sebut mana persatuan, mana pertubuhan, pertubuhan jenis apa dan mereka ini akan lama makin lari.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri, saya nak ambil maklumat yang ada di Indonesia. Di Indonesia Yang Berhormat Sekalian main stream, muzik, muzik main stream ini berbanding dengan muzik disebut sebagai Indie sekarang ini muzik Indie lebih popular berbanding dengan muzik main stream di Indonesia. Bermakna akan tiba satu waktu nanti, belia-belia kita ni akan pergi kepada aktiviti yang tidak terikat dalam bentuk formal atau dalam bentuk protokol atau dalam bentuk birokrasi. Tetapi mereka ini wujud dalam negeri kita. Saya ambil data yang pernah saya sebut semalam kita ada 2.9 juta belia sehingga umur 40 tahun. Ada 1,300 persatuan berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan tetapi hanya ada 100,000 belia yang ada dalam persatuan tersebut.

Jadi saya suka kembali kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dusun Tua, memang saya harapkan lepas pada ini kita mempunyai dasar yang lebih terbuka kepada kumpulan-kumpulan belia yang dianggap tidak mahu terikat ini dan kita akan mengkaji bagaimana *trending* yang berubah ini supaya negeri Selangor akan terus *update* perkembangan kita. Kita sudah, mesti berubah daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan yang lebih terbuka sekarang ini. Dan memang sebagaimana yang Dusun Tua sebut Yang Berhormat

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Paya Jaras, Seri Setia ingin mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ya.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya setuju apa Yang Berhormat nyatakan bahawa konsert ini adalah satu tarikan belia-belia untuk, untuk hadir, untuk bersama. Kalau kita buat program macam taklimat, ceramah ADK memang akan kurang, ada belia, baru ni saya buat jugak ada belia tapi kurang tetapi dalam konsert itu kita boleh selitkan itu satu. Yang keduanya, kita ada kota-kota seni ya, iaitu PBT di MBPJ, MBSA, yang mana kerajaan negeri telah iktirafkan sebagai kota seni ya. Jadi saya, saya kalau boleh saya nak bagi permohonan, pandangan kepada Pihak Kerajaan Negeri bantu mereka-mereka ataupun PBT-PBT ini untuk menganjurkan konsert-konsert. Saya ambil contoh Majlis Bandar raya Petaling Jaya, dia setiap tahun akan mengadakan *PJ Fair* yang mana *PJ Fair* itu dia akan mengadakan satu konsert, penghujungnya artis yang cukup hebat. Dan saya lihat sendiri ramai belia-belia yang datang dan pengisian pun banyak di situ. Cuma, bila ada artis ni, kita nak tarik belia-belia datang untuk lihat persembahan artis ini, artis yang kita undang haruslah artis yang popular, yang hebat, kos nya pula tinggi. Itu yang perlu, saya cadangkan, perlu ada bantuan juga daripada Kerajaan Negeri. Dan satu lagi, kalau kita tengok anak-anak muda sekarang ini kalau buat konsert di Stadium Malawati, saya ambil contoh, harga tiketnya mungkin mahal. Mereka mungkin tak seramai yang berada di luar, macam zaman kita *funfair* dulu, zaman *funfair*, memang anak-anak muda. Sekarang ini dah patah balik zaman itu. Jadi, saya cadangkan kalau dapat Kerajaan Negeri boleh bantu untuk menggalakkan lagi industri ini.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih, ya, saya sangat setuju. Kita kena pilihlah artis yang ada *follower*. Yang Berhormat sekalian, cuba Yang Berhormat buka *Instagram* orang politik dengan *Instagram*, orang politik ini adalah kepimpinan di peringkat *Federal* dan Negeri dan saudara Yang Berhormat buka *Instagram* artis-artis kita. Artis-artis kita punya *follower*, 1 juta, 1.5 juta, luar biasa. Jadi, dengan kata lain, *the trending* yang ada pada hari ini adalah belia-belia kita ini lebih merujuk kepada artis lebih kepada merujuk kepada orang politik. *This is the reality* yang kita kena hadapi. Dan *InshaAllah* Yang Berhormat, memang konsert *Butterfinger* yang kita buat di Stadium Malawati, itu adalah dengan kerjasama dengan kita supaya kita nak tunjuk bahawa *we are open to music*. Kita *open* dalam keadaan kita mengawal mereka ini. Jadi, *InshaAllah* pada tahun-tahun akan datang kita akan buat lebih banyak program-program yang berbentuk, boleh menarik belia-belia kita. Dan sebab itu lah Yang Berhormat sekalian, di antara perubahan yang kita akan lakukan pada sambutan pada tahun baru ini adalah kita nak buka dalam bentuk karnival sedikit. Silakan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Nak mencelah sikit. Ok, mungkin saya nak mencelah sikit. Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. Saya nak tanya pada Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan konsert-konsert ini, saya takut disalahertikan kita nak jadi negeri hiburan pula. Jadi, macam mana dalam keadaan kita, ya lah, Islam dia tidak menolak hiburan ni tetapi dalam masa yang sama kita nak mengawal anak muda kita ni daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Dan, kebanyakannya

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

kalau kita lihat, konsert-konsert ni terdedah kepada perkara-perkara yang negatif. Adakah semata-mata kita nak bagi hiburan di situ ataupun kita nak mewujudkan satu budaya yang baru semata-mata kita nak mengikut arus perdana, arus kehendak remaja atau anak muda kita ni semata-mata nak memeriahkan majlis tanpa kita memikirkan tentang aspek-aspek negatif yang boleh timbul disebabkan dengan mungkin budaya baru yang kita nak perkenalkan ini? Sebab, bagi saya kalau semata-mata untuk hiburan untuk menggembirakan anak-anak muda, itu saya kurang bersetuju dengan keadaan itu kecuali ada pengisian ataupun satu pembawaan baru, yang baik, yang boleh kita bawa kepada generasi muda kita. Sekian.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Jangan duduk dulu. Saya nak tanya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Adakah Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat kepada belia yang meminati muzik ini? Adakah Yang Berhormat memandang jijik atau bagaimana?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tidak, saya dah sebutkan tadi di dalam Islam tidak menolak, malahan saya sendiri pun ..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tapi Yang Berhormat sebut tidak bersetuju tadi. Di mana tidak bersetuju?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tidak setuju kalau semata-mata kepada hiburan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Jadi, Yang Berhormat tidak bersetuju?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Jadi, soalan saya pada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat terhadap belia-belia yang minat muzik ini?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok, kita boleh .. kita boleh benarkan..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Kalau boleh benarkan ..duduk, duduk

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** EXCO kena menjawab soalan ..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Sebab itu Yang Berhormat, jadi Yang Berhormat setujulah kita kena dekati belia ini, betul?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Betul.

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ok, duduk. Biar saya jawab.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Mana aci jawab macam itu saja!

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tak betul lah. (Ahli Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Bagi lah kita jelaskan juga.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** *This is my*, ini *floor* saya

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ha?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ini *floor* saya. (EXCO ketawa)

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya kena bagi penjelasan, sebab kita tak nak mewujudkan

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Sebab Yang Berhormat memberi gambaran bahawa seolah-olah ada belia yang kita rasa bagus, ada belia yang bermasalah. Ada belia Yang Berhormat memandang jijik, begitu?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Adakah itu maksud Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya tidak bermaksud begitu. Tetapi bila kita nampak hanya menjurus, sebab kita kena faham, tak nak berlaku macam semalam bila nanti tajuk keluar lagi, berita ni.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tidak, itu cerita yang lain. Ini cerita belia Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ha.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Cerita belia.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Nanti *glamour* pula. Ha, ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Jadi, tak, begini. Pihak Kerajaan, sama ada belia itu orang yang baik, ataupun ..

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Suruh berdiri lagi?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** (Ketawa). Boleh duduk. Ha, dah boleh duduk. Saya .. (ketawa). Pada pandangan kita Yang Berhormat sekalian, apa pun

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

keadaan belia dalam Selangor ini, dia adalah belia rakyat kita dalam Selangor. (Ahli Dewan menepuk meja). Kita tidak boleh, ‘oh, ini adalah belia yang minat pada agama’, kita dekati, yang mana belia minat, yang agak liar kita tinggal, tidak boleh. Orang dadah pun kita kena jaga, orang masalah sosial pun kita kena jaga, orang baik pun kita kena jaga. Sebab kita Kerajaan!

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tak, seperti mana yang saya maklumkan, saya tidak membantah dan saya dah jelaskan tadi, Islam tidak menghalang hiburan tapi saya memberi peringatan supaya kita dapat mengawal perkara-perkara yang boleh menimbulkan satu budaya yang tidak baik.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Betul lah Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Itu tujuan saya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Kita ada peraturan di PBT kita. Kita ada undang-undang kita. Kita ada lunas-lunas yang kita jaga. Tetapi kita kena mendekati belia kita. Kan kita pernah belajar macam mana pendakwah masuk ke tempat-tempat sebagai kelab-kelab malam, bukan saya suruh masuk ke kelab malam Yang Berhormat, tetapi *this is* mendekati. Mendekati. Nanti salah, Berita Harian salah *quote* kata saya. Semua Yang Berhormat masuk Berita Harian. Tidak, tidak. *I'm telling you*, maksud saya adalah, keterbukaan kita Negeri Selangor. Selangor tidak sebagaimana Kelantan. Kelantan tidak Selangor. Selangor bukan Utara, Utara bukan Selangor. Kita Selangor! Selangor mempunyai pendekatan kita sendiri. Sebab itu lah kalau Yang Berhormat, kalau, saya boleh bayang kalau Yang Berhormat Meru buat, kalau *surfing*. Tau tak *surfing*? Kelab *Surfing*.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Kalau buat terkejut pula nanti.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** (Ketawa) Kalau Yang Berhormat buat, saya takut jatuh ke bawah. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, statistik pengalaman kita menunjukkan bahawa kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat merasakan Program Belia kita itu sangat sejuk, maka kena campur adukkan dengan elemen sukan, ada hiburan sikit, ada lari sikit, ada berbasikal sikit, *InshaAllah* saya yakin Yang Berhormat berada di atas *track* yang betul. Tetapi kita jagalah. Kita jaga.

Kemudian, Sijangkang ada membangkitkan isu peruntukan generasi muda. Memang saya akui kita ada keterbatasan dari segi peruntukan kita, walau bagaimanapun, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memahami bahawa di antara kekangan yang ada pada kita adalah peruntukan yang agak sederhana kepada generasi-generasi tetapi walau bagaimanapun, saya harapkan pada masa-masa akan datang dapat bantuan daripada pihak Yang Berhormat sendiri untuk bantu kita, untuk kita buat program yang kita rasakan sesuai. Saya pergi kepada perkara yang disebut sebagai, ditimbulkan oleh Yang Berhormat Banting, Yang Berhormat Banting tak ada hari ini. Ha, baru masuk. Maklum balas maknanya penyertaan rakyat Malaysia dalam *World Skill* rendah. Mungkin Inспен, Inپens boleh bantu. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan telah membuat perancangan dengan kerjasama dengan Yang Amat Berhormat di bawah Portfolio Pendidikan untuk melaksanakan program kemahiran *World*

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

*Skill of Selangor* pada 2020. Bagi kita memastikan pelaksanaan program ini lebih efektif, komprehensif, Kerajaan Negeri akan bekerjasama bersama industri pendidikan Negeri Selangor, iaitu Inpens (*Inpens International College*), Universiti Unisel, Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC), dan Kementerian Sumber Manusia dan jabatan atau agensi yang berkaitan untuk kita jayakan program ini. Jadi, mungkin di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat tertanya *World Skill* tu apa? Apa benda *World Skill*? Sebagai analogi mudah untuk kita fahami, kalau dalam sukan, kemuncak karnival terbesar dalam sukan olahraga adalah Sukan Olimpik. Kemuncak terbesar bagi Pesta Bola Sepak adalah *World Cup* dan kemuncak terbesar bagi program TVET ini adalah *World Skill*, *World Skill* itu sendiri. Jadi, bila *World Skill* ini dia memanggil banyak negara yang terbaru diadakan di Rusia, di Kazan. Jadi, negara-negara yang menghantar wakil termasuk Malaysia di mana dalam itu ada juga anak-anak Selangor. Saya tidak dapat data sebenar sebagaimana Banting, mungkin data ini, mereka ini daripada *private* ataupun sebagainya, tetapi ini lah *World Skill* yang kita cuba bawa dan kita adakan di Negeri Selangor kita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih. Dalam ucapan saya beberapa hari yang lepas, saya ada sebut dua (2) pemenang pingat gangsa dari Malaysia adalah daripada Universiti-universiti swasta yang mana mereka menceburi dalam bidang pengajian TVET dan dalam pertandingan yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO itu negara seperti Taiwan dan China menggondol lima (5) atau hingga empat (4) pingat emas tetapi dari Malaysia, kita hanya setakat dua (2) pingat gangsa dan daripada dua (2) pingat gangsa, kedua-duanya bukan daripada Selangor. Dia bukannya dari Selangor tetapi bukannya berasal daripada kolej-kolej INSPEN ataupun kolej-kolej Vokasional di Selangor, mereka adalah dari swasta. Jadi, menunjukkan ada keperluan untuk Kerajaan memberi tumpuan, peruntukan dan juga *resources* yang lebih untuk memastikan dari Selangor lebih-lebih lagi daripada Inspec, kita boleh menghantar *at least* peserta untuk menyertai pertandingan *World Skill* ini, dan sekali gus melonjakkan nama baik Selangor dan nama baik INSPEN. Jadi, itu lah saranan saya dan berharap peruntukan lebih diperuntukkan untuk tahun depan sekiranya boleh. Sekian.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah beberapa kali menyebut keutamaan dan fokus terhadap TVET ini, dan lebih baik kita mendengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat tentang hala tuju pendidikan itu sendiri nanti termasuk memperkasakan adik-adik kita, belia-belia kita dalam kemahiran yang kita sebut tadi. Kemudian, saya pergi kepada Kota Anggerik yang menyebut tentang pemantauan belia kita, saya suka menyebut bahawa saya ingin mengingatkan kembali bahawa proses pemantauan PEBT kita ini adalah dibuat oleh ADUN-ADUN Yang Berhormat sekalian. Sebab itulah, kalau Yang Berhormat melihat kembali kepada borang yang dimajukan oleh PEBT kita, untuk mengeluarkan duit itu sendiri atau menjalankan program itu sendiri mestilah mendapat *endorsement* daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN sekalian. Jadi, sebagaimana yang disebut oleh Kampung Tunku tadi, Bandar Utama tadi, yang menyebut bahawa ADUN-ADUN, kalau Yang Berhormat rasa program tersebut tidak memberi impak, jangan *sign*. Kalau program itu memberi impak, *sign*. Jadi, Yang Berhormat sendiri adalah entiti yang memantau PEBT kita itu sendiri. Jadi, saya akan mengambil kira apa yang disebut oleh Banting iaitu tentang audit kepada PEBT kita, *InshaAllah*, kita akan dari semasa ke semasa, kita akan perbaiki apa kelemahan yang kita ada.

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tambahan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Seri Setia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan, Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Timbalan Speaker. Yang Berhormat EXCO, soal PEBT ini macam saya bawa dalam perbahasan saya yang lalu, yang menyedihkan, saya nak cadangkan supaya ada satu kursus ataupun boleh diadakan satu program motivasi pada mereka. Dan ada PEBT, yang sedihnya, yang saya tanya nama Menteri Besar, dia tidak tahu. Saya tanya nama EXCO pun dia tidak tahu. Minta maaf, bukan YB EXCO Belia lah, saya cuba lah *test* dia, dengan izin, saya tanya nama EXCO Kerajaan Negeri Selangor pun dia tidak tahu. Ini yang menyedihkan kita. Maknanya, kurang pengetahuan mereka-mereka ini.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Yang Berhormat ada tanya nama ADUN di situ tak? (Ketawa)

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Dia nak *sign* dia tahu lah.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Saya bimbang kalau nama Yang Berhormat ADUN pun .. (ketawa). Ya, ya. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada modul tersebut. Kita ada modul untuk kita perkasakan PEBT kita, bukan sahaja dari segi *knowledge* tetapi kita juga ada modul dari segi penampilan diri, pemakaian, cara berpidato dan sebagainya. Jadi, *InshaAllah* bagi kita sedikit masa dan kita akan kaji semula modul-modul kita supaya kita lebih, dapat melahirkan PEBT yang lebih perkasa. Taman Templer menyebut tentang naik taraf. Ya, saya ingat dalam sesi yang lalu ada disebut tentang kedudukan status naik taraf pada bola sepak Kampung Melayu Batu 16 Rawang Yang Berhormat. Ya, ya, sebenarnya kita telah, Majlis Perbandaran Selayang telah pun menghantar kepada kita untuk cadangan tersebut. *InshaAllah* kita akan pastikan Yang Berhormat akan dapat padang itu nanti Yang Berhormat (ketawa). Bandar Utama menyebut tentang keberkesanan, saya ingat saya dah menyebut tentang program-program, keberkesanan atau tidak bergantung pada program dan inisiatif daripada pihak ADUN sendiri.

Dan Sungai Panjang menyebut tentang engagement dengan persatuan-persatuan dan center of excellence yang disebut tadi. Saya memahami bahawa Yang Berhormat Sungai Panjang mempunyai pandangan supaya belia kita ini dia dapat bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan atau pun melalui persatuan-persatuan. Saya kira ini adalah pandangan yang baik walaupun PeBT itu kita tidak akan bersatu dia. Tetapi kerjasama itu kita akan terus menggalakkan mereka. Sebab itulah Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat daripada Sungai Panjang. Kita di peringkat Negeri sekarang ini bukan sahaja bekerjasama dengan MSN tetapi kita juga bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan di peringkat Negeri Selangor. Kita ada engagement tersebut sekarang ini. Dan yang akhirnya tentang *Startup Excellence* Saya, boleh saya bagi yang bertulis? Sebab ini lebih spesifik. Saya tidak dapat maklumat yang details. Terima kasih Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Paya Jaras. Seterusnya saya jemput Lembah Jaya.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya hanya ada satu, dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Damansara yang berkaitan dengan isu penawaran Rumah Selangorku kepada penempatan setinggan Kampung Bunga Raya. Jadi Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sebenarnya melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor tidak ada halangan untuk menawarkan Rumah Selangorku kepada bekas setinggan ini dan kepada juga keluarga setinggan yang terlibat di Kampung Bunga Raya Sungai Buluh ini. Walau bagaimanapun, mereka ini perlu mendapat pengesahan bertulis daripada Yang Berhormat ADUN kawasan, mengesahkan mereka memang benar-benarlah keluarga setinggan daripada Kampung Bunga Raya tersebut. Selepas mendapat pengesahan tersebut, kita akan kemukakan nama-nama mereka ini kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama untuk perakuan dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Jadi saya, dan perlu diingatkan semua tawaran Rumah Selangorku ini adalah mengikut syarat-syarat yang kita guna pakailah. Jadi Insha Allah dengan mereka memenuhi segala mengikuti syarat itu akan ditawarkan unit-unit Rumah Selangorku.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kota Damansara, sebenarnya ada sebuah projek yang sedang berjalan di pinggiran Subang, Seksyen U5, Rumah Selangorku yang sedang dalam pembinaan. Ini sebenarnya adalah asalnya projek terbengkalai tapi Insha Allah dalam proses untuk pemulihannya. Dia sudah siap dalam 90%. Hanya menunggu hak milik pecah sempadan tanah untuk dua blok di situ. Jadi ini mungkin unit-unit yang boleh ditawarkanlah sebab dia agak berdekatan. Satu lagi isu yang Kota Damansara bangkitkan adalah penyelesaian penempatan bekas pekerja ladang Subang. Ini juga perlu, kita boleh tawarkan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, boleh tawarkan hanya perlu nama-nama pekerja ladang ini perlu diangkat dan diluluskan oleh STANDCO Ladang. Jadi saya berharap Yang Berhormat boleh bantu mereka untuk lalui proses ini dan STANDCO Ladang perlu mengesahkan nama-nama tersebut dan kita akan terima nama-nama tersebut melalui proses macam biasa, masuk dalam mesyuarat dan angkat terus untuk perakuan dan kelulusan daripada Yang Berhormat Dato' SUK.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Timbalan Speaker. Ladang Subang ini sebelum Kerajaan baru, mereka dijanjikan oleh pemaju. Ada perjanjian, ada kontrak. Itu Rumah Murah. Bukan Rumah Selangorku, Rumah Murah. Dan mereka telah pun diberikan borang dan ada perjanjian untuk ditawarkan rumah. Lebih kurang 40 keluarga India di situ. Saya difahamkan, projek itu telah dibatalkan. Di projek Damai Suria, oleh kontraktor developer Titi Jaya. Jadi, saya pun tidak tahu kenapa bila tukar Kerajaan, projek itu dibatalkan. Saya tidak tahu kenapa. Jadi saya minta pihak Kerajaan campur tangan balik supaya kita teruskan projek Rumah Murah itu. Dan mereka ini menanti-nanti di tempat situ sebab di situ lah mereka tinggal, dibesarkan dan mereka berharapkan tapak yang telah diambil oleh pemaju untuk bangunkan dan dijanjikan Rumah Murah, tiba-tiba dibatalkan. Jadi saya harap pihak Kerajaan masuk campur dalam hal ini supaya kita selesaikan. Itu satu perkara. Tentang rumah itu jangka panjang. Sekarang pun, ada masalah lagi yang melibatkan antara pemaju dan penduduk, TNB dan Air. Jadi, saya harap saya pun memang turun selalu meminta tolong supaya diselesaikan. Jadi dia ada isu sebenarnya. Dan saya khuatir wujud ketegangan sehingga projek itu tidak dapat diteruskan dan sebagainyalah. Terima kasih.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Lembah Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kota Damansara, sebenarnya kita juga buat semakan tentang pemaju yang dikatakan akan membangunkan rumah-rumah kos rendah ini untuk pekerja ladang. Pemaju yang dimaksudkan itu adalah Titi jaya Land Berhad. Dalam semakan kami, kita tidak terima apa-apa permohonan. Dan tidak bila tiada apa-apa permohonan, tidak adalah pembatalan apa-apa projek. Jadi itu yang kemosyikilan kitalah. Kalau yang dikatakan telah apa itu telah dibatalkan projek tersebut. Dalam rekod kami tidak ada. Walau bagaimanapun, saya mohon Yang Berhormat Kota Damansara untuk bawakan perkara ini dalam kemukakan perkara ini dalam pertemuan yang lainlah. Bersama-sama dengan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. OK. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seterusnya, terima kasih Lembah Jaya. Seterusnya, Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhomat Puan Timbalan Speaker. Saya akan menjawab beberapa soalan yang telah dibawakan oleh ADUN-ADUN kita. Terima kasih kepada semua. ADUN Bukit Lanjan telah meminta maklum balas tentang denggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM1,248,000.00 kepada setiap Ahli Majlis di setiap Pihak Berkusa Tempatan untuk kegunaan aktiviti pencegahan dan pengawalan demam denggi. Pecahan peruntukan adalah sebanyak RM5 ribu bagi setiap Ahli Majlis di PBT berstatus Majlis Bandar raya dan Majlis Perbandaran manakala RM3 ribu bagi setiap Ahli Majlis di PBT berstatus Majlis Daerah. Tambahan lagi, peruntukan turut diberikan kepada PBT dan Pejabat Daerah Tanah seperti berikut:- Peruntukan PBT selain peruntukan Ahli Majlis, RM1,200,000.00. Peruntukan kepada Pejabat Daerah Tanah, RM350,000.00. Pelantikan Pest Control operator PCO RM1,890,000.00 dan kempen promosi sebanyak RM52,730.00.

Pada tahun 2018 juga, melalui keputusan MMKN NO. 34/23/2018, telah memutuskan bahawa setiap Ahli Dewan Undangan Negeri perlu mengguna pakai peruntukan Perkhidmatan Masyarakat sebanyak RM10,000.00 untuk tujuan aktiviti kawalan dan pencegahan demam denggi di kawasan masing-masing berdasarkan panduan yang telah diedarkan melalui PBT. Saya ingat itulah peruntukan yang Y.B./ADUN gunakan untuk membeli magnet nyamuk itu. Yang cakap itu. Bagi tahun 2019 pula, Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan peruntukan yang sama iaitu sebanyak RM1,248,000.00 kepada Ahli-Ahli Majlis di setiap PBT. Memandangkan peruntukan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi pada tahun 2020 telah ditingkatkan menjadi RM 5juta, Kerajaan Negeri akan meneliti permohonan mana-mana Ahli Dewan Negeri yang memerlukan peruntukan tambahan bagi melaksanakan aktiviti pencegahan dan pengawalan demam denggi ini.

Seterusnya mengenai soalan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan juga mengenai Skim Kesihatan Wanita yang diperuntukkan RM 700 ribu untuk tahun 2020. Yang Berhormat Bukit Lanjan, untuk makluman Yang Berhormat RM700 ribu peruntukan yang telah dinyatakan tersebut adalah untuk program pemeriksaan Memogram sahaja. Secara percuma dan tidak termasuk program-program kesihatan yang lain. Suka juga untuk saya maklumkan di dalam Dewan ini yang mulia ini, sehingga bulan Ogos tahun 2019, seramai

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

4091 orang wanita telah mengikuti program ini. Menjadikan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 50,044 orang wanita di Selangor telah menerima manfaat daripada pemeriksaan Memogram percuma ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2010 yang lalu.

Seterusnya Bukit Melawati, Yang Berhormat Bukit Melawati bertanya mengenai pengarus perdanaan gender. Yang Berhormat Timbalan Speaker, seperti yang telah saya maklumkan dalam sesi penggulungan sebelum ini, selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari SDG ke-5, 10 dan 16, iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memberdaya wanita dan kanak-kanak perempuan, mengurangkan ketidak samaan dan keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh yang selaras dengan ekspresi Smart Selangor 2025. Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan pengarus perdanaan, gender atau gender mainstreaming GM bermula pada tahun 2020 ini. Pelaksanaan GM ini termaktub dalam matlamat pertama Dasar Wanita Selangor sendiri iaitu menggalakkan kerangka pembangunan yang sensitif gender. Gender mainstreaming merupakan strategi terpenting bagi memastikan pembangunan yang peka gender demi mencapai matlamat kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita. Ini adalah satu strategi untuk memastikan agar kepentingan dan pengalaman golongan wanita dan lelaki dijadikan dimensi asas dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar dan program di pentadbiran Negeri.

GM adalah penting untuk dilaksanakan bagi memastikan isu-isu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita terus relevan dan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan termasuk penggubalan dasar di peringkat Kerajaan Negeri dengan pelaksanaan proses seperti audit gender, gender responsive budgeting dan pelan tindakan gender. Pelan tindakan gender yang bakal dihasilkan Insha Allah kita akan mulakan dengan 3 EXCO perintis pada tahun 2020. Ini akan merangkumi cadangan mengenai bagaimana perspektif dan sasaran gender dapat diintegrasikan ke dalam semua perancangan dan belanjawan jabatan dan agensi. Ia akan dilaksanakan dengan menekankan mengenai data pecahan jantina atau sex disaggregated data atau pun SDD yang akan memainkan peranan utama dalam perkara tersebut. Kerangka ini amat penting kerana ia dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada golongan wanita, malah inclusive terhadap lelaki malah semua kelompok masyarakat. Ia turut selaras dengan 3 dimensi Rancangan Malaysia ke-12.

Kampung Tunku, Yang Berhormat Kampung Tunku bertanya mengenai saringan pap smear dan HPV. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, untuk masa ini Kerajaan Negeri masih belum mempunyai sebarang peruntukan khas untuk program saringan pap smear dan juga suntikan HPV. Walau bagaimanapun, di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, atau pun LPPKN ada menyediakan perkhidmatan lab pap smear LPPKN, dilaksanakan untuk tujuan saringan awal bagi pencegahan kanser serviks atau pangkal rahim. Di LPPKN perkhidmatan pap smear boleh diperolehi di seluruh Klinik Nur Sejahtera LPPKN, manakala di LPPKN Selangor, ianya boleh diperolehi di Klinik Nur Sejahtera Shah Alam, Ampang, Klang, Kajang dan Selayang. Selain daripada itu, ia boleh diperolehi melalui perkhidmatan outreach Bas Pusat Keluarga Bergerak. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat ADUN, kalau ingin melakukan spesifik kepada rakyat dalam kawasan Yang Amat Berhormat ADUN, sila berhubung dengan LPPKN kerana dia ada perkhidmatan outreach. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, kadar bayaran minimum dikenakan di bawah pakej ini iaitu sebanyak RM25 bagi mendapatkan Perkhidmatan Ujian Pap Smear, Saringan Kesejahteraan Glukosa Kolesterol, Pemeriksaan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

BMI dan Pemeriksaan Tekanan Darah. Jadi ini RM25 untuk ujian-ujian tadi. Bagi perkhidmatan pap smear outreach pula, ia boleh dilaksanakan melalui Pusat Keluarga Bergerak berdasarkan jemputan dan kerjasama program dengan agensi, jabatan NGO swasta dan Pusat Khidmat DUN yang saya sebut tadi. Berkennaan vaksinasi HPV pula, Kerajaan Persekutuan telah meneruskan pemberian vaksin HPV percuma kepada para pelajar perempuan tingkatan satu di sekolah-sekolah menengah di mana suntikan vaksinasi ini diberikan oleh Pegawai Perubatan dari Pejabat Kesihatan Daerah untuk anak berumur 13 tahun, anak perempuan 13 tahun yang tidak bersekolah pula boleh mendapatkannya di Klinik Kesihatan, ya. Dan, semua cadangan Yang Berhormat mengenai ini adalah baik. Memang Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memikirkannya dan pertimbangkannya tetapi semuanya mesti mengikut kemampuan kewangan negeri, ya. Setiap program yang kita nak anjurkan atau tambah di dalam program-program sedia ada perlu juga kita memikirkan *sustainability* ataupun kemampunan program tersebut.

Baik, soalan yang paling banyak saya ingat, saya kira terima adalah mengenai Skim Mesra Usia Emas, ya. Penjajaran semula Skim Mesra Usia Emas yang telah dibuat pada awal tahun 2019 adalah bertujuan agar pemberian manfaat diberikan kepada ahli yang masih hidup. Seperti yang saya terangkan pagi tadi, ya. Oleh itu, sekiranya pemberian manfaat diberikan kepada waris, Dusun Tua saya ingat mencadangkan kalau boleh bagi kepada waris kalau dia tak sempat bershopping, ya. Tetapi, maknanya kalau kita beri manfaat ini diberi kepada waris disebabkan warga emas telah meninggal dunia, maka objektif utama pemberian manfaat tidak mencapai matlamat sebenar program ini. Yang Berhormat Sentosa bertanyakan kenapa program diberhentikan? Adakah duit telah mencecah peruntukan atau tidak mencukupi? Untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa sebelum ini kita membelanjakan, saya beri statistik ini daripada 2016 RM28,800,000.000 untuk Skim Mesra Usia Emas, yang dulu iaitu Khairat Kematian. Kemudian RM27,365,000.00 dan 2017, dan kemudian 2018 RM28 juta untuk 2000...untuk 2018. Semuanya dah penyaluran yang telah dibuatkan kepada Pejabat-Pejabat Daerah. Kalau kita lihat sini Yang Berhormat, peruntukan untuk 2019 yang diluluskan untuk 2019 ini adalah RM7,590,199.00 sahaja. Dan, anggaran kematian sehingga 30 April 2019 baru ini, kita ada di situ RM22,346,500.00 dan Baucar Jom Shopping daripada September hingga ke Disember ini dianggarkan RM13,400,000.00. Dan, ini bila kita campur semua peruntukan yang perlukan adalah RM35,746,500.00 jauh lebih tinggi daripada Khairat Kematian tiga tahun sebelum ini, ya. Dan, peruntukan tambahan yang kita luluskan di dalam sesi Sidang DUN yang lepas sebanyak RM28,000...RM28,156,301.00 lagi perlu ditambah untuk kita melaksanakan program SMUE Jom Shopping ini, ya. Jadi, tidak benarlah kalau kita nak ngatakan bahawa kita nak buat ini sebab kita takut ataupun kita keputusan duit, ya. Tetapi kita nak melihat kepada ia sampai kepada warga-warga emas ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pada asalnya cadangan untuk memberi Jom Shopping ini hanya sampai umur 74 tahun tetapi para EXCO semua telah membantah mengatakan kita kalau kita nak buat Jom Shopping kita kena bagi sampai dia meninggal. Jadi, makna dia komitmen Negeri Selangor jauh lebih tinggi daripada apa yang telah kita keluarkan untuk Khairat Kematian. Kerana kita nak warga emas itu merasakan semasa mereka masih hidup. Untuk makluman semua, Perangkaan Negeri Selangor ya, 2019 kita ada 544,400 orang warga emas, 60 tahun ke atas. Jadi, kalau semua mereka ini mendaftar Yang Berhormat, maka kerajaan kena menyediakan lebih kurang RM50 juta lebih tinggi daripada yang kita gunakan untuk Khairat Kematian. Tapi kita rasa dia berbaloi kerana dia pergi kepada warga emas. Itu dia...ya, YB.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Baik...Yang Amat Berhor...Yang Berhormat Sentosa juga bertanya mengenai kronologi pelaksanaan program SMUE ini. Skim Khairat Kematian (SMUE) telah dilancarkan pada bulan Ogos 2008. Pengumuman berhubung Skim Khairat Kematian telah dibuat.. pengumuman untuk tidak menyambung Khairat Kematian ini telah dibuat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 26 April 2019, ya. Jadi, Program Khairat Kematian (SMUE) kita telah hentikan akhir 30 April, ya. Dan, claim ataupun tuntutan terakhir untuk kematian tarikh 30 April dan sebelumnya adalah 30 Mei. Jadi, Skim SMUE ini sama ada Khairat Kematian dan juga Jom Shopping tidak ada di antara bulan Mei, Jun, Julai, Ogos. Empat bulan tidak ada sementara kita menjajar semula dan kita bermula dengan Jom Shopping daripada bulan 1 September Yang Berhormat Sentosa, ya. Jadi, ini adalah yang telah ditanya mengenai SMUE saya cuma ingin menunjukkan di sini mencadangkan kepada ADUN sekalian supaya kita menggalakkan orang Islam, hampir semua masjid ada Khairat Kematian. Dengan bayaran yang sedikit sahaja mereka boleh mendapat manfaat keseluruhan Khairat Kematian itu di...daripada masjid-masjid. Cuma memang saya akui untuk kaum India kita tidak ada Khairat Kematian. Jadi, mungkin pimpinan kaum India boleh mencadangkan kepada kuil-kuil ya, dan rumah ibadat lain juga untuk memulakan Skim Khairat Kematian untuk apa ni...orang kata...seagama dengannya. Jadi, dengan itu dan kita juga telah mencadangkan bahawa untuk golongan B40, sekiranya ada yang meninggal dan keluarganya miskin ADUN kita nasihatkan untuk mengeluarkan daripada peruntukannya untuk bantu mereka untuk mengatasi masalah pengebumian jenazah itu. Saya ingat itu saja jawapan saya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Seri Serdang. Lain? Ya, saya persilakan Kajang, Yang Berhormat Kajang, EXCO.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk Yang Berhormat Bukit Lanjan telah pun bertanya adakah Jabatan Perhilitan mendapat sebarang peruntukan di bawah Program Alam Sekitar? Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perhilitan merupakan Ahli di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar. Setiap tahun Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Perhilitan. Peruntukan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM101,800.00. Tahun 2017, sebanyak RM111,000.00 dari peruntukan dan tahun 2018 sebanyak RM182,000.00 diperuntukkan. Manakala pada tahun 2019, tahun ni Kerajaan Negeri telah pun menyalurkan sejumlah RM230,000.00 kepada Jabatan Perhilitan bagi tujuan Kawasan Konflik Hidupan Liar iaitu RM80,000.00, Karnival Hari Tapir Sedunia RM50,000.00 dan juga Menaik Taraf Kemudahan Fasiliti Pusat Konservatif Hidupan Liar dan Persekutaran Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun sebanyak RM100,000.00.

Yang Berhormat Bukit Melawati telah pun membangkitkan berkaitan cadangan pelaksanaan pusat kitar semula di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan sebuah pusat kitar semula yang komprehensif termasuk bagi tujuan pemprosesan di semua PBT selaras dengan konsep ekonomi kitar ataupun *circular economy* iaitu *waste to well*. Justeru itu, semua PBT Negeri Selangor akan menetapkan lokasi yang strategik bagi memastikan pelaksanaan pewujudan pusat kitar semula mencapai objektif. Bagi peringkat permulaan, pusat kitar semula ini akan beroperasi sebagai tempat pengumpulan sisa hanya adalah sebagai pendekatan pelupusan sampah di punca...di punca bagi mengurangkan kos pelupusan sampah di tapak pelupusan. Projek ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal di samping pengurangan penjanaan *carbon dioxide*. Pelaksanaan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

pusat kitar semula ini boleh menjadikan pemangkin ke arah kesejahteraan penduduk alam sekitar melalui penglibatan penduduk secara terus dalam pengurusan sisa di mana penduduk akan dididik untuk lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa harian dan juga mengamalkan konsep 3R iaitu *Reduce, Reuse & Recycle* yang mana konsep ini secara tidak langsung dapat mendidik penduduk mengurangkan penghasilan sampah melalui guna semula dan kitar semula.

Yang ketiga, *last...* Yang Berhormat Kampung Tunku telah pun membangkitkan tentang peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 2020 yang terlalu kecil iaitu sebanyak RM500,000.00. So, untuk makluman Yang Berhormat, Hal Ehwal Orang Asli adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu di bawah Jabatan Kebajikan Orang Asli (JKOA) di mana JKOA sendiri mendapat peruntukan daripada Pusat. Namun demikian, atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap masyarakat orang asli, pada tahun 2020 satu Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asli akan diwujudkan dan sejumlah wang RM500,000.00 telah pun diperuntukkan bagi tujuan pembangunan modal insan dan juga kebajikan orang asli berbanding hanya RM100,000.00 pada tahun 2019. Dengan adanya jawatankuasa ini, harap agar dapat membantu menggerakkan kerjasama yang lebih erat dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangkitkan isu-isu berkaitan orang asli di Negeri Selangor. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Ya, terima kasih Yang Berhormat EXCO, Kajang. Sekarang ni persilakan Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bermula dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan. Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Lanjan membangkitkan berkaitan peruntukan PK.12 iaitu Pemuliharaan Tapak Pelupusan Sampah. Untuk tahun 2020, peruntukan ini telah diletakkan di bawah peruntukan PK.19 iaitu Vot Pelbagai, ada. Tetapi diletak di Vot Pelbagai, PK.19, *nineteen*. OK. Untuk menjawab soalan yang timbulkan oleh Yang Berhormat Gombak Setia yang membangkitkan bahawa monopoli syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. dalam pengurusan sisa pepejal dan tempoh kontrak sehingga selama tujuh tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pengambilalihan KDEB Waste Management sebagai syarikat pengurusan sisa pepejal, pelantikan kontraktor kutipan sampah adalah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempat dengan penilaian harga dipilih melalui tender terbuka pada harga yang paling rendah dan tempoh kontrak yang diberikan selama dua atau tiga tahun. Kesan daripada tempoh kontrak yang pendek dan harga rendah dilihat terdapat kelemahan dari sudut pelaburan oleh kontraktor di mana kontraktor tidak dapat membeli aset baru seperti lori dan *compactor*. Oleh yang demikian, lori-lori yang digunakan oleh kontraktor adalah daripada lori-lori lama menyebabkan jadual kutipan terganggu akibat daripada lori rosak dan sebagainya. Selain itu, terdapat lori *compactor* yang sama beroperasi di kawasan PBT yang berlainan kerana pemilik syarikat mendapat kontrak di PBT lain. Bagi kontraktor baru yang memperoleh kontrak, didapati mereka hanya menyewa lori sahaja daripada syarikat yang mempunyai banyak lori menyebabkan kos operasi kontraktor meningkat. Permasalahan ini menyebabkan aduan sampah yang diterima PBT seperti sampah tidak dikutip, kutipan tidak mengikut jadual atau sebagainya meningkat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-7 Tahun 2016 pada 24 Februari 2016 telah disahkan oleh MMKN Ke-8 Tahun 2016 pada 2 Mac Tahun 2016 telah bersetuju untuk mewujudkan PMC milikan Kerajaan Negeri iaitu KDEB Waste Management sebagai pengurus pelaksanaan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam secara

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

bersepada. Dan, Majlis Perbandaran Klang telah dijadi sebagai projek perintis. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menggunakan model tersebut di seluruh PBT Selangor sekiranya pelaksanaan PMC ini berjaya di MPK. Berdasarkan keputusan tersebut operasi PMC telah pun diperluaskan di 11 buah PBT sehingga hari ini. Dan, Kerajaan Negeri telah memberi tempoh sehingga tujuh tahun...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kinrara duduk sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya, Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata. Tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat EXCO. Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Kerajaan Negeri telah memberi tempoh selama 7 tahun bagi pelaksanaan PMC untuk membolehkan aset-aset baru seperti lori dan Compactor yang baru dan pembangunan sistem dapat dilabur oleh sebuah syarikat berbentuk PMC yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk mengurus dan mengendali perkhidmatan kutipan sampah. Untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan PMC ini adalah bukan dilihat monopoli kerana terdapat sebanyak 1000 buah syarikat atau kontraktor yang berpayung di bawah KDEB Waste Management. Malah KDEB Waste Management telah membantu ramai usahawan kecil dalam industri sisa pepejal sampah serta dapat mengubah landskap asset sisa pepejal di Selangor dan melalui modal ini kerajaan Negeri berjaya menghidupkan peluang bagi 1000 syarikat untuk terus aktif dalam bidang kutipan sampah pepejal dan pembersihan awam. Namun pemantauan yang dijalankan oleh pihak KDEB Waste Management amat tegas terhadap mana-mana syarikat yang mempunyai masalah prestasi sehingga kini KDEB Waste Management telah menamatkan 11 kontraktor di atas faktor prestasi yang tidak memuaskan. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Balakong berkenaan kebajikan haiwan liar. Melalui belanjawan 2019, Yang Amat Berhormat...

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Tentang KDEB Waste tadi, saya mohon penjelasan kerana saya kira betul sebagaimana Yang Berhormat EXCO sebutkan tadi memang idea asal kita adalah untuk memastikan kebersihan dan kutipan sisa pepejal itu berlangsung dalam keadaan yang baik. Sebab itu idea asal KDEB ini kita tubuhkan kita gunakan pilot project di Klang dan kita minta supaya KDEB Waste bantu di beberapa PBT-PBT yang lain sebagai penyelamat khususnya untuk memastikan kebersihan dan apabila ada kontraktor-kontraktor yang PBT lantik tersebut gagal jadi KDEB Waste masuk. Tapi dalam keadaan sekarang ini yang saya bangkitkan semalam adalah bagaimana pula pendirian kerajaan dan apakah langkah kerajaan apabila KDEB Waste ini sendiri prestasinya kurang memuaskan dan mendapat bantahan ataupun kritikan di kalangan ADUN-ADUN dan juga Ahli-Ahli Majlis. Tambahan pula saya kira kalau Yang

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Berhormat sebutkan tadi memang betul dari segi perbahasan kita sewaktu saya mulakan semalam dengan perbahasan bahawa kita boleh bahasa yang cantik-cantik belaka di dalam dewan ini. Kita boleh kata, kita bantu 1000 usahawan, 1000 syarikat-syarikat baru dan sebagainya tetapi realiti di bawah yang ingin saya bangkitkan ada juga di kalangan syarikat-syarikat yang mendapat kontrak dari KDEB ini akhirnya dia tidak mampu melaksanakan dengan piawaian yang disediakan oleh KDEB dan akhirnya dia sub kepada syarikat-syarikat yang lain. Ini yang saya sebutkan budaya sub dan sub kepada mereka yang kedua, ketiga dan akhirnya menyebabkan pembaziran kerana prestasinya tidak memuaskan. Dan yang menjadi mangsa adalah rakyat, kutipan tidak berlaku dengan baik dan yang menjadi mangsa lebih terus lagi ialah di kalangan ADUN dan Ahli-Ahli Majlis di dalam kawasan PBT. Sebab itu saya minta supaya Kerajaan melihat hal ini dengan begitu serius kerana kita tidak boleh langsung berkompromi dengan soal prestasi. Saya sebutkan semalam bahawa mutu dan kualiti perkhidmatan perbandaran adalah cerminan kepada prestasi Kerajaan Negeri pada hari ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia. Sebenarnya idea asal dan idea sekarang adalah masih sama. Iaitu kita nak menjadikan Selangor sebuah negeri yang paling bersih di Malaysia. Jadi melalui KDEB kami mengharapkan KDEB dapat melaksanakan kerja pembersihan dan kutipan sampah yang terbaik. Dan satu kajian akan dilaksanakan dalam tahun depan. Untuk mengkaji prestasi kontraktor-kontraktor KDEB melalui kajian tersebut saya yakin kita boleh nampak prestasi yang sebenarnya adakah prestasi yang meningkat atau merosot. Dan berkenaan dengan soalan sub kontraktor itu, ia bukan berlaku sekarang sahaja. Dulu tu pun pernah berlaku tetapi saya yakin keadaan seperti macam ni telah sangat kurang sekiranya kita banding dengan dulu.

**Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat EXCO ada mengatakan satu kajian akan dilakukan pada tahun hadapan berkenaan prestasi kutipan sampah dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya adakah pihak yang menjalankan kajian ini adakah pihak berkecuali kerana kalau kita lihat segala data-data kita yang kita sandarkan untuk kita melihat sama ada prestasi KDEB atau sebagainya mencapai sasaran data-data kita masih bergantung pada pihak yang melakukan kerja itu sendiri. Jadi kita bukan nak kata ada pengubahaian data atau sebagainya tapi data kita itu bergantung pada satu pihak yang masih berpihak. Jadi adakah kajian ini akan dilakukan oleh satu badan yang memang bebas dan tidak terikat pada mana-mana dan supaya dia dapat memberikan maklumat yang jelas dan betul-betul tepat apakah keadaan di bawah sana. Dan kita juga harus ingat berkenaan dengan pengurusan ini bukan sahaja sampah tetapi juga pembersihan awam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat nanti dulu. Dusun Tua ada bahas pembangunan tentang KDEB?

**Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Tak ada.

**TUAN SPEAKER :** Tak ada ya?. Silakan, terpulang kepada EXCO.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Saya boleh jawab. Ya. Kerajaan Negeri memang dalam proses untuk memilih sebuah syarikat atau badan yang bebas bukan KDEB bukan bergantung pada data daripada KDEB ataupun PBT. Sebuah syarikat atau badan yang bebas untuk menjalankan kajian. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Balakong berkenaan kebijakan haiwan liar. Melalui belanjawan tahun 2019 Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi projek kawalan haiwan. Objektif utama program tersebut adalah untuk memelihara keselamatan dan keharmonian kawasan setempat daripada gangguan haiwan. Khususnya yang melibatkan anjing dan kucing terbiar. Pelaksanaan projek kawalan ini termasuk.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Pertama menaik taraf pusat jagaan adopsi haiwan bagi menyelesaikan masalah kekurangan ruangan untuk menyimpan haiwan terbiar. Yang kedua, memberikan latihan kepada para petugas PBT berhubung kaedah penangkapan haiwan yang lebih praktikal dan berperikemanusiaan bagi meminimumkan kecederaan terhadap haiwan liar yang ditangkap. Yang ketiga, penyerahan peralatan-peralatan bagi menjaga keselamatan petugas haiwan. Dan keempat, program kesedaran melalui PBT-PBT dalam usaha mengawal dan mencegah pembiakan haiwan seperti anjing liar dan kucing terbiar yang mengganggu kesejahteraan setempat.

Soalan daripada Yang Berhormat Teratai berkenaan prestasi CCTV. Tuan Speaker seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, sehingga Oktober 2019 sebanyak 775 unit CCTV telah dipasang di seluruh negeri Selangor yang merangkumi 414 unit milik Kerajaan Negeri. 225 unit milik KPKT. 136 unit milik PBT. Prestasi CCTV sentiasa dipantau oleh PBT dan IPD masing-masing. Setiap kerosakan yang berlaku akan segera dilaporkan kepada vendor dan kerosakan hendaklah dibaiki dalam tempoh 24 jam. Yang Berhormat Teratai juga membangkitkan isu berkenaan perkhidmatan bas Smart Selangor yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Perkhidmatan bas Smart Selangor dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atas keprihatinan demi pembangunan negeri berkonsepkan dari rakyat untuk rakyat. Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada semua rakyat. Namun atas dasar hak kemanusiaan Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang perkhidmatan ini digunakan oleh warga asing. Sebagai kerajaan yang prihatin dan mengutamakan rakyat juga atas desakan dan permintaan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Kerajaan Negeri mengesyorkan perkhidmatan ini teruskan secara percuma kepada rakyat, manakala bayaran minimum diperkenalkan untuk warga asing. Oleh itu kadar RM1 yang disyorkan adalah munasabah dan bersesuaian berbanding dengan kadar sebanyak RM2 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Teratai. Memandangkan kadar bagi *feeder bus* MRT atau LRT juga adalah sama iaitu RM1 sahaja. Satu soalan lagi daripada Taman Templer, berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Taman Templer supaya dipanjangkan laluan komuter ke Bandar Baru Selayang. Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan membawa perkara tersebut di peringkat Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Kinrara. Saya menjemput Yang Amat Berhormat Sungai Tua untuk teruskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Ahli-Ahli Dewan sekalian, terima kasih Speaker dan saya ucapkan terima kasih di atas keterlibatan seluruh Ahli-Ahli Dewan khususnya yang membahaskan berkenaan dengan peruntukan yang melibatkan pembangunan sebanyak RM1.333 bilion dan ini akan memacu diharapkan strategi ini akan maju pertumbuhan dan pembangunan negeri secara keseluruhannya dan sekali gus dapat merancakkan usaha-usaha kita bersama ke arah negeri pintar serantau menjelang tahun 2025 sebagaimana yang telah digariskan daripada awal ataupun yang telah ditetapkan daripada awal perbahasan dan perbincangan belanjawan-belanjawan atau belanjawan tahun 2020 nanti. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya meneliti dengan terperinci sama ada di dalam bilik ini atau dalam dewan ini atau di luar sana setiap butir perkataan dan juga setiap yang dikeluarkan pandangan-pandangan Ahli Dewan sekalian, dan saya berharap agar keseluruhan Ahli Dewan ini dapat meneliti secara lebih menyeluruh konsep pembangunan dan juga hasrat pembangunan yang dirancang. Bila saya meneliti ada beberapa perbahasan yang spesifik ada sebahagian daripada kita minat untuk membincangkan tentang lokaliti itu, lokaliti ini di kawasan saudara-saudara terutamanya tetapi tidak dapat menggabungkan dan menghubungkannya dengan kontak keseluruhan. Hasrat kita ingin menjadi sebuah Smart State. Hasrat kita untuk menjadi sebuah negeri serantau dan sebagainya. Kalau sikap ini berterusan akhirnya kita gagal untuk membentuk

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

belanjawan kita dan nilai kita dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Sebab itu apabila saya sebutkan tentang populis polisi dalam peruntukan-peruntukan belanjawan bukan bererti populis polisi itu satu dosa besar yang berterusan kerana dalam kontak demokrasi ukurannya sekarang adalah 50%+1. Maknanya itu minimum yang harus didapat. Maknanya populariti itu harus mencapai kepada satu tahap yang terbaik yang tertentu untuk melayakkan saudara-saudara duduk di dewan. Tetapi populis polisi itu juga sepatutnya tidak boleh mengasingkan. Tidak boleh mengasingkan diri kita dengan institusi iaitu Dewan ini dengan negeri dan juga rakyat ataupun perwakilan saudara-saudara sebagai perwakilan dan juga dengan rakyat secara keseluruhan. Dan ini mengingatkan saya kepada sebuah buku yang menarik tentang populisme ini iaitu bertajuk “Me the people” karya Nadia Ubinati. Kalau kita sempat menelitiinya kita akan dapat lihat dan akan dapat mencari titik keseimbangan di antara kecemerlangan dan populariti. Kita di dalam kawasan dan juga hasrat kepada sebuah negara, negeri dan dewan yang kita miliki. Sebab itu ada permintaan-permintaan yang kadangkala kita tak dapat penuhi di peringkat awal. Ataupun kalau dari sudut kemanusiaan daripada sudut sementara kita boleh lihat tetapi atlare ataupun daripada gambaran dan kerangka besar pemikiran, kerangka besar terhadap perjalanan negeri kita terpaksa ambil tindakan-tindakan yang kadangkala tidak popular yang kadangkala dianggap terkebelakang yang kadangkala tidak *make sense* dalam setengah perkara tapi untuk kepentingan tertentu dan saat-saat tertentu kita ambil tindakan-tindakan yang tegas. Kota Damansara membangkitkan tentang Sungai Pelepas dan juga apa yang terjadi di Sungai Kedondong sebagai contoh dan beberapa tindakan susulan yang kita akan lakukan. Kita mengehadkan penerimaan air percuma sebagai contoh. Kita menyusun dan menjajarkan semula dasar-dasar inisiatif peduli rakyat kita ataupun dasar-dasar populis ataupun dasar-dasar *people centric* kita. Itu semua disusun dan diatur tidak lain dan tidak bukan supaya kita dapat maju setapak ke hadapan mengolah beberapa pandangan-pandangan dan juga mengolah beberapa polisi-polisi agar kita dapat capai kepada tujuan yang digariskan. Kita mempunyai garis besar iaitu Smart State dan sekarang ini kita harus invest ataupun kita harus labur dalam beberapa infrastruktur dan program-program. Sebab itu pada belanjawan kali ini kita memberikan peruntukan sejumlah RM50 juta dan RM50 juta yang kita akan peruntukan itu akan memberi fokus terutamanya kepada alat-alat penting terhadap sebuah Smart State iaitu sebagai contoh ia adalah Command Center kita. Sekarang Command Center kita beroperasi di Bangunan Darul Ehsan. Ya, masih agak baik. Telah jadi rujukan tetapi untuk beroperasi yang boleh menganalisis data kita memerlukan ruangan yang lebih luas, kita dah membuat *pilot project* CCTV yang tidak cukup cuma 700 lebih jadi kita kena panjangkan dan lebarkannya lagi. Di samping kita berterima kasih dengan MCMC terutamanya yang menjamin bahawa menjelang tahun 2022 secara keseluruhan Negeri Selangor *being connected* dengan fiber optik ataupun gentian optik yang secara tidak langsung menjadi *backbone* penting kepada kelahiran sebuah *Smart States* atau pun kelahiran sebuah negeri pintar yang kita harapkan dan kita impikan di masa depan. Saya ingin memberikan maklum balas secara terus terhadap beberapa pandangan yang telah dikemukakan.

Pertama daripada Sijangkang yang mengutarakan agar Kerajaan Negeri meneruskan program-program yang mengutamakan kesepakatan muafakat dan perpaduan masyarakat berbilang kaum dalam Negeri Selangor dan inilah prinsip yang kita pertahankan daripada awal dan sebab itu kita akan teruskan cuma mungkin mekanismenya adalah sedikit berbeza. Kalau sebelum ini kita melaksanakan program-program dalam bentuk seperti *code, uncode*, doktorinesasi iaitu program-program latihan kepada pemimpin – pemimpin setempat, kepada penjawat-penjawat awam dan sebagainya, saya kira setelah 10 tahun

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

ke hadapan kita mengubah fokusnya ke arah yang lebih baik iaitu pertemuan dan hubungan dengan rakyat secara langsung. Justeru daripada program SPICE kepada program INSAN dan kita laksanakan sekarang dalam bentuk program pendidikan kenegaraan dengan mewujudkan partisipasi terus rakyat di dalam program-program yang di susun bersama dengan pemimpin-pemimpin seperti Ahli Dewan Negeri, seperti Ahli Majlis, seperti Ketua Kampung, PEBT dan PWB. Jadi *team* Selangor menjadi salah satu daripada ejen kita yang mengutarakan dan menggariskan hubungan program kemasyarakatan dengan Kerajaan Negeri dan juga menggalakkan beberapa elemen-elemen baru sebagai contoh *volunteerism* ataupun kesukarelaan di kalangan masyarakat dan *public* terutamanya dan tahun hadapan kita cuba menjurus kepada kesukarelawanan hijau dan melihat hijau itu bukan hanya hijau tetapi di saat mereka menanam pokok, mencantikkan landskap, memungut plastik, mengitar semula bahan-bahan terbuang, elemen-elemen perpaduan diserapkan secara tidak langsung dalam program-program itu dan bukan hanya melalui ceramah di dalam kelas, ataupun ceramah di dalam bilik darjah ataupun di dewan-dewan seminar yang saya percaya kita telah melepas tahap-tahap tersebut atau ruangan-ruangan tersebut di mana sebelum ini kita mendidik pemimpin-pemimpin terutamanya ada bagi saya di tahun 2008 sampai tahun 2012 dan 2013 mungkin ada sebahagian daripada penjawat awam kurang memahami *approach* dan pendekatan Pakatan Rakyat ketika itu dan sekarang dalam Pakatan Harapan setelah nak masuk ketiga penggal saya kira hal itu sudah selesai di peringkat pembuat dasar dan di peringkat *top management of the states* ataupun kepimpinan tertinggi di peringkat negeri dan kita harus membudayakannya di peringkat akar umbi melalui program-program yang dilaksanakan dalam program kenegaraan. Jadi *Insya Allah* elemen-elemen itu akan dikenalkan, perpaduan masyarakat, hubungan antara kaum, mengetahui apakah dasar dan hala tuju negeri dan negara pada ketika ini, apakah matlamat kepada penubuhan negeri ini supaya kekal dalam keadaan *moderate* menjadi rumah yang dihuni dengan selesa oleh semua orang dan sekarang Selangor memang menjadi tempat huni kepada semua masyarakat kita tidak kira dari berbilang kaum, daripada pelbagai negeri malahan daripada luar negara atau pun daripada tempat-tempat lain.

Justeru peruntukan yang besar juga kita telah peruntukan untuk menjawab Bukit Melawati berkenaan dengan pembangunan minda rakyat dan ini adalah peruntukan-peruntukan yang disalurkan melalui media kita seperti Selangor TV, seperti TV Selangor atau pun Selangorkini dan beberapa media-media yang dikeluarkan. Asasnya pembangunan minda rakyat ini sebelum ini kita berbelanja lebih daripada RM10 juta dan sekarang kita peruntukan hampir RM9 juta untuk memastikan maklumat-maklumat yang disalurkan kepada kita Kerajaan Negeri disalurkan melalui Selangorkini dan juga melalui TV Selangor dan pada ketika ini sebenarnya sesuai dengan perubahan politik yang berlaku di peringkat *federal* dengan akses kita dengan Kerajaan Persekutuan yang lebih mesra dan akrab, kita sedang memikirkan bagaimanakah memasukkan pengisian Selangor TV di dalam saluran TV digital yang ada dan yang mula akan dilaksanakan tidak lama lagi. Tidak berapa lama lagi siaran TV analog akan berhenti dan akan beralih kepada TV digital dan ini memberi peluang sebenarnya untuk kita mengisi *content* dan pengisian TV-TV kita tapi kualitinya kita kena perbaikilah bukan hanya berita, bukan hanya ucapan siaran langsung dewan atau pun siaran langsung parlimen. Untuk makluman semua Ahli-Ahli Dewan, TV Selangor telah mencatatkan bacaan serta langganan atau pun kehadiran yang tinggi semasa pilihan raya umum yang lalu kerana rakyat hendak dapatkan sumber alternatif berita-berita yang lebih *credible* dan lebih berterus terang dan pada masa sekarang nilainya agak turun kerana mereka sudah anggap sekarang survey terbaru RTM dipercayai, paling dipercayai.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Nombor kedua adalah Astro Awani berbeza dengan masa-masa yang lepas dan saya rasa baik masanya kita mengubah strategi pendekatan media ini dengan bercampur dengan mereka tapi masih lagi mengekalkan nilai berita daripada Selangor dan juga pengisian berita-berita daripada Selangor yang mungkin boleh terus dalam digital tv. Kosnya agak tinggi hampir RM10 juta, kalau kita belanjakan semua maka kita tak boleh keluarkan Selangorkini tapi kita sedang bincang untuk bergabung dan bercantum dengan beberapa siaran-siaran TV Sekarang ini yang sedang ingin menyusun semula apabila terhapusnya analog TV ini sebenarnya siaran-siaran TV seperti TV Hijrah, TV3, TV9, TV1, RTM malahan Astro berdepan dengan situasi sangat mencabar. Mencabar bagaimana mereka hendak *fit* dengan digital TV yang diberikan secara percuma tetapi berkualiti HD dan boleh akses hampir di kesemua tempat-tempat. Sekarang ada pilot projeknya di Langkawi, kita sedang menunggu maklum balas yang terabit tetapi saya yakin kalau kita boleh memasukkan elemen-elemen ini kita boleh kembangkan dan kita boleh mantapkan penyampaian berita-berita mengenai Negeri Selangor. Memang kadang-kadang orang tak ingat Selangor ini, orang tidak tahu Selangor ini selama bertahun-tahun sebenarnya dalam tempoh lima enam tahun kebelakangan ini di pihak Kerajaan Negeri, EXCO Pelaburan dan juga EXCO Usahawan termasuk beberapa EXCO-EXCO yang lain, bila kita pergi keluar kita terpaksa memperkenalkan Selangor, terpaksa memperkenalkan sebab bila sebut Malaysia orang ingat Kuala Lumpur, bila sebut Malaysia, orang akan ingat Melaka tetapi mereka jarang ingat Selangor sedangkan banyak HQ-HQ di Selangor tapi mereka anggap HQ itu adalah di Kuala Lumpur maklumlah Kuala Lumpur International Airport pun sebenarnya duduk di Selangor tapi kita agak berbangga beberapa inisiatif kita sebagai contoh inisiatif *Smart Selangor* kita, sampai ke hari ini tidak berapa lama lagi saya dan beberapa EXCO akan pergi ke Barcelona untuk *Conference of Smart States* ataupun *Smart City* jadi kalau lihat daripada senarai yang dipanggil Malaysia tidak dipanggil, wakil daripada Malaysia adalah daripada Negeri Selangor Darul Ehsan dan kita akan bersama duduk bersama dengan Singapura, wakil Singapura adalah Menteri Luar mereka untuk membentangkan apakah penemuan, hasil terbaru dan berkongsi apakah nilai-nilai baru dan inisiatif baru mereka tentang *Smart States*. Jadi saya rasa perkara ini harus di bawa dan dikembangkan oleh semua Ahli-Ahli Dewan bahawa kita sedang menerajui di hadapan. Bila kita menerajui di hadapan sudah pasti ada banyak lalang, bonggol, bongkah yang kita perlu hadapi atau pun kita elak, ada perkara *try and error* dan sebagainya namun *Alhamdulillah* kita masih lagi menjadi rujukan dan pengiktirafan dan hasil yang baik dapat dikemukakan dan mewakili Malaysia ke arah yang lebih baik. Justeru saya sangat gembira dengan keprihatinan Ahli Dewan berkenaan dengan kemudahan asas, masalah banjir, masalah jalan, masalah longkang, ini masalah penting, masalah kutipan sisa pepejal yang disebutkan oleh Ahli Dewan Gombak Setia dan juga dijawab oleh Kinrara sebentar tadi, ini asas dia tapi bagaimana kita ingin mengatasi perkara tersebut dengan konsep *Smart States*, kita kena bercakap hal ini, kita kena utarakan hal ini, kita kena *connect* dan cantumkan dan hubungkan persoalan ini barulah kita dapat bersama-sama dapat menuju ke arah *Smart States* menjelang tahun 2025 dan saya seru ini bukan impian kerajaan sahaja sepatutnya ini perlu menjadi impian seluruh Ahli Dewan termasuk Ahli Pembangkang dan kita hendak harapkan rakyat di seluruh negara, negeri kita bergerak ke arah tersebut dan barulah kita dapat mencapai sasaran dan harapan yang telah kita harapkan dan kita gariskan sebagaimana yang kita buat. *Alhamdulillah* sebenarnya format dan formula kita berbeda dengan tempat-tempat lain di dunia.

Formula kita agak *accepted* sebab itu setiap tahun kita masih lagi dijemput di Barcelona itu kerana kita mempunyai pendekatan kaedah yang sedikit berbeza, yang nampak *problem*

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

solving penyelesaian masalah dan ada hubungan langsung dengan rakyat dan berulang kali saya sebutkan termasuk dengan penjawat awam pertemuan dengan *Smart City Council* bahawa *Smart City* ini bukan sahaja dengan teknologinya, bukan kelajuan internetnya dan *sophisticated element of application* yang kita kemukakan tetapi bagaimana rakyat dapat *benefit*, dapat rahmat, dapat baik, dapat menggunakan setiap kemudahan-kemudahan yang kita perkenalkan melalui istilah atau pun melalui pendekatan *Smart State*. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menjurus tentang perpaduan ini juga beberapa Ahli Dewan seperti Sungai Kandis dan Kota Anggerik membangkitkan tentang penterjemahan karya-karya agung yang kita teruskan. Setakat ini lebih daripada 22 karya telah kita terbitkan. Karya barat, karya tempatan, karya asing, karya luar terutamanya kerana ia melibatkan terjemahan-terjemahan kerana bagi kita yang pentingnya atau pun bahan-bahan dalam Bahasa Melayu itu harus diperbanyakkan supaya dilebarkan pandangan-pandangan mereka itu dapat melihat daripada pelbagai konteks dan saya sebutkan dalam penggulungan yang lepas antara karya yang paling cepat habis ialah karya-karya Al-Ghazali seperti *al-Munqaz al-Dulal* dan beberapa karya-karya lain khususnya yang berkenaan dengan atau pun Islamik dan telah kita terbitkan berulang kali dan kita menyambut baik malahan Perpustakaan Negeri telah mulakan dalam tahun ini mungkin belum popular lagi siri-siri bedah buku yang telah kita terbitkan dan kita galakan supaya *library* atau pun perpustakaan Tun Raja Uda atau Pustaka Raja Uda mengadakan program-program ini walaupun tempatnya agak dalam tapi kita akan cuba mempopularkan dan menjadikan tempat tumpuan ramai selain berkongsi maklumat dan juga buku-buku yang akan kita terjemahkan nanti kita telah kemukakan.

Ahli Dewan sekalian, dalam masa yang sama kita membina pemikiran rakyat, kita mengayakan pemikiran rakyat, kita meningkatkan kualiti pemikiran rakyat, kita juga berdepan dengan masalah-masalah sosial. Sungai Panjang membangkitkan tentang peruntukan yang telah kita siapkan untuk antidadah atau pun penyalahgunaan dadah dan Kuang turut membangkitkan hal yang sama dan sudah pasti ini satu usaha berterusan yang patut kita pertingkatkan dan dengan beberapa hujah daripada kawan kita sebagaimana Jeram dan sebagainya kita harus berhati-hati sebab kondisi penyalahgunaan itu sangat parah lebih-lebih lagi bila ada istilah NPS *None Psychotic Substance*. *None Psychotic Substance* ini adalah dadah-dadah dalam bentuk sintetik dan harganya lebih murah tetapi kesannya, gandaan kesannya ratusan kali lebih bahaya daripada dadah-dadah bentuk herba seperti ganja atau pun ketum, dia dimasukkan di dalam kategori dadah berbahaya dan kita terpaksa berdepan dengan persaingan-persaingan ini malahan kalau saya nak sebutkan di sini di kawasan di Sabak Bernam khususnya di kawasan Pancang Bendena di mana? Di Air Tawar atau di Sungai Panjang? Di Sabak, ini satu perkara yang agak memalukan tetapi kita kena lawan, itu saya sebutkan di sini. Di situ adalah tempat harga dadah paling *affordable* di Malaysia, daripada Penang, daripada Singapura, daripada selatan tanah air, daripada utara, daripada pantai timur datang ke tempat tersebut walaupun transaksi dan pengedaran itu dibuat oleh pendatang-pendatang tanpa izin khususnya atau pun orang-orang Myanmar yang kita kenal pasti, beberapa serbuan telah dibuat, beberapa tangkapan telah dibuat, beberapa halangan dan kekangan telah dibuat akhirnya masih lagi berterusan dan kali pertama sebenarnya kita peruntukan sejuta tahun ini dengan *solid* sebab kita bekerjasama dengan agensi-agensi Antidadah Kebangsaan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah ini dan *Alhamdulillah* permintaan kita kepada Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM15 juta untuk menangani *hotspot-hotspot* saya sebutkan di sini supaya semua faham, kita ada *hotspot* di Felda Soeharto, Hulu Selangor, kita ada *hotspot* di Sabak Bernam dan kita ada *hotspot* di Desa Mentari

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

ataupun di kawasan Seri Setia. Satu (1) di kawasan bandar, dua (2) di kawasan luar bandar. Dan saya rasa ini perlu kita tangani dengan bekerjasama dengan setiap agensi dan PEMADAM datang sebagai agensi yang dilantik oleh negeri untuk mempopularkan di kalangan masyarakat setempat.

Pendekatan kita juga sedikit berbeza. 30 November ini, sebagai contoh, kita buat larian. Sebelum ini, kita buat konsert dengan Ella. Konsert itu bukan konsert sahaja, kita nak popularkan antidadah. Malahan kita bekerjasama dengan Konsert *Reunion Dewa*, Konsert *Reunion Dewa* daripada Indonesia semata-mata ingin masukkan elemen antidadah di dalam mesej-mesej yang disampaikan, walaupun secara tidak langsung hanya sekitar 20 ke 30 peratus, saya percaya ia sedikit sebanyak memberikan kesan baik. Kalau sebut RM1 juta cukup tak cukup? Memang kita belum cukup tetapi kemampuan kita berdasarkan agensi kita yang sedia ada iaitu PEMADAM, saya rasa ia mencukupi untuk tahun pertama dan saya sebutkan, kalau tidak ada nampak *concrete improvement* daripada segi pengendalian dan masalah dadah ini tahun depan kita akan gunakan kaedah lain termasuk memotong peruntukan yang RM1 juta ni. Mungkin kita kena alihkan kepada perkara lain. Sebab sekarang kita gunakan, kena terlibat dengan sekolah, kena terlibat dengan pihak Universiti. Kalau kita impikan dadah ni di kalangan mereka-mereka yang tak belajar dan mereka-mereka yang tak sekolah, mereka-mereka yang menganggur, itu pandangan lama sebenarnya. Kalau kita betul-betul tegar kita tahu masalah ini telah bermula seawal 12 dan 13 tahun di kalangan anak-anak muda kita. Dan ini satu perkara yang harus kita pandang dengan serius, kita cakap soal *Smart State*, kita bertegang leher soal lampu jalan tak cukup, banjir tak selesai. Tapi masalah ini akan terus menghantui kita dan Kerajaan Negeri komited dengan segala upaya kita untuk menangani dan membanteras masalah penyalahgunaan dadah bermula dari peringkat awal. Tetapi kita kena memahami secara keseluruhan, sebab itu saya minta Ahli-Ahli Dewan kita berhati-hati. Jangan mudah-mudah kita cakap '*halal ganja*'. Saya pun faham konteksnya, tetapi lebih baik kita spesifik. Kita gunakan perkataan "*Hem*" supaya ia tidak menjurus kepada yang disebut oleh Kuang tadi, dekriminalisasi. Yang disebut oleh Kuang, memang penagih itu mangsa, *victim* tetapi di dalam komuniti kita, di dalam masyarakat kita, bila wujud penagih-penagih ini, mereka akan resah. Sampai ke satu tahap ada alasan-alasan, tak guna buat operasi dadah. Akhirnya penagih ini tangkap lepas, tangkap lepas, tangkap lepas. Dan mereka berulang-ulang. Dan ini perkara *real* yang berlaku di Rawang dan saya rasa kita perlu tangani dengan berusaha bersungguh-sungguh dan memahami konteks ini secara keseluruhan dan ini masalah *real* yang kita perlu hadapi dengan bersungguh-sungguh oleh semua Ahli-Ahli Dewan.

Baik, dalam masa yang sama, saya rasa beberapa Ahli-Ahli Dewan juga membangkitkan tentang Program Ikhtisas iaitu Bukit Malawati dan juga Banting. Yang spesifik kalau boleh saya sebutkan penjenamaan semula Kolej Antarabangsa Inspens kepada Pusat Pembangunan Latihan dan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Ikhtisas, akan mengadakan kajian menyeluruh bagi menyusun semula struktur organisasi dan memastikan penglibatan *academia* dan penggiat industri dapat digabungkan mencapai objektifnya. Selain itu, bagi kakitangan sedia ada, beberapa cadangan program pemerkasaan daripada aspek latihan dan kompetensi akan dilaksanakan. Penubuhan Institut Ikhtisas dijangka mengambil sedikit masa memastikan peranan dan fungsinya memainkan peranan seiring dengan peranan yang dimainkan oleh *Federal Institute of Vocational Education and Training* ataupun *BIBB* di German.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, apabila kita membuat lawatan ke German tahun ini, kita dapati ekosistem adalah satu perkara yang sangat penting dalam sistem pendidikan, teknikal dan vokasional. Kalau kita nak ceritakan *dual system* dan sebagainya, ia adalah satu pandangan, betul. Tetapi *dual system* itu disokong oleh ekosistem. Ekosistem itu harus berdiri, sebagai contoh, pusat latihan yang mengkaji unsur-unsur dan perkara-perkara vokasional, apa yang harus dibangunkan? Dan kemudian ada institusi dan ada hubungan dengan agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang berkenaan. Ia tidak boleh hanya *government effort* untuk membangunkan industri teknikal dan vokasional kerana akhirnya, pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi ataupun graduan-graduan daripada Program Ikhtisas nanti perlu bekerja. Tetapi, kalau kerja itu tidak *meet the target*, sebagai contoh, kita ada lima (5) bidang yang digariskan oleh pelaburan dan perindustrian, *F&B*, *Life Senses*, *Aerospace*, *Halal* dan *E&E*, *Transport* dan *Halal* sebagai contoh, *Transport and Machinery and Halal E&E* sebagai contoh. Ini semua adalah bidang-bidang yang menjadi core di Negeri Selangor. Tetapi bila kita lihat beberapa tawaran-tawaran latihan teknikal dan vokasional yang ditawarkan di Inpens kebanyakannya mengambil dengan *lower* ataupun hasil. Dan kita kena mengubah pandangan kita bahawa TVET ini bukan untuk *second chance small ground*. Saya lihat satu soalan daripada Templer yang menyebutkan bahawa TVET untuk pelajar-pelajar tercicir. Betul, itu adalah sebahagian daripada pandangan dahulu tetapi sekarang kita nak TVET juga untuk *first class student*. *First grade student*. Di mana mereka ada kemahiran Matematik, Sains yang tinggi dan digabungkan dengan kemahiran tinggi kerana mereka harus mengurus dan mengawal *machinery-machinery*, alat-alat automatik dan juga alat-alat yang berteknologi tinggi. Sebab itu, perubahan *shifting* ini perlu disokong dengan ekosistem.

Sebab itu kita buat, dan kita gubah Inpens supaya ia menjadi salah satu ekosistem menyendal setiap ruang kosong itu supaya tidak terkikis. Kalau tidak, kita ada Kolej Komuniti yang membuat TVET. Kita ada IKDM yang buat TVET, kita ada Giat Mara yang buat TVET. Kita ada pusat-pusat institut lain *in plan* buat TVET. Akhirnya buat perkara yang sama. Baiki motosikal, baiki enjin, potong rambut, dandan rambut, dandan kuku, semua ada. Ya, itu diperlukan. Tetapi untuk teknikal, untuk aerospace industry, kita mengalami kekosongan yang besar. Untuk mengawal *machinery-machinery* yang besar, kita masih lagi mendapat kekosongan yang besar. Itu yang berlaku apabila saya sebutkan kita tawarkan 26,000 peluang pekerjaan setiap kali pelaburan masuk. Mungkin ribuan peluang pekerjaan. Di luar sana, angka pengangguran masih lagi dalam angka ribuan juga. Kenapa tak *matching*? Sebab kemahiran ikhtisas dan kemampuan mereka tidak seimbang. Jadi, Kerajaan Negeri terpaksa campur walaupun ini urusan Kerajaan *Federal*, sebab bagi kita, kita nak pergi kepada *Smart State*, ada ruangan Sumber Manusia dan Modal Insan yang harus diisi dengan program-program tersebut dan saya menyambut baik saranan yang dibuat oleh Banting bahawa Kerajaan Negeri mendapat pencapaian di peringkat Antarabangsa dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan proses penyediaan ekosistem ikhtisas bahawa mereka-mereka yang terlibat ini dilibatkan secara keseluruhan. Dan ia bukan kerja satu hari. Kalau saya tanya di German, bagaimana BIBB ini, ekosistem ini dibina dalam tempoh 700 tahun. Dan kita tidak perlu tunggu 700 tahun lah, sampai reput juga. Kita dah ada model nya. Kita boleh ikut tetapi kita buat ikut kemampuan dan kapasiti yang sedia ada, digabungkan dengan hasrat negeri *Smart State*, digabungkan dengan keperluan perindustrian yang datang sebagaimana yang disebutkan oleh pihak terbabit.

Teratai ada membangkitkan tentang peruntukan untuk sekolah-sekolah, ya, kita masihkekalkan sistem yang sama termasuk untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

yang telah diperuntukkan pada tahun-tahun yang lepas dan tidak perlu bimbang tentang angka tersebut. Terakhir sekali saya nak memberikan maklum balas kepada Sijangkang, apabila Sijangkang berkenaan dengan solat-solat Jumaat ataupun surau-surau solat Jumaat. Kebenaran bagi mendirikan solat Jumaat adalah di bawah pertimbangan dan kuasa penuh Jawatankuasa Tadbir Urus masjid dan surau yang diterima dengan permohonan surau atau dengan cadangan Setiausaha Jawatankuasa. Atas pertimbangan Jawatankuasa memberi kebenaran surau mendirikan solat Jumaat adalah, sebab pertama, atas keperluan yang wajar dipertimbangkan mengikut hukum, maslahat kesan kepada jemaah iaitu pembinaan dan baik pulih serta bencana yang melibatkan masjid sedia ada. Yang ( c ) jarak masjid sekitar 7km dan densiti yang mewajarkan dan yang ( d ) kesan jemaah Jumaat masjid dan surau sedia ada. Maknanya, empat perkara ini akan diberikan pertimbangan sama ada ada kesan maslahat, ada kesan jarak, ada kesan Jumaatnya, kadang-kadang bila kita benarkan, masjid jadi kosong, ha itu tak boleh pula lah. Kerajaan dah bina masjid dengan nilai lebih RM10 juta sekarang, akhirnya jadi kosong sebab orang lagi *prefer* pergi surau sebab surau di hadapan rumah mereka. Jadi, kita tidak bolehlah, kita kena tengok kesesuaian tersebut.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya mencadangkan supaya Jabatan Agama Islam ataupun pihak yang ada *authority* nya bertindak lebih proaktif, selain daripada hanya menunggu daripada ahli-ahli kariah ataupun Jawatankuasa Masjid untuk membuat permohonan berkaitan dengan penaiktarafan surau untuk dibenarkan solat Jumaat itu sendiri kerana bagi saya, saya melihat ada setengah-setengah masjid yang ahli jemaahnya terlalu ramai, yang anak-anak kita datang ke masjid tetapi tidak bersolat kerana keadaan yang tidak kondusif ataupun ruangan yang terlalu terhad dan ini, saya ingat merugikan untuk kita bangunkan kepada anak-anak kita ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Saya kemukakan kembali kepada Jawatankuasa terbabit supaya menilai dan bersikap proaktif sebagaimana cadangan Sijangkang, kita mahu keselesaan jemaah itu dapat diutamakan dan kita pernah memberikan kebenaran di Hotel De Palma, sebagai contoh dan sampai sekarang, ia memberikan kesan yang baik kerana mereka terpaksa bergerak lebih daripada 6 ke 7 km untuk sampai ke tempat solat Jumaat dan ada sebahagian penghuni-penghuni gagal untuk solat Jumaat apabila mereka tinggal di De Palma dan mungkin formula-formula ini boleh dilihat ikut kesesuaian dari semasa ke semasa. Saya kira, dah hampir semua yang saya jawab Yang Berhormat. Kalau tak ada yang tertinggal lagi mungkin boleh maklumkan secara terus tetapi saya ingin tegaskan kembali *Alhamdulillah* kita ucap terima kasih di atas partisipasi semua dan apa yang tergambar sebenarnya secara keseluruhan dalam Usul ini iaitu Usul kita ingin maju ke depan dan di saat kemajuan itu kita tak pastikan ada yang tertinggal di belakang. Dan sudah pasti, kita terpaksa menyusun, mengatur semula untuk maju ke depan ini. Kalau kita ikut *phase* yang lama, formula 2008, 2009 sampai lah 2015 dan 2016, kita masih boleh kekal apa yang sedia ada. Tetapi, apa yang saya sebutkan tadi, isu-isu terkini, penemuan fakta terkini, *trend* terkini seperti *Smart City* dan sebagainya, kalau kita tidak bertindak cepat ke hadapan, akhirnya kita akan tertinggal, kita hanya bercerita tentang sejarah kegemilangan tetapi kita gagal untuk bersaing di peringkat yang lebih besar. Semoga pembangunan akan terus rancak, kebijakan dapat dijaga, negeri yang unggul dan rakyatnya bermartabat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Berhormat Selat Kelang sedikit.

## 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya minta maaf kerana terlewat sedikit untuk menjawab beberapa perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat, yang telah membahaskan, menyentuh sedikit tentang pelancongan negeri dan seperti yang kita sedia maklum, kita telah pun mengadakan beberapa inisiatif-inisiatif yang boleh menambahbaik program-program pelancongan di Negeri Selangor terutama sekali projek perintis 3S dan juga kita sedang membangunkan satu sistem pendaftaran yang lebih terperinci, yang lebih baik untuk menentukan bahawa pendaftaran pelancongan di negeri ini akan dapat direkodkan dan dapat disemak dengan lebih sempurna. Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab beberapa soalan-soalan yang dikemukakan oleh Sentosa, yang pertama sekali tentang adakah Kerajaan telah mengenepikan peruntukan pusat kebudayaan di sepanjang Sungai Kelang. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri tidak pernah mengenepikan kepentingan dan pembangunan sosial dan pemeliharaan adat serta budaya mana-mana kaum di dalam Negeri Selangor. Adalah menjadi hasrat dan inspirasi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India di Negeri Selangor ini dalam usaha menghargai dan memartabatkan kepelbagaiannya kesenian dan kebudayaan yang harmoni di dalam masyarakat. Perancangan asal adalah supaya membangunkan ketiga-tiga pusat Kebudayaan di Negeri Selangor adalah selari dengan pengumuman pakej Rangsangan Pembangunan Sungai Klang yang akan menempatkan pusat-pusat Kebudayaan Negeri Selangor di sepanjang Sungai Klang.

Namun semenjak pembangunan ini di jalankan seawal tahun 2012 lagi banyak kekangan dan halangan bagi melaksanakan pembangunan pusat kebudayaan ini. Antara punca kekangan-kekangan ini adalah kos jangkaan yang amat tinggi di mana ia dijangka akan menelan belanja hampir RM300 juta sehingga siap sepenuhnya. Pada masa yang sama proses pengambilan semula tanah di tapak-tapak yang dicadangkan di khuatir akan menjaskas sosio ekonomi dan demografi Bandar Klang sebagai Bandar Diraja yang perlu dijunjung dan di hormati. Ini adalah kerana kawasan cadangan yang turut melibatkan tanah komersial yang bernilai tinggi di samping kesan-kesan lain yang boleh melibatkan sektor ekonomi, sosial dan juga harus diperhalusi. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri masih komited untuk membangunkan sebuah pusat kebudayaan yang bersepadu bagi Negeri Selangor seperti yang diumumkan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar semasa membentangkan Belanjawan Selangor 2020 baru-baru ini.

Kerajaan Negeri telah komited dan bercadang untuk mewujudkan Kampung Budaya Selangor yang dapat menjadi pusat rujukan kepada sejarah, kebudayaan dan tradisi etnik-etnik lain di Negeri Selangor dan satu kawasan seluas 35 ekar di tepi Sungai Klang yang terletak di tengah-tengah Bandar Klang telah dikenal pasti untuk dibangunkan dan sejumlah RM5 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut yang turut dipercayai yang akan mampu meningkatkan elemen tarikan pada Projek Selangor Maritime Gateway atau MSG melalui inisiatif ini. Yang kedua saya ingin menyentuh tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Kandis tentang Muzium Sultan Alam Shah yang kerja-kerja menaik taraf sedang dilakukan sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat Muzium Sultan Alam Shah adalah di bawah pentadbiran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor atau PADAT. Muzium ini ditutup sementara selama 13 bulan bermula 1 Mei 2019 dan akan dibuka semua selewat-lewatnya 31 Mei 2020. Keseluruhan kos pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf adalah berjumlah RM1.4 juta yang diperuntukkan oleh PADAT. Kerja-kerja

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

menaik taraf muzium ini amat diperlukan kerana dari 19 galeri yang dibuka pada tahun 1989 yang lalu boleh dikatakan keseluruhannya mengalami kerosakan yang serius. PADAT telah merangka untuk membuka semula 6 buah galeri yang mengandungi Galeri Sejarah Selangor, Galeri Kebudayaan Selangor, Galeri Seni Reka Moden, Galeri Ilmu Kejadian Selangor, Galeri Seni Lukis dan Galeri Islam Selangor. Untuk menjadikan muzium ini sebagai salah sebuah gedung ilmu dan destinasi pelancongan warisan, PADAT telah berusaha untuk menambah artifak-artifak atau koleksi yang berkaitan dengan Negeri Selangor.

Selain daripada itu muzium juga ingin membuka galeri baru yang dikenali sebagai Galeri Seni Reka Moden bagi memenuhi keperluan pengajian dan perkembangan pengajian di institusi pengajian tinggi. Kedua-duanya muzium ini akan menggunakan kaedah pameran yang memenuhi cita rasa generasi semasa dan yang akan datang. Dan akhir sekali saya ingin menyentuh soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Melawati tentang memanfaatkan Laman Budaya di Bukit Melawati bagi persembahan kebudayaan untuk kepentingan pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Warisan telah mengambil makluman dan mengambil perhatian terhadap pembangunan pelancongan di Daerah Kuala Selangor terutamanya di Bukit Melawati. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan atau PADAT juga telah merancang untuk menghidupkan semula Laman Budaya Kuala Selangor di Bukit Melawati. Ini memerlukan melalui persembahan-persembahan kebudayaan yang akan dipertontonkan kepada pengunjung ke Bukit Melawati mulai awal tahun hadapan. Sebagai tanda kesungguhan Kerajaan Negeri, PADAT telah melaksanakan kerja-kerja awal membaik pulih struktur Laman Budaya Kuala Selangor di Bukit Melawati pada tahun ini dan kos keseluruhannya sebanyak RM18,350.00. Kerajaan Negeri berharap agar usaha ini mendapat sambutan daripada orang ramai dan pengunjung ke Bukit Melawati dan seterusnya membantu menaikkan *image* serta bilangan pengunjung ke Bukit Melawati dan Negeri Selangor secara amnya. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga berharap agar Laman Budaya Kuala Selangor ini akan menjadi pentas dan platform pembangunan serta perkembangan aktiviti kebudayaan di kalangan generasi pelapis terutamanya di Daerah Kuala Selangor, terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Selat Klang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9 Sub Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM1,133 juta yang dinyatakan dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2020 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah di luluskan. Jadual Anggaran Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan 2020 B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri RM745,681,000.00. B04 Perbendaharaan Negeri Selangor RM1,565,000.00, B08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor RM11,767,000.00, B10 Jabatan Perhutangan Negeri Selangor RM5,225,000.00, B12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor RM178,000,000.00, B13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor RM84,400,00.00, B14 Jabatan Agama Islam Selangor RM98,980,000.00, B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor RM1,955,000.00, B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor RM5,427,000.00, Jumlah RM1,133,000,000.00. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**DEWAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya usul nombor 21 Tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI :** Boleh ke cakap macam itu.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia ataupun MARRIS yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti yang kita semua sedia maklum dan hari-hari Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat aduan berkenaan dengan masalah dan juga aduan yang selalu diterima berkenaan dengan jalan-jalan MARRIS di mana peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM500,000,000.00 setahun tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat masih lagi menerima aduan daripada pengguna-pengguna dan kita sendiri melihat ada jalan-jalan yang baru diturap tetapi mengalami kerosakan segera. Ada jalan-jalan yang tidak sepatutnya diturap tetapi jalan tersebut diturap. Ada jalan-jalan yang banyak jalan yang tidak diturap tetapi tidak diturap. Pusing-pusing.

Akhirnya Jawatankuasa Pilihan PBT telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 27 Ogos 2019 dengan Bahagian Perolehan Pengurusan Aset Perpendaharaan Negeri Selangor, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Petaling Raya, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya berkenaan Kaedah Pengurusan Peruntukan Sistem Maklumat dan Rekod Jalan Raya Malaysia ataupun MARRIS dan tujuan pendengaran tertutup ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan daripada agensi-agensi yang berkaitan kenapa aduan-aduan diterima walaupun jalan-jalan tersebut telah diturap tetapi masih lagi terdapat suara-suara yang tidak berpuas hati oleh pengguna-pengguna dan semasa pendengaran tertutup kita telah diberi penerangan bahawa mengikut Artikal 109 (1)(B) Perlembagaan Persekutuan telah memberi punca kuasa kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan Pemberian Peruntukan Kewangan Kepada Kerajaan Negeri Untuk Penyelenggara Jalan-jalan Negeri dan mengikut bahagian dua Jadual Ke 10 Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri ertiya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pembetungan yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya dan mengikut perenggan 11 Garis Panduan

## **12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri terdapat 4 campur 1 kategori penyelenggaraan iaitu pertama penyelenggaraan rutin iaitu berjadual, kedua penyelenggaraan berkala, ketiga penyelenggaraan kecemasan, keempat penyelenggaraan pencegahan dan kelima had sempadan penyelenggaraan cerun dan mengikut rekod sistem MARRIS *online* sehingga 31 Oktober 2018 menunjukkan sejumlah 21,742.38 kilometer jalan-jalan di Selangor akan di selenggara oleh peruntukan yang disediakan oleh MARRIS dan jalan-jalan tersebut adalah Jalan-jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Perbatuan Lorong Belakang, Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Jalan Kampung dan juga Jalan Pertanian yang jumlah penerimaan yang dijangka pada tahun 2019 adalah sebanyak RM516,578,820.00. Jumlah ini sangat besar tetapi masalah masih banyak dan setiap tahun kita Negeri Selangor menerima RM500,000,000.00 untuk Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri dan kadar pengiraan peruntukan MARRIS adalah seperti berikut di mana yang pertama Jalan Raya Negeri dan Jalan Bandaran setiap kilometer kosnya ialah RM31,000.00. Untuk Jalan-jalan Perumahan Kos Rendah, Jalan Kampung, Jalan Pertanian, Perbatuan Lorong Belakang kos setiap kilometer adalah sebanyak RM14,000.00 dan jabatan-jabatan yang akan mengendalikan Peruntukan MARRIS ini adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor dan yang terakhir Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan penentuan ciling untuk agensi-agensi pelaksana adalah seperti berikut di mana yang pertama keupayaan agensi, yang kedua prestasi agensi, yang ketiga obligasi sedia ada dan yang keempat peruntukan kawasan Dewan Undangan Negeri DUN sebanyak RM3,000,000.00 yang akan diberikan kepada setiap DUN dan kepada PBT, yang kelima kos pembaikan, keenam permohonan agensi dan terakhir 10% peruntukan dan selepas mendengar pendengaran tersebut Jawatankuasa. Banyak lagi Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Pelabuhan Klang sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 5.30 petang. Maka Dewan akan disambung pada hari esok hari rabu 13 November 2019 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.30 PETANG)**